

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 57

Selasa

30 Oktober 2007

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2008	(Halaman 27)
USUL:	
Usul Anggaran Pembangunan 2008	(Halaman 27)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Dari pada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 27)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 30 Disember 2007

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan *ranking* berita BERNAMA TV yang diberikan wajah baru dan disiarkan secara langsung di empat saluran ASTRO.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ASTRO melanggan dan menyiarkan Berita BERNAMA melalui empat saluran di ASTRO mulai 15 April 2007. Ia disiarkan di saluran ASTRO Ria jam 8.30 malam Berita BERNAMA, ASTRO Prima jam 7.30 malam BERNAMA News, ASTRO AEC jam 10.30 malam BERNAMA News Xin Wan, dan ASTRO Vaanavil atau dengan izin, ini perkataan Tamil, Tuan Yang di-Pertua, yang bermaksud lebih kurang 'Pelangi' jam 8.00 malam BERNAMA Setigal. *Seti* ini dalam bahasa Tamil kalau tidak silap saya maksudnya 'Berita'.

ASTRO tidak mengadakan tinjauan *survey* atau kajian terhadap penerimaan penonton dan *ranking* Berita BERNAMA TV yang telah diberikan wajah baru ini. Namun demikian sehingga kini sebanyak 2.1 juta pelanggan ASTRO dapat menonton Berita BERNAMA yang disiarkan selama 30 minit di ASTRO. Saluran-saluran ini boleh didapati melalui Pakej Keluarga yang boleh diakses oleh semua pelanggan ASTRO sebagai usaha untuk mempertingkatkan sambutan penonton menonton Berita BERNAMA. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tahniah saya ucapkan kepada BERNAMA TV kerana menjadi satu lagi saluran maklumat dan berita untuk tatapan masyarakat kita. Tahniah juga kepada TV3 terutamanya kerana pada hari ini mengikut rating Buletin Utamanya adalah yang tertinggi iaitu lebih daripada 3 juta penonton. Tahniah juga kepada NTV7 dengan cara penyampaian berita dan maklumatnya, selain daripada RTM dan stesen-stesen TV yang lain, yang ada dalam negara kita ini.

Begitu pun, rakyat Malaysia masih lagi dahagakan berita terkini untuk mereka mengikuti perkembangan dalam dan luar negara. Pada hari ini BERNAMA TV telah pun mendapat

kemudahan yang diberikan oleh ASTRO. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bilakah BERNAMA TV akan beroperasi selama 24 jam? Jika ini berlaku, apakah pendekatan yang akan diambil oleh BERNAMA TV umpamanya pengambilan kakitangan baru dan personaliti-personaliti tertentu?

Ini penting, Tuan Yang di-Pertua, kerana ramai orang yang menengok televisyen ini berdasarkan kepada personaliti selain dari kualiti berita yang disampaikan. Lebih lagi penting ialah ASTRO itu sendiri, apakah kemudahan yang diberikan oleh BERNAMA TV ini secara percuma ataupun ada harga tambahan? Ini penting kerana BERNAMA ini juga sendiri kelak boleh menjadi penyampai maklumat, sebagai satu badan penyiaran kepada agensi-agensi televisyen di luar negara umpamanya CNN, BBC dan ABC, ataupun satu program pertukaran dengan agensi-agensi ini. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Larut. Soalan tambahannya lebih panjang daripada soalan asal, Tuan Yang di-Pertua.

Suka saya nyatakan bahawa tujuan ASTRO memberi perkhidmatan ini adalah sebenarnya merupakan satu khidmat tambahan percuma kepada pelanggan-pelanggan ASTRO, supaya mereka boleh mengikuti berita BERNAMA ini. Sebenarnya pihak ASTRO tidak mempunyai kuasa dari segi bagaimanakah BERNAMA menyiarkan berita mereka kerana ASTRO memberikan kepercayaan sepenuhnya kepada BERNAMA sebagai satu pertubuhan berita dalam negara ini di bawah Kementerian Penerangan untuk menyiarkan berita mereka. Jadi terpulang kepada inisiatif pihak BERNAMA, sama ada pembaca beritanya hendak berdiri tegak, senget, bergaya dan sebagainya untuk menarik penonton-penonton melihat bagaimana berita ini disiarkan.

Buat masa ini saya tidak ada keterangan sama ada BERNAMA akan menyiarkan berita ini melalui ASTRO secara 24 jam atau tidak, kerana pada masa ini cuma yang saya dapat maklumkan perkhidmatan ini percuma diberikan oleh ASTRO kepada pelanggan-pelanggannya sebagai perkhidmatan tambahan, termasuk kepada mereka yang melanggan Pakej Keluarga iaitu pakej *basic* yang terendah dalam perkhidmatan ASTRO.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, bahawa ASTRO pada masa kini juga dalam satu keadaan merancang untuk mengadakan satu perkhidmatan tambahan iaitu berita 24 jam, sebagaimana Yang Berhormat minta tadi. Ia seolah-olah akan mengikut cara bagaimana BBC, CNN dan Al-Jazeera menyiarkan berita mereka tetapi akan diudarkan dalam bahasa Malaysia. Ini dalam peringkat kajian dan juga dalam pengubahsuaian bagaimana ASTRO akan memperkenalkan nanti yang satu siaran dinamakan ASTRO Awani. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

2. **Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah Kementerian Pertahanan masih menggunakan khidmat doktor asing di dalam perkhidmatan perubatan Angkatan Tentera Malaysia. Apakah insentif yang diberikan oleh Angkatan Tentera Malaysia tidak dapat menarik doktor tempatan berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Gombak yang mengemukakan soalan ini. Pada masa ini terdapat enam pegawai perubatan daripada angkatan tentera Pakistan yang sedang berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia.

■1010

Tempoh perkhidmatan mereka adalah mulai 19 Jun 2006 sehingga 18 Jun 2008. Penggunaan khidmat pegawai asing ini adalah bersifat sementara untuk mengisi kekurangan pegawai perubatan Angkatan Tentera Malaysia yang ianya tiada kaitan secara langsung dengan tawaran insentif untuk pegawai-pegawai perubatan Angkatan Tentera Malaysia dan ini juga bersifat persefahaman antara Angkatan Tentera Malaysia dengan Angkatan Tentera Pakistan.

Tuan Yang di-Pertua, antara faktor yang menyumbang kepada kekurangan pegawai perubatan Angkatan Tentera Malaysia dalam perubatan ini adalah penglibatan pegawai-pegawai kita dalam misi-misi antarabangsa termasuk yang terakhir yang kita hantar juga ke Lebanon. Kedua, menghadiri kursus-kursus lepasan ijazah kerana mereka ini dibenar dan digalakkan untuk mengikuti kursus lanjutan dalam kepakaran bidang-bidang yang tertentu dalam perubatan.

Penubuhan farmasi dan unit-unit baru Angkatan Tentera Malaysia secara tidak langsung menambah perjawatan pegawai-pegawai perubatan kekurangan dijangka dapat di seimbangkan semula secara beransur-ansur menjelang tahun 2009 apabila sejumlah 89 pemegang biasiswa - ini galakan yang kita beri kepada anak tempatan. Pada perkhidmatan KEMANTAH yang ditauliahkan dalam Angkatan Tentera Malaysia dalam bidang perubatan ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kebanyakan doktor perubatan yang berkhidmat dengan Angkatan Tentera yang bukan pemegang biasiswa Angkatan Tentera tidak akan menyambung perkhidmatan mereka selepas tiga tahun berkhidmat dengan Angkatan Tentera. Ini kerana pertama, tidak ada *promotional* prospek, yang kedua tiada *career development*.

Cuba kita bayangkan bahawa sekarang ini ada dua hospital Angkatan Tentera satu di Terendak, dan satu lagi di Lumut. Dari segi perjawatan pakar hanya cuma ada seorang *general surgeon*, hanya ada seorang *physician* dan tidak ada *post-post* yang lain, tiada *sub specialty*. Misal kata di hospital-hospital, tiada *cardiologist* contohnya di hospital-hospital tersebut. Kalau kita lihat jika hanya ada seorang pakar, pakar am kalau pakar-pakar ini bercuti atau pun berkursus tidak ada pakar lagi di hospital tersebut. Jadi saya kira ini juga harus dilihat.

Yang kedua, kita dapati bahawa penyelidikan perubatan di perkhidmatan perubatan dan kesihatan Angkatan Tentera hanyalah di tahap minima atau di diklasifikasikan tiada kalau kita

bandingkan dengan perkhidmatan perubatan dan kesihatan angkatan tentera negara-negara jiran.

Dato' Zainal Abidin bin Zain: Tuan Yang di Pertua, saranan ini yang mengatakan kekurangan pada ketika adalah sesuai. Sebab itulah kita sedang menunggu 89 pemegang biasiswa akan balik untuk berkhidmat dan dalam masa yang sama kita memberi peluang kepada pegawai-pegawai perubatan kita untuk melanjutkan kepakaran dalam bidang perubatan masing-masing. Kita ada 79 pakar dalam bidang perubatan dalam berbagai-bagai bidang tapi kalau Yang Berhormat masih mengatakan masih ada kekurangan saya akui kerana bahagian perubatan dalam Angkatan Tentera ini pun sedang berkembang. Kita sedang juga hendak menambah lagi sebuah hospital di Wangsa Maju. Pada masa ini kita ada mempunyai 233 orang doktor dan kita berhasrat untuk menetapkan tiap-tiap satu batalion ada mempunyai satu *medical officer*.

Oleh sebab itu apabila pertambahan ini berlaku dan dalam masa yang sama kita memberi peluang kepada pegawai-pegawai kita untuk melanjutkan pendidikan ilmu dalam kepakaran masing-masing. Apa yang telah di sarankan oleh Yang Berhormat itu akan menjadi kenyataan. Ini tidak bermakna kita akan membekukan peluang ini. Kalau terdapat ada pegawai-pegawai bahagian kedokteran yang berhenti, saya juga hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat ada swasta dan orang-orang yang berminat dalam bidang ini memohon untuk menyertai dalam bahagian kor *medical* ataupun bahagian perubatan dalam Angkatan Tentera ini. Ianya merupakan yang berhenti mungkin kerana menganggapkan peluang itu tidak baik dan yang masuk itu menggenapkan ada *future* dalam kor *medical* ini.

Maka kita berharap apa yang penting bagi Angkatan Tentera dalam *medical* kor ini boleh *maintain* dan boleh memberi khidmat kepada Angkatan Tentera. Bukan sahaja kepada angkatan tentera kita juga beri khidmat kepada orang-orang awam yang ingin mendapat khidmat angkatan tentera ini. Insya-Allahlah, dalam perkara ini kita mendapat sambutan yang cukup baik. Terima kasih.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di Pertua, bolehkah Yang Berhormat terangkan berapa sebenarnya jumlah doktor lelaki dan perempuan dalam angkatan tentera? Berapa jumlah doktor lelaki dan perempuan dan *nurse* yang di hantar di Lebanon dan berapa jumlah tentera-tentera kita yang tercedera dalam serangan-serangan sama ada dari Hasbullah ataupun Israel. Saya dapat maklumat ini daripada pelawat yang pergi memang banyak tentera kita yang cedera kerana mungkin serangan Hasbullah.

Dato' Zainal Abidin bin Zain: Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat biasanya doktor ini kita tidak dedahkan dia barisan hadapan. Kalau ada doktor yang tertembak dia adalah di bahagian belakang sekali. Ini masuk dalam golongan nasib yang paling malang. Kerana kalau doktor ini di letak di bahagian depan pun dia tidak akan memeriksa kerana yang akan terkena

kemalangan ini orang yang di bahagian depan. Kita tidak hantar, doktor kita dan kor perubatan kita di bahagian hadapan di dalam khidmat dengan Bangsa-Bangsa Bersatu dan negara-negara yang memohon perkhidmatan kita.

Saya mohon satu notis untuk mendapat berapakah bilangan terutama sekali bilangan laki-laki dan bilangan perempuan. Biasanya yang kita hantar yang paling banyak ialah doktor laki-laki doktor perempuan ini tidak banyak kita hantar. Insya-Allah saya akan menjawab secara lisan. Terima kasih.

3. Dato' Yap Pian Hon [Serdang] minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) jumlah kelulusan permohonan dan kehilangan pasport antarabangsa pada tahun 2005 hingga 2007; dan
- (b) apakah sebab berlaku kehilangan atau tercicir pasport dan tempoh permohonan yang diperlukan untuk ganti baru.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di Pertua, Jabatan Imigresen Malaysia telah meluluskan pasport Malaysia antarabangsa seperti berikut:

Tahun	Bilangan Pasport
2005	1,026,557
2006	1,220,290
2007 (sehingga Oktober)	888,135

Jumlah kehilangan pasport yang dilaporkan adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Pasport
2005	16,436
2006	11,100
2007 (sehingga Julai)	7,713

Punca atau sebab kehilangan lapor dapat dikategorikan seperti berikut:

- (i) kehilangan yang disengajakan di mana pemegang pasport setelah mendapat pasport menjual kepada pihak-pihak tertentu, mengubah suai, mengoyak, menconteng dengan tujuan menipu pihak berkuasa;
- (ii) kehilangan yang tidak disengajakan iaitu terlibat dalam bencana alam, di samun atau di rompak; dan
- (iii) kehilangan akibat kecuaiian, terlupa, cicir atau simpan di tempat yang tidak selamat.

Bagi kes kehilangan pasport yang disengajakan, permohonan gantian pasport akan di tolak dan kes perlu di laporkan ke Bahagian Keselamatan dan Pasport ibu pejabat Jabatan

Imigresen Malaysia untuk siasatan dan dirujuk kepada Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia yang akan memutuskan tempoh penangguhan.

■1020

Bagi kes kehilangan pasport yang disengajakan, permohonan gantian pasport akan ditolak dan kes perlu dilaporkan kepada Bahagian Keselamatan dan Pasport Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia untuk siasatan dan dirujuk kepada Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia yang akan memutuskan tempoh penangguhan. Bagi kes-kes kehilangan yang tidak disengajakan, pengeluaran gantian pasport diluluskan melalui proses biasa. manakala bagi kes kehilangan pasport akibat kecuai adalah seperti berikut:-

- (i) kehilangan kali pertama dan pasport hilang telah tamat tempoh sah laku, melebihi lima tahun dari tarikh dikeluarkan, akan diluluskan pengeluaran gantian dengan syarat-syarat biasa dan berserta dengan amaran;
- (ii) kehilangan kali pertama dan pasport hilang telah tamat tempoh sah laku, kurang lima tahun dari tarikh dikeluarkan, diluluskan pengeluaran gantian dengan tempoh sah laku tiga tahun sahaja
- (iii) kehilangan kali pertama dan pasport hilang masih dalam tempoh sah laku, diluluskan pengeluaran gantian dengan tempoh sah laku dua tahun sahaja berserta dengan amaran
- (iv) kehilangan kali kedua dalam tempoh lima tahun dari kejadian pertama, diluluskan pengeluaran gantian dengan tempoh sah laku satu tahun sahaja berserta amaran keras.
- (iv) kehilangan kali ketiga dan seterusnya dalam tempoh lima tahun dari kejadian pertama ditangguhkan pengeluaran dari kes dan kes dilaporkan ke Bahagian Keselamatan dan Pasport Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia untuk dirujuk kepada Ketua Pengarah yang akan memutuskan tempoh penangguhan.

Jika semasa kehilangan pasport Malaysia berlaku, pemohon berada di luar negara kerana menetap sebagai penduduk tetap, bekerja atau sedang melanjutkan pelajaran, permohonan hendaklah dikemukakan kepada Perwakilan Malaysia di seberang laut yang berdekatan. Permohonan untuk pasport gantian kerana kehilangan akan dihantar melalui beg diplomatik oleh perwakilan Malaysia ke Bahagian Keselamatan dan Pasport Ibu Pejabat Imigresen Putrajaya. Jadual setiap penghantaran adalah satu kali dalam sebulan dan keseluruhan tempoh yang diambil untuk proses siasatan dan keputusan permohonan sehingga pasport Malaysia siap, dihantar ke perwakilan adalah dalam tiga hingga empat bulan. Ini adalah anggaran untuk permohonan yang lengkap mengikut prosedur kes kehilangan manakala sijil perakuan cemas akan dikeluarkan kepada warganegara Malaysia dalam keadaan tertentu

biasanya kes kehilangan pasport semasa di luar negara. Penghantaran pulang dengan perbelanjaan kerajaan atas sesuatu sebab dan pasport Malaysia tidak dapat dikeluarkan dalam tempoh yang diperlukan. Dokumen ini adalah sah untuk sekali perjalanan dan untuk negara-negara tertentu sahaja bagi tempoh tidak melebihi 12 bulan. Sekian, terima kasih.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana jawapan tadi, soalan tambahan, cara mana Jabatan Imigresen untuk membezakan atau memastikan pasport antarabangsa Malaysia ini dihilangkan secara tidak sengaja atau sengaja. Cara mana untuk membezakan ini supaya pemohon-pemohon itu tidak akan menjadi mangsa.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, sesuatu kes kehilangan, bila dikemukakan permohonan baru, pihak Jabatan Imigresen akan memeriksa dan menemu bual pemohon yang berkenaan dan sekiranya mereka dapat membuktikan bahawa kehilangan itu disertakan dengan bukti-bukti, misalnya laporan polis, atau pun sebagainya maka pertimbangan yang khas akan diberikan dan sekiranya mereka tidak dapat membuktikan kes kehilangan itu dengan jelas, maka dia akan dianggap sebagai kes kehilangan kerana kecuaiian atau disengajakan. Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Wajar rasanya kita merakamkan ucapan tahniah kepada kerajaan dan Jabatan Imigresen, kerana rata-rata kita pergi ke seluruh dunia Jabatan imigresen kita telah mempamerkan usaha-usaha produktiviti kerja yang tinggi. Sehingga di *airport*, kita hanya menggunakan cap jari dan bolehlah kita klasifikasikan salah satu daripada perkhidmatan yang agak cemerlang kalau dibandingkan dengan Jabatan Imigresen di seluruh dunia. Tahniah.

Soalan tambahan saya ialah adakah di kalangan warganegara kita ini yang mempunyai banyak pasport, maknanya macam cerita James Bond dalam ASTRO mungkin ada lima atau sepuluh pasport antarabangsa. Jadi apakah status warganegara kita yang mempunyai pasport? Yang keduanya perbezaannya di antara pasport biasa ini dengan pasport diplomatik. Saya mendapat maklum bahawa Setiausaha Parlimen kita sendiri pun tidak mempunyai pasport diplomatik apatah lagi Ahli-ahli Parlimen yang ada ini, yang pergi ke luar negara untuk berkhidmat dan juga mempunyai misi negara kita di peringkat antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun. Jabatan Imigresen mengeluarkan tiga jenis pasport iaitu pasport Malaysia, pasport rasmi, pasport diplomatik dan satu lagi ialah pasport Malaysia terhad ke Brunei Darussalam. Pasport Malaysia adalah pasport yang dikeluarkan kepada mana-mana pemohon rakyat Malaysia, sementara pasport rasmi dikeluarkan atas kebenaran Wisma Putra. Begitu juga

pasport diplomatik. Kita mengeluarkan pasport ini setelah mendapat arahan daripada Wisma Putra. Bagi kes-kes pemilikan pasport hanya satu pasport sahaja yang dibenarkan untuk seorang rakyat Malaysia. Terima kasih,

4. Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulong] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan bilangan kilang biodiesel dan jumlah pengeluaran kilang biodiesel yang telah dibina di negara ini dan setakat manakah pengeluaran biodiesel ini boleh meringankan keperluan minyak fosil di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perdagangan Dan Komoditi [Dato' Dr. S.Vijayaratnam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga akhir September 2007 sebanyak 91 projek biodiesel telah pun diluluskan dengan jumlah kapasiti 10,1093,000 tan setahun. Daripada jumlah tersebut, empat kilang biodiesel dengan jumlah kapasiti pengeluaran bio-diesel sebanyak 300,000 tan setahun telah memulakan operasi. Di samping itu enam buah lagi kilang biodiesel dengan jumlah kapasiti sebanyak 471,000 tan setahun telah siap di bina dan sedang dalam proses percubaan pengeluaran komersil.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan penggunaan bio bahan api berasaskan sawit, dasar *biofuel* negara menggariskan penggunaan 5% bio bahan api bagi sektor pengangkutan. Dalam hal ini anggaran penggunaan diesel di sektor pengangkutan adalah sebanyak 10 juta tan metrik setahun. Sekiranya kerajaan mensyaratkan penggunaan 5% campuran atau pun adunan bio bahan api dengan diesel maka negara dapat mengurangkan penggantungan terhadap diesel sebanyak 500,000 tan metrik setahun dalam sektor pengangkutan. Sekian, terima kasih.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Malaysia sememangnya sebuah negara yang ada potensi untuk menjadi pengeluar biodiesel yang terbesar di dunia. Dengan kenaikan harga minyak ini maka permintaan kepada biodiesel juga meningkat. Hari ini usaha-usaha untuk industri untuk biodiesel ini dipelopori oleh MPOB. Adakah kerajaan berhasrat untuk menubuhkan Lembaga Biodiesel Negara seperti mana National Biodiesel Board di Amerika Syarikat, bagi memastikan perkembangan biodiesel ini yang lebih menyeluruh termasuk dari segi pemasaran, pembiayaan, perancangan dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Dr. S.Vijayaratnam: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Parit Sulong di atas soalan tadi. Setakat ini kerajaan tidak bercadang menubuhkan satu Lembaga Biodiesel Negara. Walau bagaimanapun baru-baru ini dengan jasa baik dan bantuan Ahli-ahli di Dewan yang mulia ini, Rang Undang-undang Industri Bio Bahan Api telah pun diluluskan dan saya percaya dengan apa yang digubal dalam Rang Undang-undang ini kita boleh menjalankan industri biodiesel di negara ini dengan berkesannya, terima kasih.

Saya percaya dengan apa yang digubal di dalam rang undang-undang ini, kita boleh menjadi industri biodiesel di negara ini dengan berkesan. Terima kasih.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin menyentuh rang undang-undang bioapi. Yang Berhormat Menteri sendiri menjawab bahawa dia berjanji akan memberi jawapan bertulis kepada saya semasa menggulung di dalam rang undang-undang itu, tetapi sehingga sekarang saya belum lagi mendapat jawapan bertulis.

Yang keduanya tentang penggunaan biodiesel, tentang jawapan tadi semuanya anggaran atau dijangka semuanya begitu. Soalan yang sebenar ialah berapakah produksi ataupun penghasilan biodiesel sehingga kini dan adakah pihak industri pengangkutan benar-benar menggunakan biodiesel kerana sekarang dunia pun enggan mengimport biodiesel dari kita disebabkan isu-isu alam sekitar. Ini adalah suatu perkara yang sebenar dan kerajaan harus melihat perkara ini. Terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Mambong. Saya akan sampaikan pesanan kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan bertulis Yang Berhormat. Saya minta maaf bagi pihak kementerian.

Tentang pengeluaran biodiesel pada masa ini dari Ogos 2006 hingga September 2007, jumlah pengeluaran ialah lebih kurang 158,000 tan dan untuk maklumat Yang Berhormat juga, eksport biodiesel adalah lebih kurang 121,000 tan dengan nilai RM304 juta. Berkenaan dengan masalah daripada NGO yang mengatakan biodiesel kita diasaskan daripada sumber-sumber di mana kita musnahkan hutan hujan kita, menjejaskan hidupan liar kita, sukacita dimaklumkan bahawa Majlis MPOC (*Malaysian Palm Oil Council*) mengambil langkah-langkah tertentu saya percaya langkah-langkah yang begitu berkesan untuk menentang semua tuduhan-tuduhan di atas pengeluaran minyak sawit di Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada angka kos pengeluaran satu liter dan harga jualan satu liter biodiesel. Ada angka atau tidak ada?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Soalan yang baiklah .

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Tuan Yang di-Pertua, ...

Tuan Yang di-Pertua: Bukan soalan, saya minta angka sahaja.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Saya ada harganya Tuan Yang di-Pertua. Harga biodiesel iaitu pada bulan lepas USD1,003.50 sen untuk metil ester biodiesel satu tan.

Seorang Ahli: Kos pengeluaran.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka untuk kos pengeluaran di sini, tetapi saya boleh sampaikan.

Tuan Yang di-Pertua: Bagaimana kalau boleh dibandingkan dengan kos jualan petroleum biasa dengan biodiesel?

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Pada masa ini dengan harga petroleum yang begitu tinggi, saya rasa kosnya lebih kurang sama Tuan Yang di-Pertua.

5. Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan memandangkan kebanyakan kampung-kampung/rumah panjang-rumah panjang di pedalaman Sarawak tidak mungkin dapat dibekalkan dengan bekalan air ditapis (dirawat), apakah rancangan kementerian untuk membekalkan bekalan air menggunakan sistem "gravity feed"

Timbalan Menteri Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Serian yang telah mengemukakan soalan ini. Untuk maklumat Yang Berhormat Serian, kementerian melalui bekalan air luar bandar telah melaksanakan projek membekalkan air bersih ke kawasan pedalaman dengan menggunakan kaedah sistem retikulasi, sistem alternatif dan menaik taraf loji sedia ada serta membina loji baru.

Bagi kampung-kampung di kawasan pedalaman yang tidak dapat disambungkan bekalan airnya secara sistem retikulasi, maka bekalan air secara sistem alternatif akan digunakan. Kaedah alternatif yang biasa digunakan ialah menyediakan telaga tiub bagi kawasan di tepi pantai, pengumpulan air hutan atau *rainwater harvest stain* dengan izin di penempatan di kawasan-kawasan yang lapang atau *open space* dengan izin dan juga sistem graviti bagi penempatan-penempatan iaitu rumah panjang dan kampung di kawasan yang bergunung dan berbukit.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, daripada jumlah RM1.206 bilion diperuntukkan BLP yang diluluskan sebanyak RM49.8 juta adalah diperuntukkan untuk bekalan air secara sistem alternatif. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM24.1 juta telah diperuntukkan bagi sistem alternatif di negeri Sarawak. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kebanyakan Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri akan menjawab seperti itu. Di bawah bumbung Rancangan Malaysia Kesembilan, sekian, sekian, sekian. Rancangannya begini, begini, begini. Kita tidak tahu sama ada tercapai atau tidak yang dihitam putihkan dalam dokumen belanjawan kita.

Saya hendak tanya Timbalan Menteri betapa seriusnya kita hendak menyelesaikan masalah asas rakyat negara kita ini. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, berapa peratus wang yang disediakan untuk kemudahan asas ini telah dapat dibelanjakan oleh pihak kementerian? Saya hendak tahu kalau tidak jawapan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita begini, begini takut akhir Rancangan Malaysia Kesembilan kita tidak dapat menunaikan apa yang kita laksanakan.

Saya hendak beri amaran bahawa ini kita di Dewan Yang Mulia ini, rakyat 25 juta di negara kita mengharapkan sangat tindakan yang bersungguh-sungguh. Perbelanjaan telah disediakan tetapi kekuatan kita berbelanja dan ini ditanya oleh rakyat dan saya hendak Yang Berhormat Timbalan Menteri, ya jangan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sekian, sekian, sekian. Hujung dia bagaimana?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Menteri jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Hendak tahu keberkesanan sesebuah kementerian dalam Rancangan Malaysia Kelapan berapa peratus wang telah digunakan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, jangan ulang-ulang ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, saya minta maaf kalau menyinggung perasaan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Sri Gading. Memang Yang Berhormat sangat prihatin terhadap nasib rakyat di kawasan luar bandar. Mengenai apa yang dipohon oleh Yang Berhormat itu saya tidak ada maklumat sekarang, tetapi saya akan beri kepada Yang Berhormat secara bertulis. Namun demikian, memang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, saya menjawab berasaskan soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Serian iaitu perancangan kita bagi Rancangan Malaysia Kesembilan, jadi itu jawapan saya tadi. Sekian, Terima kasih.

■1040

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak tanya tentang sistem alternatif yang digunakan oleh kementerian untuk menyelesaikan masalah bekalan air di kawasan-kawasan terpencil. Saya nak tahu setakat ini, berapa banyak kawasan dari segi peratusnya yang kekurangan, yang tiada bekalan air itu telah mendapat penyelesaian ekoran penggunaan sistem alternatif bekalan air itu.

Oleh kerana di kawasan saya di kategorikan sebagai kawasan bandar, tetapi masih terdapat kampung-kampung Orang Asli yang sudah bertahun-tahun meminta bekalan air hingga hari ini belum dapat lagi bekalan air. Adakah sistem alternatif pembekalan air itu boleh digunakan juga untuk memberi bekalan air kepada kampung-kampung Orang Asli di kawasan Tebrau? Minta penjelasan.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Tuan Yang di-Pertua, ini lagi satu soalan yang spesifik berkenaan dengan kawasan Tebrau. Jadi saya mohon masa untuk menyediakan jawapan bagi soalan Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Secara amnya, bagaimana sistem alternatif telah menyelesaikan masalah itu?

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ada jawab ini?

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Memang jawapan belum habis lagi. Namun demikian, walaupun saya mohon masa untuk menyediakan jawapan yang lebih terperinci, lebih *detail*. Memang secara amnya sistem alternatif merupakan sistem sementara yang telah dan sudah terbukti untuk mengurangkan masalah bekalan air kepada kawasan-kawasan luar bandar.

Namun, seperti mana yang saya sebutkan tadi, sistem alternatif ini ada kelemahannya misalannya di kawasan-kawasan yang lapang kita kadang-kadang tak ada sumber air di bawah tanah walaupun kita menggunakan *tube well*, itu tidak juga menjamin bekalan air. Begitu juga di kawasan-kawasan pergunungan di mana sekarang kita mempunyai masalah ataupun cabaran yang baru di mana kawasan-kawasan ini dimasuki oleh pembalok dan sebagainya, ada sistem alternatif yang menggunakan *gravity feed* pun sudah tidak dapat kita gunakan. Okey? Terima kasih.

6. Dato' Dr Wan Azmi Bin Wan Ariffin [Sik] minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan apakah galakan dan bantuan yang boleh diberi oleh pihak kerajaan khususnya kepada usahawan-usahawan bumiputera yang bergiat aktif di peringkat global (antarabangsa).

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sentiasa berusaha membantu usahawan industri kecil dan sederhana bumiputera khususnya bagi membolehkan mereka berkembang dan bersaing di pasaran terbuka sehingga ke pasaran global. Di antara program yang diberi penekanan oleh kementerian adalah dari aspek promosi pemasaran di luar negara menerusi penyertaan dalam pameran-pameran perdagangan dengan kerjasama agensi kerajaan seperti MATRADE dan SEMIDEC. Pameran perdagangan merupakan salah satu mekanisme yang membolehkan usahawan mempromosi dan memasarkan produk atau perkhidmatan mereka ke peringkat global.

Menerusi program ini, MECD menaja sewaan *booth* dan juga kos berkaitan pengangkutan barangan pameran sepenuhnya. Bagi membolehkan produk usahawan mencapai standard pasaran global, kementerian turut membantu usahawan melalui program peningkatan kualiti produk atau perkhidmatan yang dikenali sebagai Program *Groom Big*. Menerusi program ini, usahawan dibantu dari aspek peningkatan produk, pembungkusan, pelabelan, pensijilan seperti HACCP, Halal, GMP dan sebagainya.

Di samping itu kementerian juga memberi galakan kepada syarikat usahawan Malaysia di luar negara yang bertindak sebagai agensi pemasaran seperti Syarikat Manmar di Dublin, Kalsom Lauvstad di Norway, Syarikat Rahman Brother's di China dan Syarikat EPIC Tips Sdn. Bhd di Bangladesh untuk memasarkan produk-produk IKS bumiputera khasnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tanah Merah.

Dato' Ir. Shaari Bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya rasa ingin mengucapkan terima kasih kepada kementerian kerana

banyak membantu usahawan-usahawan kita dan telah pun banyak yang berjaya di dalam bidang perniagaan. Di sini saya nak maklumkan satu kejadian oleh usahawan kita ini yang mana berlaku pada 27 hari bulan lepas di Tanah Merah di mana usahawan kita ini tukang emas, kedai emas yang mana ia menduduki premis MARA yang disewa untuk membangunkan usahawan. Malangnya kedai emas ini salah satu kedai emas orang Melayu yang berada di Tanah Merah ini telah dirompak. Telah dirompak secara bersenjata dan semua barang kemasnya hilang. Semua barang kemas dibawa lari dan saya ingin tanya di sini apakah usahawan yang malang seumpama ini akan dibantu oleh kementerian secara khusus kepada usahawan yang terlibat. Sekian, Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat. Saya percaya kalau syarikat ini ada insurans, dia akan dibantu. Kedua, kepada peniaga-peniaga yang gagal ataupun yang ingin meneruskan pinjaman dan sebagainya, kita ada satu unit di Bank Negara untuk membantu kepada usahawan-usahawan memerlukan pinjaman tersebut. Terima kasih.

[Soalan no.7 – Yang Berhormat Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) tidak hadir]

8. Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah sebab-sebab prestasi pencapaian peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM di Sabah dikatakan yang terendah di seluruh negara dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki keadaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat ahli Yang Berhormat, berdasarkan analisis yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran Malaysia adalah tidak benar bahawa pencapaian UPSR, PMR, SPM dan STPM bagi negeri Sabah adalah terendah kerana terdapat pencapaian yang tinggi bagi mata pelajaran-mata pelajaran tertentu. Sebagai contoh, dalam mata pelajaran Bahasa Melayu PMR, pencapaian kelulusan di Sabah ialah 96% mengatasi pencapaian di peringkat nasional iaitu 92.7%. Begitu juga pencapaian bagi mata pelajaran tersebut di peringkat SPM iaitu 94.1% mengatasi pencapaian di peringkat nasional iaitu 90%. Walau bagaimanapun, memang terdapat beberapa mata pelajaran seperti bahasa Inggeris dan matematik, pencapaian calon-calon di Sabah lebih rendah berbanding dengan pencapaian nasional.

Bagi peperiksaan STPM 2006 pula, daripada sejumlah 9393 orang calon yang menduduki peperiksaan STPM di negeri Sabah, bilangan calon yang mencapai purata nilai gred kertas atau PNGK 4 hingga 2 atau A hingga C ialah seramai 4,048 orang atau 43.1%. Kementerian Pelajaran telah mengambil beberapa langkah untuk menangani masalah kelemahan pelajar di seluruh negara khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman; antaranya ialah dengan memperkenalkan ujian diagnostik. Ujian ini dijalankan oleh guru untuk mengenal pasti masalah atau halangan yang berbentuk kesukaran, kekurangan dan kesilapan yang sering kali dihadapi murid dalam pembelajaran. Di samping itu, program intervensi juga

turut diadakan untuk meningkatkan pencapaian pelajar seperti Program Sekolah Angkat, Gerak Gempur PPSMI ataupun Pembelajaran Pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dan kelas-kelas tambahan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuaran.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di atas jawapan tadi. Pencapaian pelajar di Sabah dalam bahasa Inggeris dan Matematik rendah. Ini kerana di pedalaman, guru-guru yang bahasa Inggeris ini dia tidak menarik. Ini adalah disebabkan Sabah ketinggalan daripada segi infrastruktur asas seperti penurapan jalan-jalan luar bandar ke sekolah-sekolah, bekalan elektrik dari grid ke sekolah-sekolah dan tidak mempunyai *fix line* telefon ke sekolah-sekolah untuk kemudahan seperti internet.

■1050

Rumah-rumah guru yang daif, bilik darjah yang daif dan peralatan seperti kerusi dan pelbagai peralatan yang kurang. Semuanya ini ada kesan terhadap tarikan guru-guru untuk berkhidmat di kawasan luar bandar walaupun sudah diperkenalkan insentif elaun susah ke kawasan luar bandar. Soalan saya ialah, apakah langkah-langkah konkrit yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk melaksanakan kesemua projek untuk menambah baik prasarana pendidikan di luar bandar Sabah di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan terutama sekali yang sudah pun diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan soalan kedua saya ialah apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran agar kesemua sekolah rendah di negeri Sabah dibekalkan dengan bekalan elektrik daripada grid dan dibekalkan telefon dari *fixed line* supaya semua jalan-jalan di luar bandar sekolah di Sabah itu diturap. Mohon penjelasan. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pelajaran peka tentang hal-hal dan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan memang Ahli Yang Berhormat pun sedia maklum bahawa salah satu teras yang penting di bawah PIPP (atau Pelan Induk Pembangunan Pelajaran) adalah untuk merapatkan jurang pendidikan di antara kawasan bandar dan juga di luar bandar dan satu Program Lonjakan Perdana Pendidikan Luar Bandar telah pun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah mengadakan pelbagai tindakan untuk menambah baik kualiti pendidikan di semua tempat termasuk juga di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman dan seperti yang dimaklumkan tadi oleh Ahli Yang Berhormat insentif guru juga telah ditambahkan untuk yang berkhidmat di kawasan-kawasan pedalaman. Selain daripada itu, kementerian telah melaksanakan pembinaan rumah guru sebanyak 3,438 unit dan 802 projek naik taraf kediaman serta bekalan perabot termasuk katil, tilam dan kelengkapan perabot-perabot asas.

Selain daripada itu, seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, kementerian telah memberi fokus dan penekanan kepada bekalan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan elektrik 24 jam dan di bawah Program Lonjakan Perdana Pendidikan Luar Bandar sebanyak 900 buah sekolah akan dibekalkan dengan elektrik 24 jam sama ada melalui grid ataupun *gen set* dan air bersih untuk 300 buah sekolah.

Di samping itu kita juga akan menyediakan kelas prasekolah bagi 60,900 kanak-kanak. Pembinaan sekolah-sekolah pusat baru di Sabah, penambahan bilik darjah dan sebagainya dan kami harap dengan semua langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran dari segi pendemokrasian pengajaran dan pelajaran, kualiti dan juga taraf pendidikan di kawasan bandar dan di luar bandar akan dirapatkan. Terima kasih.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Soalan tambahan. Satu daripada sebab yang menjejaskan prestasi pihak pelajar di luar bandar ini ialah oleh kerana kekurangan iaitu ramai guru yang ditempatkan untuk berkhidmat di kawasan luar bandar ini telah menolak perkhidmatan ini oleh kerana tempat sekolah-sekolah tersebut adalah terlalu jauh di kawasan luar bandar. Mungkin kemudahan yang sedia ada itu tidak cukup seperti yang diharapkan oleh mereka.

Saya baru pulang dari satu kawasan, sebuah sekolah rendah di pedalaman iaitu di Lombangak. Cikgu mengatakan tiga guru yang ditempatkan dua yang tidak minat pergi ke sana. Jadi mereka ini terpaksa menjalani pelajaran mereka dengan guru yang berkurangan untuk mengajar di sana. Jadi saya hendak tahu apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian supaya guru-guru yang tidak minat berkhidmat di kawasan luar bandar ini boleh diambil tindakan. Apa tindakan yang diambil? Sekian, terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, pada satu ketika guru-guru daripada Sabah dan Sarawak dihantar ke Semenanjung dan dari Semenanjung dihantar ke Sabah dan Sarawak agar memupuk perpaduan di kalangan rakyat dan memang di kementerian kami tegas dalam penempatan guru. Mereka ini perlulah mengikut nombor satu keperluan perkhidmatan, maknanya di mana ada *vacancy* mereka perlulah isi dan kemudiannya kami perlu mengikut keperluan opsyen.

Untuk menangani masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, baru-baru ini kami telah mengadakan maktab perguruan di Sabah dan Sarawak di mana mereka yang ingin ataupun mereka yang bersedia berkhidmat di Sabah dan Sarawak akan dilatih di maktab-maktab ini dan kami akan memberi *priority* kepada warga Sabah dan Sarawak supaya mereka ini tidak enggan berkhidmat di kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

9. Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan memandangkan dengan adanya iklan "Tak Pa" yang rancak disiarkan di stesen-stesen penyiaran pada ketika ini, dapatkah iklan sebegini membantu pihak kementerian di dalam mengurangkan peratus pembuangan sampah di merata-rata tempat yang menjadi tabiat masyarakat kita hari ini di samping memberi kesedaran sivik kepada masyarakat akan pentingnya kita menjaga kebersihan persekitaran.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Seri Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang membangkitkan soalan ini kerana pada saya inilah soalan cepumas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah pun membuat kajian awal mengenai keberkesanan kempen kesedaran iaitu kempen untuk mengubah sikap rakyat yang sentiasa menganggapkan sampah itu tidak apa dan mereka menganggapkan segala apa yang mereka buat itu ada orang lain yang akan membersihkan maka kita mahu mengubah sikap rakyat supaya dia bertanggungjawab pada diri sendiri dalam apa sahaja masalah persekitaran jadi kita wujudkan kempen kesedaran Tak Pa.

Hasil kajian kualitatif iaitu kajian dibuat berdasarkan statistik dengan izin, keberkesanan kempen mendapati bahawa kementerian saya berada di landasan yang betul kerana telah memulakan kempen ini. Kesedaran kepada perlunya kita memulihara alam sekitar seperti tidak membuang sampah merata-rata didapati meningkat di kalangan responden kajian. Kajian juga mendapati bahawa kempen ini hendaklah diteruskan dan diperkemas dengan memperbanyakkan liputan melalui iklan di *billboard*, panel bas-bas, dan saluran-saluran TV dan radio yang popular.

Kementerian saya akan terus memperkemaskan kempen ini dengan mengiklankan secara lebih spesifik bagaimana orang awam boleh menjalankan peranan mereka dalam menjaga alam sekitar. Di samping itu juga kementerian turut bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain bagi melaksanakan kempen 3R (atau *reduce, reuse* dan *recycle*) dan usaha-usaha sebegini diharapkan dapat membudayakan masyarakat memulihara alam sekitar.

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian di atas usaha yang begitu proaktif untuk memartabatkan penjagaan alam sekitar. Soalan tambahan saya, pada pendapat Yang Berhormat Menteri adakah peruntukan undang-undang yang kita ada sekarang bersama-sama dengan pelaksanaannya berhubung dengan penjagaan alam sekitar sudah memadai untuk memastikan pengeluar-pengeluar dan pengilang-pengilang di negara kita ini bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sisa buangan hasil daripada pengeluaran daripada kilang-kilang mereka dan sama ada peruntukan undang-undang dan pelaksanaan ini perlu diperincikan lagi bagi memastikan pengilang-pengilang ini boleh diheret ke mahkamah dengan lebih mudah. Terima kasih.

■1100

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, memang pada ketika ini Akta Kualiti Alam 1974 ada memperuntukkan tetapi hanya khusus kepada apa yang dikatakan (EIA), *Environmental Impact Assessment* dan ini khusus kepada pembuangan sisa-sisa toksik yang dikeluarkan oleh kilang-kilang dan sebagainya, tetapi soal alam sekitar bukan sekadar sisa-sisa toksik sahaja, bahkan dia meliputi semua bidang dalam alam termasuk sungai, termasuk bukit, termasuk haiwan, flora dan fauna dan sebagainya.

Sebenarnya kalau hendak diwujudkan undang-undang pada keseluruhannya memang banyak undang-undang yang patut diwujudkan, tetapi pada akhirnya ialah sikap individu itu sendiri. Kalau individu itu sendiri sebagai pengusaha dia sudah bersikap mesra alam dan dia tidak akan menjalankan sesuatu, membuat sesuatu usaha yang akan menjejaskan alam sekitar. Saya juga meninjau ke beberapa negara. Sebagai contoh undang-undang di negara Jepun amat ketat dan kita akan melihat apakah undang-undang ini dapat diperkenalkan di Malaysia.

Begitu juga di beberapa negara Barat, di mana tidak lagi diizinkan apa-apa sisa pun dimasukkan ke dalam tanah bahkan dikitar semula atau digunakan semula, malah plastik sekalipun pada hari ini boleh digunakan semula dijadikan diesel. Pada tiap satu kilo plastik boleh dijadikan, *diconvertkan* kepada diesel mendapat tiga suku kilo bermaknanya pada setiap sepuluh kilo plastik kita boleh mendapat tujuh setengah kilo diesel yang berkualiti tinggi. Jadi semuanya ini adalah penemuan-penemuan baru di peringkat antarabangsa, yang mana negara kita sedang melihat dan yang mana baik kita akan memperkenalkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, setiap sepuluh kilo plastik mendapat berapa diesel?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Setiap sepuluh kilo plastik kita mendapat tujuh setengah kilo diesel, minyak diesel.

Tuan Yang di-Pertua: Tujuh setengah kilo diesel?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tujuh setengah kilo minyak diesel, *three-quarter*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: *Three-quarter*. Ya, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua saya hendak berterima kasih kepada menteri dan produser-produser iklan yang akhir-akhir ini banyak mengiklankan budak-budak sebagai penyambung kepada masyarakat di negara kita ini contohnya iklan, 'Atuk Oh Atuk' ataupun 'Tak Pa'. Contoh seperti 'Burung Murai' yang diiklankan oleh Petronas dan contoh seperti keselamatan jalan raya, di mana kalau Mak Ngah pakai baju merah berhenti bila Mak Ngah pakai baju hijau, jalan.

Jadi iklan-iklan ini adalah untuk generasi yang akan datang, tetapi Tuan Yang di-Pertua kita kena sedar kerakusan manusia hari ini tentang alam sekitar menyebabkan kita menjadi pengkhianat kepada generasi yang akan datang, di mana mereka akan hidup dalam keadaan yang tidak aman, tidak selesa dan menyebabkan mereka ini dapat penyakit yang berbagai-bagai. Jadi saya hendak tahu dari Yang Berhormat Menteri yang begitu prihatin pasal kehijauan alam sekitar ini, agensi-agensi kerajaan sendiri melanggar peraturan dan undang-undang, rakyat melanggar undang-undang dan peraturan, pengusaha-pengusaha dan pengilang-pengilang kerana hendak kekayaan, kesenangan, keuntungan juga melanggar undang-undang peraturan alam sekitar kita.

Jadi sejauh manakah kementerian Yang Berhormat dapat mengatasi masalah-masalah ini selain daripada kami wakil rakyat membuat laporan, selain daripada Karam Singh Walia daripada TV3 masuk serata kampung menolong kerajaan, menolong kementerian Yang Berhormat untuk mencungkil penjenayah-penjenayah alam sekitar ini. Adakah kementerian Yang Berhormat masih memerlukan kakitangan dan juga penguatkuasaan tambahan untuk bukan sekadar menangkap atau mendenda orang ramai, tetapi juga apakah tindakan terhadap agensi-agensi kerajaan yang melanggar peraturan menyebabkan kadang-kadang kelulusan pembangunan itu menyebabkan banjir dan sebagainya berlaku kepada kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, memang banyak bidang yang boleh dibincangkan di bawah alam sekitar. Cuma kalau Yang Berhormat membangkitkan soal agensi kerajaan, soal pihak pengusaha dan sebagainya, semua ini adalah manusia, adalah individu. Jadi di banyak negara maju individu itu sendiri yang menjadi pendorong kepada pengusahaan, menjadi pendorong kepada jabatan-jabatan dan agensi. Kalau setiap daripada mereka adalah orang yang mesra alam, mereka adalah seorang yang mencintai alam, mereka tidak membuat sesuatu yang akan menjejaskan alam.

Oleh sebab itu kerajaan mendapati bahawa pendekatan untuk menyentuh hati tiap individu adalah amat penting. Cuma dalam kajian yang dibuat oleh kementerian baru-baru ini kita melihat suasana dalam negara telah berubah. Kita mempunyai banyak media dan *channel-channel* televisyen yang berbeza hari ini. Kita dapati kempen kita yang dibuat melalui RTM1, TV3 dan sebagainya hanya mempengaruhi, mendapat markah penuh daripada rakyat luar bandar dan kalau dalam bandar rakyat berpendapatan rendah, kerana mereka ini adalah rakyat yang tidak mampu membayar sewa kepada ASTRO.

Jadi kita mendapati amat perlu untuk kerajaan memasuki iklan-iklan kepada semua *channel*. Kalau orang Cina kebanyakannya melihat televisyen yang berbahasa Cina, yang datang lapan *channel* kesemuanya. Jadi semuanya ini kita kena mencari jalan bagaimana mendekati masyarakat yang berbeza. Oleh sebab itu kita dapati bahawa untuk mendekati, untuk menyentuh hati semua peringkat rakyat kita memerlukan peruntukan yang bertambah, untuk kita menyalurkan iklan-iklan melalui saluran-saluran yang saya sebutkan tadi. Cuma pada akhirnya Yang Berhormat apa-apa undang-undang pun kalau kita hendak melaksanakan, kalau kita hendak memperkenalkan, tetapi kalau rakyat sendiri tidak mendukungnya amat susah untuk kita melaksanakan. Terima kasih.

10. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jenis industri yang digalakkan untuk melabur di Malaysia. Sila nyatakan sama ada insentif percukaian yang rendah telah berjaya menarik pelabur asing melabur di Malaysia berbanding dengan negara lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, industri digalakkan di Malaysia terdiri daripada industri berteknologi tinggi, berintensifkan model dan berpengetahuan serta mempunyai rangkaian industri yang luas. Ini merangkumi sektor perkilangan seperti bioteknologi, nanoteknologi, optik dan fotonek serta sektor perkhidmatan seperti logistik pelancongan dan perkhidmatan profesional. Industri tersebut memberi kesan positif ke atas pertumbuhan ekonomi negara dalam bidang penyelidikan dan pembangunan atau R&D. Pembangunan teknologi, peningkatan eksport dan peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, galakan cukai yang ditawarkan oleh kerajaan merupakan salah satu faktor yang menarik pelabur untuk melabur di Malaysia. Ini terbukti apabila jumlah pelaburan asing telah meningkat dari RM13.1 bilion pada tahun 2004 kepada RM17.8 bilion pada 2005 dan RM20.2 bilion pada 2006. Selain daripada faktor galakan cukai, kadar cukai pendapatan syarikat atau *corporate tax* yang rendah juga merupakan salah satu insentif yang menarik untuk syarikat-syarikat asing melabur di Malaysia.

Kerajaan telah mengkaji semula kadar cukai pendapatan syarikat pada Bajet 2007 sebagai langkah untuk meningkatkan daya saing negara. Kadar cukai pendapatan syarikat telah dikurangkan secara berperingkat dari 28% pada tahun taksiran 2006 kepada 27% pada tahun 2007, dan akan dikurangkan kepada 26% pada tahun 2008. Sekian, terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Puchong. Saya bagi Puchong dulu.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pernah menyatakan, bahawa di negara kita sekarang ini kita hanya menggalakkan industri-industri yang berintensifkan kepada pengetahuan, teknologi tinggi dan seterusnya.

Semalam kita baru bincang bahawa sedarkah Yang Berhormat, 35% daripada jumlah pendatang asing yang bekerja di sini adalah dalam sektor perkilangan dan pembuatan. Ini bermakna bercanggah ataupun kerajaan tidak bersungguh-sungguh untuk melaksanakan dasar ini. Itu satu, saya hendak tahu jawapan itu. Nombor dua mengenai galakan ataupun promosi pelaburan di luar negara. Baru-baru ini saya ikut Yang Berhormat Menteri MITI ke luar negara.

■1110

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya lihat memang baik, beliau adalah seorang yang rajin tetapi kerja-kerja penyediaan mereka untuk menarik sektor-sektor yang dinyatakan di sini tidak kesampaian. Ini bukanlah satu cara, bukanlah satu usaha yang bagi saya sia-sia sahaja, membazirkan kewangan kita, pendapatan cukai negara kita kerana dasar ini, kita mestilah bekerja bersungguh-sungguh. So saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah Kementerian

MITI ini bersedia untuk mengubah ataupun mencari cara yang lebih berkesan lagi untuk menjalankan satu promosi pelaburan di luar negara. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, memang pada setakat ini industri pembuatan masih memainkan satu peranan yang begitu penting dalam negara kita. Walaupun kita berhasrat untuk mendapat lebih banyak industri dalam bidang berteknologi tinggi ataupun dalam sektor perkhidmatan, akan tetapi kita tidak boleh ubah senario ini dalam satu tempoh masa yang singkat. Kita perlulah ambil masa, dan kita perlulah ambil beberapa tindakan untuk menarik pelabur dari luar negara untuk melabur dalam bidang-bidang yang saya sebutkan.

Berkenaan dengan soal Yang Berhormat bahawa MITI belum memainkan peranan yang efektif untuk menarik pelabur dari bidang berteknologi tinggi, saya tidak berapa setuju dengan anggapan Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, kita telah mengeluarkan insentif-insentif dan tambahan sektor-sektor dalam bidang berteknologi tinggi dan bioteknologi, khususnya untuk menggalakkan pelabur-pelabur dalam bidang ini. Walau bagaimana pun, kita sedar ini bukan keputusan MITI sahaja, ini melibatkan anggapan sikap orang ramai, sikap pelabur dan juga respons daripada luar negara. Walau bagaimanapun, kita sudah pun ambil beberapa langkah misalnya mengadakan misi spesifik untuk menarik pelabur-pelabur dalam bidang berteknologi tinggi dan bioteknologi. Sekian, terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih jawapan daripada Setiausaha Parlimen. Jumlah kemasukan pelabur asing sekarang berbanding dengan tahun 90-an memang semakin berkurangan bagi pendapat saya. Rungutan yang sering diberikan oleh pelabur asing yang berminat untuk melabur di Malaysia, selain daripada insentif percukaian yang kurang menarik berbanding dengan negara jiran, adalah wujudnya sekatan-sekatan bukan fizikal seperti kelambatan pemprosesan dan juga dasar bumiputera yang menjadi halangan dan mengurangkan minat mereka untuk melabur di Malaysia.

Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah sekatan bukan fizikal atau kewangan yang dihadapi oleh pelabur asing yang terlibat ini? Terima kasih.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar bahawa persaingan dalam bidang FDI telah menjadi satu cabaran besar untuk industri kita. Kementerian saya telah mengambil beberapa langkah dalam proses untuk memperbaiki dan mempertingkatkan prestasi industri kita. Misalnya kita bukan sahaja mengadakan galakan istimewa iaitu *pre package* insentif. Ini merupakan satu insentif yang baru untuk menarik pelabur-pelabur dari luar negara. Selain daripada itu, kita juga menumpukan *one stop center* atau OSC untuk mempercepatkan kelulusan di peringkat pihak berkuasa tempatan. Ini merupakan satu langkah untuk memperbaiki *efficiency* dalam usaha kita meningkatkan FDI.

Selain daripada itu, kita juga menubuhkan Jawatankuasa Kabinet mengenai pelaburan bagi mempercepatkan kelulusan pelaburan yang berimpak tinggi. Satu pasukan petugas khas

mempermudah cara perniagaan atau dinamakan PERMUDAH telah ditubuhkan untuk mengkaji semula serta memperbaiki proses prosedur serta undang-undang sedia ada dengan tujuan mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Ini sahaja, terima kasih.

11. Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang diambil bersama dengan Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengatasi kelemahan dalam pemarkahan ko-kurikulum untuk permohonan memasuki IPTA termasuk tiada penyeragaman pemarkahan antara sekolah, tiada ketelusan dan sekolah-sekolah swasta yang mengendalikan pengajian STPM tidak dipelawa untuk mengisi markah bagi calon persendirian STPM.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengatasi sebarang kelemahan dalam pemarkahan ko-kurikulum bagi kemasukan ke IPTA. Antara langkah yang dilakukan oleh Kementerian Pelajaran ialah mengeluarkan Buku Panduan Penilaian Ko-Kurikulum Sekolah Menengah pada bulan Mei 2007. Pada masa yang sama, Kementerian Pelajaran juga melalui Unit Ko-Kurikulum Bahagian Sekolah telah mengadakan siri taklimat dan ceramah di semua peringkat pentadbiran di Kementerian, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan juga Pejabat Pelajaran Gabungan dan sekolah-sekolah secara berperingkat mulai Julai 2006.

Kementerian juga telah mengadakan sesi taklimat kepada penganjur sekolah-sekolah swasta, manakala calon-calon persendirian akan berurusan sendiri dengan pihak Kementerian Pengajian Tinggi. Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Yang di-Pertua, saya meneliti jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sebenarnya memang benar ada Buku Panduan Pemarkahan Ko-Kurikulum tetapi kelemahannya masih ada, sebab ia hanya boleh digunakan selepas lima tahun, sebab penilaian berdasarkan setiap tingkatan hingga ke tingkatan lima. Dalam peringkat ini, untuk empat tahun yang akan datang termasuk tahun ini, masalahnya ialah pemarkahan berdasarkan kepada interpretasi sekolah. Satu contoh yang paling jelas ialah tidak ada ketelusan pelajar tidak tahu berapa markah yang dia dapat. Misal kata ada pelajar tingkatan satu, tingkatan dua di sekolah A, tingkatan tiga, tingkatan empat di sekolah B, tingkatan lima dan enam di sekolah C. Sekolah C ini tidak tahu apa yang berlaku di tingkatan satu dan dua, jadi tidak ada ketelusan.

Kedua, apa yang dikatakan tadi, pemarkahan. Calon persendirian sekarang sekolah-sekolah swasta tidak dijemput untuk masuk ke sistem itu. Maka berdasarkan kenyataan Profesor Hassan bahawa ada 1,000 calon yang dapat 0 markah. Jadi apa masalahnya dan bagaimana kita mengatasi masalah? Bukan sekadar ada buku panduan sahaja dan apa yang penting perlu mencari penyelesaian untuk empat tahun ini. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, tahun ini merupakan tahun yang diambil alih oleh Kementerian Pelajaran daripada Kementerian Pengajian Tinggi. Memang tidak benar ataupun tidak tepat kenyataan Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pihak telah pun dijemput sama ada swasta dan juga awam untuk taklimat dan ceramah. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga, semua sekolah swasta yang mengendalikan peperiksaan awam iaitu SPM, STPM dan STAM telah diberikan taklimat tentang proses penyeragaman pemarkahan ko-kurikulum pada 6 Februari tahun ini di Pan Pacific KLIA. Taklimat ini telah diberikan oleh Unit Ko-Kurikulum Bahagian Sekolah. Semua sekolah ini telah diberikan satu naskhah panduan ini.

Selain daripada itu, juga dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat, Kementerian Pelajaran telah menyediakan satu laman web secara *online* untuk semua sekolah-sekolah swasta untuk memasukkan markah ko-kurikulum sekolah masing-masing. Markah-markah ini akan dipantau oleh Bahagian Pelajaran Swasta Kementerian Pelajaran sebelum markah-markah ini diserahkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi.

Bagi calon-calon persendirian pula, mereka diminta mengemukakan salinan Sijil Pencapaian Ko-Kurikulum terus ke Bahagian Pengambilan Kemasukan ke IPTA dan KPT. Memang tidak boleh dinafikan bahawa ada segelintir pelajar-pelajar yang mendapat 0 untuk markah ko-kurikulum dan apabila kita telah membuat semakan kita dapati bahawa kes-kes ini adalah tidak ramai, hanya 3.8% calon SPM. Di antara sebab-sebabnya ialah mereka ini *either* langsung tidak hadir untuk sebarang aktiviti ko-kurikulum ataupun apabila mereka pindah sekolah, mereka tidak menyerahkan semua dokumen kepada sekolah baru.

■1120

Tetapi saya ingin menegaskan di sini, sekiranya ada mana-mana pihak ibu bapa ataupun pelajar yang kurang puas hati dengan pemarkahan yang diterima, mereka memang ada ruang untuk membuat rayuan kepada pihak Kementerian Pelajaran dan kami akan semak balik dan kami akan bantu di mana kita dapat bantu. Sekian, terima kasih.

12. Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan apakah sebenarnya terkandung dalam Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996, dan berapakah jumlah kenderaan (enjin diesel) yang telah di saman dan didenda di negeri Sarawak akibat melanggar peraturan-peraturan tersebut.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Seri Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekitar (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 yang dikuatkuasakan pada 1 September 1996 adalah berkaitan kawalan pelepasan asap dari kenderaan motor berenjin diesel. Antara lain ia mengandungi bahagian-bahagian seperti berikut:-

- (i) kawalan enjin diesel atas kenderaan bermotor;

- (ii) kawalan pelepasan asap kenderaan bermotor;
- (iii) kehendak-kehendak ujian asap;
- (iv) lesen bagi pelanggaran syarat-syarat yang boleh diterima; dan
- (v) kesalahan-kesalahan lain.

Di negeri Sarawak, sebanyak 270 kompaun telah dikeluarkan sepanjang tempoh Januari hingga Julai 2007 kepada kenderaan yang melanggar peraturan-peraturan ini. Terima kasih.

Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih di atas jawapan menteri. Saya ingin penjelasan sedikit dari kerajaan berkenaan dengan tugas ataupun *role* PUSPAKOM di bawah Kementerian Pengangkutan dan juga Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar atas kerja-kerja kedua-dua jabatan ini dalam *inspection* ataupun menentukan pelepasan asap dari kenderaan yang berdiesel ini dapat dielakkan.

Jadi disebabkan kita tahu kalau kenderaan diesel, semuanya adalah diwajibkan untuk mendapatkan pemeriksaan setiap enam bulan dari PUSPAKOM dan apakah tugas di antara kedua-dua jabatan ini? Yang kedua soalan saya, adakah itu menjadi kebiasaan Jabatan Alam Sekitar bahawa mereka membuat pemeriksaan ataupun *roadblock* di masa ataupun waktu malam dan bukan siang? Ini adalah mungkin pelik sedikit sebab kita tahu kalau di waktu malam mungkin jumlah kenderaan yang berdiesel seperti lori telah mungkin berkurangan. Terima kasih.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, PUSPAKOM dan Jabatan Alam Sekitar memang ada satu fungsi yang bertindih-tindihan tetapi bekerjasama iaitu berkaitan dengan mengawal enjin-enjin diesel daripada kenderaan. PUSPAKOM membantu kementerian apabila sesebuah kenderaan itu didapati melepasi peratusan asap yang melebihi 70% daripada HSU ataupun *Hartridge Smoke Unit* yang digunakan di dalam negara, maka mereka ditahan dan tidak diizinkan kenderaan berkenaan berada di jalan raya dan dikenakan kompaun.

Di samping itu kenderaan berkenaan perlu mendapat pengesahan daripada mana-mana bengkel telah dipastikan, telah dilesenkan 53 bengkel yang mana 30 bengkelnya adalah berada di PUSPAKOM. PUSPAKOM membantu untuk mengesah dan memastikan bahawa kenderaan berkenaan telah mengikut arahan di bawah undang-undang.

Selain dari itu pihak berkuasa di bawah Jabatan Alam Sekitar juga membuat rondaan-rondaan dan membuat apa yang dikatakan pemeriksaan secara *random* untuk memastikan mana-mana kenderaan yang melepaskan asap berlebihan dan alat-alat yang digunakan adalah alat-alat khusus di mana kebanyakan negeri-negeri besar mempunyai dua alat dan negeri-negeri kecil, tempat-tempat kecil ada satu alat. Mereka menjalankan tugas secara *random*, bermaknanya apabila mereka mendapati sesuatu kenderaan itu bersalah, mereka akan mengambil tindakan. Cuma sama ada mereka menjalankan tugas di waktu malam ataupun siang, kita izinkan mereka menggunakan pendekatan masing-masing.

Kita tidak ada satu tatacara di mana mereka tidak boleh menjalankan tugas di waktu malam. Cuma kalau saya mengikuti pemikiran Yang Berhormat, kemungkinan di waktu siang

hari lebih mudah kita melihat asap dan kalau malam khasnya kalau hujan memang sukar. Saya percaya, kita mengizinkan budi bicara tiap pegawai yang menjalankan tugas. Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sering mendapat aduan bahawa walaupun sesebuah kereta telah disahkan oleh PUSPAKOM, agar dia tidak mengeluarkan asap yang lebih dari tahap yang dibenarkan, tetapi sering berlakunya pegawai dari Jabatan Alam Sekitar masih mengeluarkan saman kepada pemandu-pemandu lori. Ada aduan yang saya terima, satu hari sebelumnya, baru disahkan, baru keluar daripada PUSPAKOM, tetapi satu hari selepas itu, dia dikenakan saman. Apakah rasionalnya dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan satu penjelasan, siapakah yang kita mahu ikut? Ikut PUSPAKOM atau pegawai alam sekitar dan kenapa ada *discrepancynya*? Terima kasih.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah soalan spesifik. Kalaulah ada sebuah kenderaan itu diluluskan oleh PUSPAKOM dan kalau esoknya didapati oleh Jabatan Alam Sekitar, HSU nya itu melebihi paras maka pegawai berkenaan kena mengambil tindakan kerana dia mengikut alat yang digunakan. Alat itu adalah penentunya.

Jadi, kalau ada kes spesifik sebegini, harus Yang Berhormat boleh membawa kepada pihak tertentu yang boleh menentukannya. Saya percaya pegawai tidak akan mengambil tindakan sewenang-wenangnya. Hanya kalau hari ini keluar daripada PUSPAKOM, esoknya ditangkap, itu bukan saya ...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu, itu wang kementerian. Mungkin mereka mahu makan suap dan tidak mahu diberi.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik Yang Berhormat...

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Itu soalan lain. Kalau Yang Berhormat hendak bawa soalan itu, harus dibawa secara khusus ya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya jemput Tanjong.

13. Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menghadapi persaingan daripada negara-negara seperti China, Vietnam, Thailand dan Indonesia dalam menarik FDI.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan daya saing negara bagi menghadapi persaingan dari negara-negara lain dalam menarik pelaburan asing.

Di antara langkah-langkah yang diambil dan saya baru sebutkan di sini ialah:-

- (i) memperkenalkan insentif baru serta memperbaiki; menambahbaikkan insentif sedia ada;
- (ii) menawarkan galakan istimewa;

- (iii) meliberalisasikan pemilikan ekuiti asing;
- (iv) memeterai Perjanjian Perdagangan Bebas bagi memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pusat pengeluaran yang kompetitif;
- (v) mengadakan Perjanjian Penggalakan dan Perlindungan Pelaburan untuk melindungi kepentingan pelabur;
- (vi) menubuhkan Unit Penyelarasan Pelaksanaan Projek termasuk Unit Pelaksanaan Industri Daerah;
- (vii) menubuhkan satu *One-Stop Centre* (OSC) dengan izin bagi mempercepatkan kelulusan di peringkat pihak berkuasa tempatan;
- (viii) menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan dan menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemudah Cara Perniagaan ataupun PEMUDAH dan menubuhkan mahkamah hak harta intelek bagi melindungi kepentingan pelabur;
- (ix) membangunkan kawasan wilayah khusus seperti Wilayah Pembangunan Iskandar dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara; dan
- (x) menganjurkan misi perdagangan dan pelaburan keluar negara serta misi spesifik bagi menarik pelaburan asing di dalam sektor berteknologi tinggi berintensif modal dan mempunyai nilai tambah yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun terdapat persaingan dari negara-negara seperti China, Vietnam, Thailand dan Indonesia, kerajaan turut melihat peluang yang diberikan oleh negara-negara ini kepada pelabur Malaysia untuk mengadakan kerjasama dengan syarikat-syarikat dari negara tersebut.

Dengan langkah ini dipercayai Malaysia dapat terus kekal sebagai destinasi pelaburan yang menarik, sekian terima kasih.

■1130

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat berkata bahawa kementerian telah mengamalkan dasar-dasar liberalisasi, termasuk pemilikan asing dan sebagainya, tetapi mengapa setakat ini masih ada aduan-aduan daripada pelabur asing yang sudah pun bertapak di sini berhubung dengan dasar-dasar ekuiti dan juga dasar-dasar penggajian mengikut kaum yang bagi mereka menjelaskan hasrat mereka untuk melabur ataupun terus melabur di negara ini. Apa-apa tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan perkara-perkara ini tidak akan membantut keyakinan FDI kepada Malaysia.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan di-Pertua, berkuat kuasa dari 17 Jun 2003, 100% pemilikan ekuiti asing dibenarkan bagi semua pelaburan dalam projek baru dan projek pembesaran ataupun *diversification* dalam sektor perkilangan. Bagi sektor-sektor yang lain,

memang kita ada matlamat negara yang kita perlu ambil pertimbangan. Tetapi untuk menarik FDI dari sektor pembuatan memang tidak ada halangan mengenai dengan pemilikan ekuiti. Sekian terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kalau berdasarkan kepada iklim politik dan iklim pentadbiran di negara kita, kita adalah ke hadapan di kalangan negara-negara ASEAN. Tetapi, masih kita bertanya-tanya mengapa pihak FDI tidak begitu rancak berbanding dengan Negeri China ataupun Indonesia ataupun Thailand. Adakah kerana kita mengikuti sistem *federalism* kita yang membantutkan perkara ini. Misalnya pelaburan hendak datang kepada pusat atau negeri. Kalau negeri terpaksa mendapat kelulusan daripada pihak kerajaan negeri terlebih dahulu. Adakah ini menjadi penghalang kepada mempercepatkan proses untuk satu-satu *investment* untuk bertapak di sini? Terima kasih.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama kedudukan negara kita dari segi menarik FDI. Pada setakat ini amatlah bagus, kedudukan kita di antara negara-negara ASEAN adalah ketiga kedudukan kita selepas Singapore dan Thailand dan kalau kita hendak membandingkan negara kita dengan negara China dan negara Indonesia saya rasa ini tidak berapa sesuai sebab negara China adalah sebuah negara begitu besar dan Indonesia juga sebuah negara yang begitu besar dan Malaysia walaupun kita maju, tetapi saiz kita kalau dibandingkan dengan negara China dan Indonesia saya rasa tidak berapa patutlah. Berkenaan dengan *concept of federation* pada pandangan saya ini tidak akan menjadi satu halangan kepada menarik pelaburan sebab keputusan untuk meluluskan sesuatu projek dan tanggungjawab untuk menarik pelaburan dari luar negara memang adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri hanya memainkan peranan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan tanah iaitu yang juga melibatkan keperluan meluluskan keputusan kerajaan tempatan sahaja. Jadi pada keseluruhannya saya rasa ini tidak akan menjadi satu masalah, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, menteri dah jawab sudah. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi soal jawab lisan selesai.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah tamat]

Tuan Yang di-Pertua: Ada satu usul daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, silakan.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.36 pg.****Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok hari.”

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2008****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2008**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2008 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada empat puluh lapan billion satu ratus lapan belas juta dua ratus enam puluh sembilan ribu ringgit (RM48,118,269,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2008, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2008, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 13 Tahun 2007, adalah diuntukkan di bawah Maksud-Maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut” **[29 Oktober 2007]**

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua ada satu *point of order*. Saya merujuk kepada peraturan 36 (12) yang berbunyi mana-mana Ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan adalah disifatkan menghina Majlis dan Ahli itu boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi kesalahan itu. Saya merujuk kepada satu soalan yang saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini pada 25 Oktober. Baru-baru ini saya mendapat satu salinan jawapan kepada soalan itu. Soalan itu berbunyi, "Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab kes pembunuhan bekas Ketua Polis Negara Dato' Abdul Rahman Hashim pada tahun 1974 yang menggemparkan Kuala Lumpur masih belum diselesaikan."

Jawapan adalah ini, 'Kes pembunuhan Tan Sri Abdul Rahman Hashim iaitu Ketua Polis Negara yang ketiga telah dilaporkan melalui laporan Polis Campbell *report number* 5105/74 bertarikh 7 Jun 1974. Kertas siasatan telah dibuka iaitu rujukan Kuala Lumpur 4225/74 dan kes ini telah disiasat di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan. Menurut faktor kes Tan Sri Abdul Rahman Hashim telah ditembak oleh dua orang lelaki berhampiran dengan bangunan Lee Yean Lian Jalan Tun Perak yang dahulunya Jalan Mountbatten, Kuala Lumpur pada pukul 8.20 pagi pada 7 Jun 1974. Dalam kejadian tersebut sebanyak 11 das tembakan pistol telah dilepaskan dan sebanyak 7 das tembakan telah mengenai bahu, rusuk dan paha kiri beliau.

Allahyarham telah meninggal dunia pada pukul 8.30 pagi iaitu semasa dalam perjalanan ke Hospital Besar Kuala Lumpur. Dalam kejadian yang sama pemandu Allahyarham Sarjan Omar Yunus juga telah mengalami kecederaan dileher dan bahu kanan akibat ditembak. Tuan Yang di-Pertua, penjenayah-penjenayah yang terlibat telah dikenal pasti dan mereka ini juga terlibat di dalam kes pembunuhan Bekas Ketua Polis Negeri Perak Tan Sri Khoo Chon Kong. Penjenayah-penjenayah tersebut telah ditangkap, dituduh dan dijatuhkan hukuman mati, kes telah selesai.'

Tuan Yang di-Pertua, kes ini tidak selesai kerana saya mewakili seorang yang bernama Lim Boon Chong yang terlibat dalam pembunuhan Ketua Polis Negeri Perak dan sebelum dia digantung dia ada menyatakan kepada saya dia tidak ada apa-apa kena mengena dengan pembunuhan Dato' Abdul Rahman Hashim.

■1140

Selepas itu, Tuan Yang di-Pertua, dia ada digantung, tetapi sebelum dia digantung, saya dapat satu permohonan kepada Mahkamah Tinggi untuk dapat kes itu di *brought forward* dan masa itu, Tuan Yang di-Pertua, pendakwa raya ada menarik balik tuduhan pembunuhan ke atas Dato' Abdul Rahman Hashim dan pelanggan saya, Lim Boon Chong ada dilepaskan dan dibebaskan., *imputed and discharged*. Itu bermakna apa yang dijawab pada 25 Oktober oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri...

Tuan Yang di-Pertua: Ringkaskan sedikit.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: ...merangkap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengelirukan Dewan dan oleh itu adalah wajar ia dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk tindakan yang sewajarnya diambil ke atas dia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak merujuk perkara ini kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan melalui Peraturan Mesyuarat 36 tadi, ini terpulang kepada Yang di-Pertua sama ada hendak rujuk perkara itu atau tidak kerana Peraturan Mesyuarat itu berkata boleh dirujuk, ia juga boleh tidak dirujuk, satu.

Yang kedua, jikalau Yang Berhormat hendak merujuk perkara ini kepada Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini, ia hendaklah dirujuk sebagai usul. Maka jikalau hendak dirujuk sebagai usul, setiap usul yang hendak dirujuk kepada Jawatankuasa ini ataupun Dewan ini, hendaklah mempunyai notis 14 hari ataupun notis yang lebih singkat lagi kalau Yang di-Pertua bersetuju. Jadi oleh kerana usul ini belum sampai lagi habis edah 14 hari, maka perkara ini tidak berbangkit lagi.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, ada kuasa bawah Peraturan Mesyuarat 36(12) untuk mengambil tindakan dan ini adalah satu kes di mana tindakan harus diambil dengan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tindakan ini boleh dirujuk kepada Jawatankuasa seperti Yang Berhormat hendak, Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Jadi jikalau hendak rujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, ia mestilah dirujuk melalui usul dan usul hendaklah 14 hari. Edah 14 hari belum habis lagi. Oleh itu, perkara ini tidak berbangkit sekarang ini.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: 14 hari. Kalau 14 hari belum lagi edah habis. Sudah sampai habis edah, sampai masanya barulah Yang di-Pertua membuat keputusan. Sekarang ini tidak berbangkit lagi. Sila, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Maaf, maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan ya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu usul mengenai Hak dan Kebebasan seseorang Ahli Parlimen ini tidak payah 14 hari. Ini boleh dirujuk semasa ia berlaku. Itulah ada di bawah Peraturan Mesyuarat. Oleh itu, saya minta Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Perkara ini tidak dibuat semasa ia berlaku.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ...memberi pertimbangan semula kerana ini bukan usul yang....

Tuan Yang di-Pertua: Perkara ini tidak dibangkit semasa ia berlaku.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, ia berlaku. Yang Berhormat Bukit Gelugor terima jawapan yang mengelirukan, dia bangkitkan perkara ini. Oleh itu, apa yang

dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua bahawa ia perlu 14 hari ini adalah salah. Ini adalah salah kerana usul sebegitu tidak perlu...

Tuan Yang di-Pertua: Usul ini adalah usul untuk tindakan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bukan, bukan, itu bukan usul yang memerlukan 14 hari.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah buat keputusan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini usul yang boleh dibentangkan semasa perkara ini berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah buat keputusan. Ini serupa juga, boleh dibuat. Sila, Yang Berhormat.

11.44 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana mengambil bahagian dalam perbahasan peringat dasar Bajet 2008...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Menteri sudah mula jawapan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ..dan menyentuh perkara-perkara di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order*.

Tuan Yang di-Pertua: Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: ...teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada apa? Baik.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *Point of Order*.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri ini berhak untuk menjawab bagi Perdana Menteri? Isu-isu yang ada dibangkitkan adalah isu-isu yang besar dan penting dan orang ini adalah orang yang kecil yang tidak boleh jawab dengan baik atas apa yang dibangkitkan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Perdana Menteri mesti hadirilah. Tidak pernah tengok muka dia.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Gelugor dan Yang Berhormat Kota Bharu mencadangkan supaya ditubuhkan Suruhanjaya Diraja mengenai isu klip video peguam V. K. Lingam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan percaya panel bebas yang dibentuk untuk menentukan kesahihan klip video tersebut mampu menjalankan tugasnya dengan bebas dan berkesan.

Ini memandangkan panel tersebut mendapat kerjasama sepenuhnya daripada pelbagai pihak termasuk Polis Diraja Malaysia, Badan Pencegah Rasuah dan Jabatan Peguam Negara. Ketiga-tiga badan ini boleh menggunakan kuasa yang telah diperuntukkan kepada mereka untuk membantu siasatan panel bebas tersebut sekiranya perlu.

Yang Berhormat Jerai menyentuh tentang hakim...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan. Penjelasan mengenai video klip itu. Kita sangat jelas bahawa Jawatankuasa Bebas tiga orang ditubuhkan ialah satu jawatankuasa yang tanpa kuasa, tanpa apa-apa kebolehan untuk menentukan kandungan-kandungan, khasnya dakwaan-dakwaan yang ada dalam *tape* itu bahawa dengan izin, ada *perversion of the cause of justice* apabila ada pilihan hakim, *fixing of judicial appointment* dan juga *fixing of judicial decision*.

Perkara ini bukan sahaja mengenai *authenticity* rakaman itu, tetapi mengenai benar atau tidak benar dakwaan yang serius yang ada dalam *tape* itu. Oleh kerana latar belakang perbualan itu yang menunjukkan bahawa benar bukan sahaja orang yang berkenaan ialah peguam kanan, V. K. Lingam, tetapi orang yang *at the end of the line* ialah Ketua Hakim, Tun Fairuz.

Ini perlu satu siasatan yang terbuka dan bebas. Bukan tiga orang *independent* yang seolah-olahnya *independent panel*, tetapi sebenarnya bukan sahaja tanpa kuasa tetapi diketuai oleh seorang yang ada *conflict of interest*, Tan Sri Haidar yang tidak layak untuk mengetuai apa-apa siasatan itu oleh kerana *conflict of interest*, peranan beliau dalam *juridical crisis* tahun 1988 di mana sebagai Ketua Pendaftar, dia ada kuncikan, *seal Supreme Court*, satu perkara yang sangat malu. Bagaimana ini boleh dibenarkan? Bukankah untuk memulihkan keyakinan terhadap sistem kehakiman bahawa satu *Royal Commission Enquiry*, sungguhpun sudah lewat, patut diadakan tanpa apa-apa lengah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpendapat iaitu bahawa kita harus mengenal pasti kesahihan video klip itu terlebih dahulu. Kalau tidak, ia hanya merupakan sebagai surat layang yang tidak ditangani. Jadi untuk kita mewujudkan satu *Royal Commission* untuk menyiasat perkara yang belum lagi kesahihan itu ditentukan adalah satu perkara yang sia-sia sahaja.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kenapa...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang penting ialah untuk menyiasat kesahihan video klip.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kenapa kerajaan ambil *double standard* dalam perkara ini. Ada peristiwa lagu Negarakuku, Wee Meng Chee, dalam *You Tube* tidak ada pertanyaan sama ada mahu menentukan *authenticity*, tetapi huru-hara bahawa dalam perkara ini Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional mengambil tindakan bahawa beliau khianat negara, Menteri pun. Kenapa sekarang dalam perkara ini sangat jelas bahawa majoriti percaya itulah benar.

Oleh kerana mereka yang terlibat tidak dapat perlindungan, tidak dapat apa-apa jaminan bahawa mereka akan selamat. Bukan sahaja tidak ada *Witness Protection Act*, masalah di sini bukan takut sahaja kepada mereka yang terlibat mengenai tindakan yang diambil, mereka pun takut bahawa kerajaan akan ambil tindakan, akan menganiayai mereka, mereka boleh mendakwa.

Bolehkah satu jaminan diberi bahawa mereka akan dapat *immunity*, mereka tidak akan menghadapi apa-apa *prosecution* oleh kerajaan, oleh kerana terlibat dalam *Lingam tape* ini. Bolehkah kerajaan buat satu dasar terbuka bahawa tidak ada apa-apa tindakan akan diambil terhadap mereka, bahawa mereka akan menikmati *full immunity* daripada segala *prosecution*?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kes Wee Meng Chee dalam *You Tube* itu kita serahkan kepada polis untuk menyiasat kesahihannya.

■1150

Sebab kalau polis siasat, dalam kes itu kita tidak akan rasa curiga, tetapi kalau dalam kes video klip yang di mana dikatakan *Lingam* bercakap dengan Tun Fairuz. Kita boleh serah kepada polis untuk siasat kesahihannya tapi ini sudah tentu mungkin tidak akan dipercayai oleh orang ramai. Sebab itu kita wujudkan panel terdiri daripada tiga orang yang kita anggap dihormati oleh masyarakat untuk menyiasat kesahihan. Kalau polis siasat nanti karang, orang kata *cover up* dan macam-macam.

Jadi oleh kerana benda ini ialah satu perkara kalau betul, sah, dia serius. Untuk meyakinkan orang ramai, kita *setup the panel* lah. Sebab itu dia menyiasat, panel yang menyiasat dan bukan polis. Ada perbezaan antara Wee Men Chee dengan video klip ini. Kemudian ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Soalan...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak payahlah. Habis. Apa hendak tanya lagi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mengenai perkara ini, terakhir.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti dulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tak, mengenai dengan video klip.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tadi ada berapa soalan yang hendak tanya tadi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Video klip.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak ada berapa soalan hendak tanya dalam *you* punya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Banyak soalan dalam perkara ini. Oleh kerana...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak perlu jawab. Tak perlu jawab. Tak apalah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Daripada mesyuarat semalam kita boleh tengok. Bukan *high enquiry panel* yang siasat. Inilah terpulang, terserah kepada ACA dan ACA kata akan rujuk kepada peguam negara selepas ia dirujuk kepada *section prosecution*, sama ada akan ambil tindakan. Bukankah ini menunjuk apa yang kita perlu ialah satu badan siasatan yang sebenarnya yang bebas, yang tidak khusus menunggu hasil siasatan ACA atau polis tetapi menggunakan saluran dan semua cara-cara sendiri. Kenapa tidak boleh ada satu *royal commission enquiry* yang tentu? Kalau ada satu *royal commission enquiry* langkah utama awal ialah untuk menentukan *authenticity* itu. Adakah Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab mengenai undang-undang sedar bahawa dalam perkara ini kalau kerajaan dilihat sebagai bertanggungjawab untuk *cover up*, ia akan menjatuhkan lagi status dan kepercayaan orang ramai dan dunia mengenai *independence, integrity* dan kualiti kehakiman di negara Malaysia.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Untuk menjaga imej kerajaan, sebab itu kita tak bagi polis siasat tentang kesahihan video klip itu. Kita wujud panel ini, kalau dalam keadaan biasa, polis siasat, ACA siasat, bagi kepada AG, AG buat keputusan. Oleh kerana AG, ACA dan juga polis adalah merupakan *apparatus* dalam kerajaan untuk menyiasat, untuk mengelak orang kata ada *cover up*, sebab itu kita adakan panel. Panel ini yang akhirnya akan membuat keputusan berdasarkan kepada penyiasatan yang kita buat. Kalau tidak AG buat terus. Orang pun tak akan percaya, sebab AG pun baik dengan kita.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jadi kita bagi panel. Panel ini bukan satu orang, tiga orang yang mempunyai kedudukan dalam masyarakat dan saya percaya mereka tidak mahu di kompromi, mereka tidak mahu menjalankan tugas mereka diberitahu bahawa kita mahu akhirnya keputusan dianggap tidak sah. Mereka tidak terima arahan seperti begitu. Lebih daripada itu apa yang kita hendak buat, terlebih dahulu kesahihan itu mesti dipastikan. Kalau tidak, setiap surat layang yang ada, setiap tuduhan yang dibuat perlu diadakan *royal commission*. Ini memakan masa, wang, dan tenaga.

Jadi saya hendak bagi tahu kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat saya pun minat untuk melihat tentang kesahihan ini. Tentang pendakwaan itu benar ataupun tidak. Sudah pasti kalau dia merupakan sah, selepas itu memang saya cukup yakin bahawa kerajaan akan

mewujudkan Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat aduan yang sebenarnya video klip itu adalah sah dan apa yang ada di dalam itu.

Sebab saya ingat kita tak perlu bercakap banyak lagi. Sebab kita tunggulah keputusan yang akan dibuat oleh panel nanti.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar, ada perbezaan antara surat layang dan satu video klip? Ada dikatakan oleh kerana tidak original bagi video klip ini, tidak boleh ditentukan, adakah ini video klip sah? Tuan Yang di-Pertua, dalam kes D.P Vijandran, Timbalan *Speaker* dalam Dewan ini. Dalam tahun 1992, saya ada kemukakan satu *video tape*. Satu *video tape* lucah di mana D.P Vijandran jadi pelakon yang utama dengan seorang wanita. Dalam satu dakwaan, pendakwaan di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Seksyen di Ipoh, satu pakar datang dari Jepun untuk memberi keterangan bagi pendakwaan bahawa video klip itu adalah sah. Tidak ada keperluan untuk mengadakan *original*. Oleh kerana itu, bolehkah kerajaan memberi satu peluang kepada pendakwaan untuk mendapat satu pakar menentukan video klip ini adalah sah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebenarnya apa yang dilakukan oleh penyiasat iaitu IGP ke, ACA ke, BPR ke ataupun AG, saya tidak *privy*. Saya tidak tahu sama ada pakar telah digunakan ataupun tidak. Saya hanya boleh buat kesimpulan daripada apa yang berlaku iaitu mungkin pakar diambil, mungkin, saya tidak tahu. Saya pun tidak tahu apa benda yang keputusan pakar buat.

Jadi sebab itu mungkin mereka untuk mendapat keputusan yang muktamad, mereka perlu mendapat yang original untuk memastikan supaya perkara itu benar ataupun tidak. Saya percaya *tape* itu telah pun diberikan kepada pakar. Namun, apakah keputusan pakar itu saya tidak tahu. Jadi saya juga macam Bukit Gelugor terpaksa menunggu laporan yang akan dibuat oleh pihak panel yang bebas ini.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua penjelasan. Saya belum habis lagi. Dalam kes Vijandran, apa yang dikemukakan adalah bukan *original* tetapi adalah satu salinan. Kenapa dalam kes ini ada satu keperluan untuk mendapat original baru sahaja boleh menentukan sama ada video klip ini sah. Dalam kes Vijandran, Mahkamah Seksyen ada menentukan video lucah itu adalah sah dan itu adalah ditentukan oleh Mahkamah Tinggi dan selepas itu Mahkamah Rayuan. Oleh itu saya tidak nampak apa-apa yang jadi satu *obstacle* untuk menentukan *tape* ini. Walaupun *tape* ini bukan original untuk menentukan adakah ia sah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mungkin daripada penyiasatan mereka, dia tengok, mungkin, saya tidak tahu. Mungkin tidak sah tapi mereka tidak puas hati, mereka merasa mahu lihat kepada yang *original* kerana yang ada sekarang mungkin tidak sah. Jadi

sebab itu mereka mahu yang *original*. Mungkin itu *positive thinking* lah. Sebab saya pun tidak tahu. Saya tak tahu, saya tak tahu sama ada benda itu sah atau tidak.

Sebenarnya maknanya mungkin daripada siasatan itu mereka lihat tidak sah tapi mereka tidak puas hati, takut nanti tidak ... *all ever news*, boleh Yang Berhormat duduk? Kacau saya punya perjalanan pemikiran ya. Lepas itu boleh bangun kalau ada masalah. Jadi mungkin, mungkin dalam dia punya siasatan, dia kata dia mahu tengok yang *original*. Ini kerana kalau dia lihat yang sah ini dia hantar yang ini tak sah. Mungkin, saya pun tidak tahu. Sebab itu kita kena tunggu laporan terakhir daripada pihak panel bebas. Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Yang Berhormat, boleh Yang Berhormat beritahu. Ini pandangan atau *finding* oleh *three man* panel itu? *Three man* panel itu, *three stooges* dia kata. Adakah *finding* itu akan di *public* untuk pengetahuan semua?

[Dewan riuh]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya kira saya tidak boleh cakap bagi pihak panel sebab saya tak tahu. Jadi sama ada dia akan dijadikan sebagai *public* dokumen ataupun tidak itu belum ada keputusan. Saya boleh beritahu kepada Ipoh Barat, saya akan *strongly argue* supaya semua laporan itu dijadikan *public*, tapi keputusan belum ada lagi.

■1200

Yang Berhormat bagi Jerai menyentuh tentang sesetengah hakim membuat penghakiman, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor menyentuh mengenai penglibatan peguam V.K Linggam dengan hakim tertentu dan Yang Berhormat bagi Ipoh Timur mengatakan Ketua Hakim Negara pada masa ini adalah *most on unproductive Chief of Justice in Malaysia*. Juga menyentuh mengenai laporan penuh *outstanding ground of the decision* dengan izin.

Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara 127 Perlambangan Persekutuan menyatakan dengan jelas bahawa perlakuan seseorang hakim atasan tidak boleh dibincangkan di Parlimen kecuali dengan satu usul yang tersendiri dan notis telah diberi tidak kurang daripada satu perempat daripada jumlah bilangan Ahli Majlis Parlimen. Jadi saya tak boleh bincang lebihlah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti sekejap. Saya habis Bukit Gelugor dulu, satu *page* supaya ada *progress*.

Yang Berhormat Bukit Gelugor ingin tahu mengapa penafian perkhidmatan Ketua Hakim Negara dengan klip video peguam V.K Linggam dibuat melalui eksekutif iaitu saya.

Untuk makluman Yang Berhormat, apa yang saya kata ialah hakim kanan telah menulis kepada saya dan menafikan terlibat dalam perbualan telefon dalam klip video, itu sahaja. Jadi apa masalahnya, saya tidak mempengaruhi dia. Dia bebas.

Oleh kerana sistem kita tidak membenarkan ketua hakim tampil ke Parlimen di Dewan ini untuk menafikan maka dia terpaksa buat menerusi saya lah. Jadi saya ingat itu tidak menjadi masalah.

Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor mempersoalkan tentang keperluan klip video asal dalam kes peguam V.K Linggam. Yang Berhormat perlu sedar teknologi hari ini jauh berbeza dengan teknologi yang ada hampir 20 tahun dulu. Saya ingat kes V.P Vijandran mungkin 20 tahun dahulu teknologi berbeza.

Teknologi digital hari ini memungkinkan gambar dan video disunting dengan mudah serta disebar secara meluas. Hakikatnya klip video asal yang dikatakan sepanjang 14 minit telah disunting dengan mudah menjadi lapan minit dan boleh dimuatkan dalam *thumb drive* dengan izin, sebesar ibu jari.

Keperluan ini turut mengambil kira nasihat pakar teknikal dari pihak Jabatan Peguam Negara supaya klip video yang asal diperoleh oleh BPR bagi melengkapkan siasatan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan. Menteri ada rujuk kepada artikel 127 Perlembagaan. Artikel itu berbunyi “ *The conduct of a judge of the Federal Court, the Court of Appeal or a High Court shall not be discussed in either House of Parliament except on a substantive motion of which notice has been given by not less than one quarter of the total number of members of that House, and shall not be discussed in the Legislative Assembly of any State*”. Perkataan *the conduct of the judge*, di sini *misconduct*. *Misconduct* bukan sama dengan *conduct*. Oleh itu *misconduct* boleh dirujuk, boleh berbangkit dalam Dewan yang mulia ini.

Menteri ada menyatakan tadi Tuan Yang di-Pertua, teknologi 20 tahun dahulu barangkali berbeza. Tunggu *backwards*, sekarang lebih *advance*. Jika 20 tahun dahulu satu klip video yang bukan asal boleh disahkan kenapa tidak boleh sekarang? 20 selepas itu? Apabila teknologi *still in advance*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, *conduct* atau *misconduct* ini adalah *conduct* lah, perangai atau tindakan. Kalau *misconduct* pun tindakan juga. Bukan bermakna bahawa *conduct* itu hanya yang positif sahaja. Kalau dalam dunia ini tuhan menjadikan manusia semuanya baik maka tak adalah *misconduct*, tapi yang *misconduct* itu juga perangai. Jadi bila nak bincang tentang tindakan tak kira sama ada positif ataupun tidak perlulah kepada usul yang satu perempat.

Jadi berkenaan dengan video klip 20 tahun dulu, saya cuma bangkit benda ini nak bandingkan dengan V.P Vijandran. Sekarang sudah 20 tahun kemudian, sememangnya kalau kita menyiasat perkara yang *tempered*, saya tak tahu, adakah di dalam mahkamah *tempered evidence* ini *is admissible*. Kalau ia tidak *admissible* maknanya ada satu perkara yang daripada segi orang kata dari segi *aspect legal* tidak boleh diterima. Jadi kalau ianya tidak diterima oleh mahkamah, mengapa pula dia boleh diterima oleh panel yang bebas ini.

Oleh sebab itu, saya rasa untuk memastikan iaitu perlakuan yang disebut dalam video klip itu adalah betul atau pun tidak kita kena lihat kepada yang sah. Supaya, kalau kita silap pun kita silap pada pihak yang betul.

Saya percaya klip yang ada sekarang ini tidak mungkin dalam mahkamah terbuka ianya boleh diterima sebagai bukti yang boleh diterima. Itu pandangan sayalah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, saya ada nama dan alamat pakar yang ada menunjukkan V.P Vijandran dalam video lucah itu. Walaupun video lucah itu bukan *original*.

Adakah kerajaan bersedia untuk menghantar klip ini kepada pakar yang sama di negara Jepun?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya rasa tidak ada masalah asalkan kita boleh pergi kepada *the bottom of the problem* iaitu nak melihat tentang kesahihan ini. Ke mana-mana pun kita nak hantar kita boleh hantarlah bukan Jepun sahaja, kalau di United Kingdom pun semua kita hantar.

Saya yakin yang terbaru memang kita hantar. Yang Berhormat boleh cadangkan dan kita tak perlu lihat kepada satu, kita boleh lihat kepada dua atau tiga pakar dalam soal ini. Tidak ada masalah Yang Berhormat, kenapa tak bagi awal-awal senang kita.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan mengenai jawapan. Yang Berhormat Menteri..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Macam nak tanya..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, baru dijawab. Tadi Yang Berhormat ada sebut artikel 127 sebagai sebab kenapa dia menolak jawapan segala perkara-perkara yang dibangkit mengenai kehakiman. Bukankah ini sebenarnya satu helah lari daripada tanggungjawab dan prinsip akauntabiliti mengenai *system of justice*.

Artikel 127 ialah mengenai *conduct of a judge*, selain daripada masalah *misconduct of a judge* berkait *conduct of a judge* dan bukan mengenai sistem kehakiman.

Sekarang kita menghadapi satu krisis kehakiman. Sungguhpun Yang Berhormat Menteri dua hari lalu kata mana ada krisis kehakiman, *where got crisis of judiciary, where's crisis of confidence* dalam *judiciary*, sungguhpun inilah berlaku. Semalam pun Sultan Perak Raja Azlan Shah bertitah *time for judiciary to regain public's confidence*. Adakah perkara ini sekarang menjadi satu isu yang tidak boleh dibahaskan dan bincang dalam Dewan yang mulia ini. Seolah-olah di bawah perkara 127 bahawa semua perkara tidak boleh dibincangkan sungguhpun ia boleh dibahaskan dan dibincangkan luar dewan. Kalau begitu Dewan bukan menjadi satu Dewan.

Bukan sahaja salah tafsirkan perkara 127 dalam perlembagaan tetapi menunjukkan bahawa Parlimen ini tidak guna sahaja, langsung.

Bukankah benar bahawa, saya berharap Yang Berhormat Menteri jangan lari daripada tanggungjawab beliau dan semua ini di bawah perkara 127 yang itu silap oleh kerana spesifik mengenai *misconduct of a judge* yang perlu satu *substantive motion*, yang perlu *one quarter* Ahli Parlimen.

Ini mengenai sistem kehakiman yang telah hilang kepercayaan orang ramai. Sebenarnya ini menjadi tajuk utama dalam ucapan Sultan Perak dan apa perkara yang dikatakan oleh Sultan Perak pun ada dalam dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini. Kita harus ada satu jawapan.

Sebagai contohnya Tuan Yang di-Pertua, The Sultan of Perak *yesterday called for a major reform of judiciary. "He said it was time for the judiciary to regain the public's confidence and bring back the glory years. For this, he added, cosmetic changes were not enough. Sultan Azlan Shah said recent reports about "disturbing events" relating to the judiciary, together with other serious criticisms against it were called for concern. I am driven nostalgically to look back at that time when our judiciary was a pride of the region and our neighbors spoke admiringly of our legal system. We were then second to none at the judgment of a court were quoted confidently in other Common Law Jurisdiction.*

■1210

Yang Berhormat Menteri sendiri ada di *Law Conference* semalam, ada dengar ucapan Sultan Perak. Inilah teguran-teguran dan kritikan ini tempat sebagai satu balasan ialah di dalam Dewan yang mulia ini. Oleh kerana ini pun menjadikan kekhuatiran kita di sini mengapa sistem kehakiman sudah semakin merosot, sungguhpun dalam 20 tahun ini sudah ada *series of a crisis* kehakiman.

Yang Berhormat kata bahawa 2,000 atau 1,000 orang peguam *march* untuk kehadiran apa guna? 1,000 orang sahaja, 2,000 orang sahaja daripada 17,000 peguam-peguam, 26 juta rakyat. Kalau begitu adakah Yang Berhormat pun menganggap bahawa pandangan Sultan Perak pada seorang sahaja *can be dismissed. Dismiss* seorang sahaja.

Kita jangan lari daripada isu ini. Ini isu yang mustahak dan jangan memberi gambaran bahawa di Parlimen isu yang utama diketepikan. Yang Berhormat kata bahawa tidak dengar daripada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional bangkitkan perkara ini. Bukankah ini menunjukkan bahawa ahli-ahli daripada Barisan Nasional mereka tidak guna? Bukan mereka tidak boleh mewakili, tidak peka terhadap isu-isu yang utama di negara ini?

Bolehkah Yang Berhormat jawab semua perkara yang timbul mengenai *crisis of confident* kehakiman di tanah air kita?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, krisis ada dalam kepada dia saja. Jangan ingat kalau Ahli Parlimen lain tidak berfikir sebegitu kita semua tidak betul. Kita majoriti dan saya tetap, saya tidak payah bacalah apa benda yang Sultan Perak ucapkan kerana saya ada di situ. Yang Berhormat ada baca *New Straits Times* hari ini? Saya

ada cakap bahawa itu pandangan Tuanku. Akhirnya kalau *public* ini kita hendak pastikan siapa *public*? Adakah satu orang itu *public*, atau Ketua Pembangkang itu seorang *public*? Kita mahu majoriti, demokrasi. Apa pilihan lagi yang ada pada kita? Sivil sistem kita.

Yang ketiga yang penting, Yang Berhormat sebut dengan peruntukan 127. Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap tentang konsep kebebasan tiga ranting dalam kerajaan, ranting itu ialah eksekutif, legislatif dan juga *judiciary*. Hari ini bukan sahaja eksekutif tidak boleh campur tangan tentang *judiciary*, kita pun tidak boleh sebab legislatif harus bebas daripada *judiciary* dan *judiciary* juga harus bebas daripada legislatif. Jangan cakap tentang eksekutif sahaja, kita pun tidak boleh. Dalam masa yang sama kita tidak boleh menafikan tentang hak. Hak Ahli Parlimen untuk berucap apa sahaja.

Jadi kita terpaksa imbang di antara jangan ada campur tangan di kalangan *the three branches of the government*, termasuk jangan ada campur tangan di antara legislatif dengan *judiciary*, dan mengimbangkan dengan konsep iaitu Ahli Parlimen bebas berucap apa sahaja dalam Dewan ini. Maka kita kompromilah, sebab itu kita kata kalau ada usul 25% daripada Ahli Parlimen, maka Parlimen - legislatif boleh bincang soal *judiciary* walaupun ia boleh dilihat sebagai mencampuri urusan *judiciary*.

Yang Berhormat ini bukan peraturan yang dibuat sewaktu saya menjadi Menteri. Peraturan ini saya pun tidak tahu, *last* sekali tahun berapa? Parlimen mungkin tahun 1955, tahun 1957 saya tidak tahu. Jadi saya masuk jadi Menteri jaga undang-undang benda ini sudah ada. Jadi jangan marah dengan saya. Ini bulan Syawal mesti mahu relaks sedikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi sebab itu kita terpaksa kompromi untuk... Duduk dulu. Mengacau saya punya pandangan, bukan pemikiran.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: [*Menyampuk*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak betul, sekarang Yang Berhormat kebebasan *the three branches of the government*. Eksekutif, legislatif, *judiciary* mesti bebas antara satu sama lain. Itu *basic* dan pada masa yang sama kita kena ingat Ahli Parlimen bebas berucap. Itu kompromi yang telah dilakukan, maka itulah wujudnya peruntukan yang saya sebut sebentar tadi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Logidah*. Yang untuk lari daripada *accountability*. 127 saya ada sebut ialah mengenai *conduct of judge* dan mengenai sistem kehakiman. *Doctrine of separation of powers* yang boleh dikatakan bahawa tidak ada campur tangan eksekutif atau Parlimen, mengenai urusan dan perjalanan kehakiman, ialah mengenai kebebasan hakim dan bukan mengenai menolak atau menafikan hak-hak orang ramai atau Parlimen untuk menyoalkan kejatuhan, kepercayaan orang ramai terhadap sistem kehakiman. Ini sangat jelas berlaku, ini

bukan sahaja bersangkut-paut dengan sistem kehakiman, tetapi *international competitiveness* sama ada Malaysia boleh makmur atau tidak boleh makmur.

TuanKu juga ada mengatakan bahawa “*Malaysia ranked 63 among 178 economies in a recent World Bank survey on resolution of commercial disputes, published in the report entitled Doing Business 2008. A similar report by the US State Department warns American businessmen to be worried of the slow process of adjudication of cases before Malaysian court.*”

Yang menunjukkan sistem yang *incompetent* ada *incompetent*, tidak kecekapan di mana ada hakim-hakim *Federal Court Judge*, seorang *Federal Court Judge* lebih daripada 30 *government of judgment* yang belum ditulis. Ini *public interest*, ini tidak perlu *one quarter* Ahli-ahli Parlimen untuk bangkitkan hal dalam ini.

Minggu lalu Yang Berhormat daripada Jerai ada mengkritik hakim Hishamuddin. Oleh kerana *judgment* beliau yang begitu berani mengisytiharkan bahawa RM2.5 juta *compensation* kepada Malik Hussin seorang yang dianiayai di bawah ISA. Kita perlulah menganggap perkara ini, dan mengapa perkara ini boleh berlaku? Kenapa Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional begitu sempit pandangan mereka? Mereka mahu satu sistem kehakiman yang tidak boleh dapat kepercayaan orang ramai?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa fasal jadi diktator pula ni? Biarlah orang hendak bercakap apa pandangan dia, biarlah dia bercakap. Jangan saya mengutuk Hishamuddin dahlah, sebab saya eksekutif. Ia bebas, yang hendak menjamin sama ada hakim ini bebas hendak buat keputusan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Hishamuddin dalam *judiciary* lebih baik daripada Hishamuddin dalam eksekutif. *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini ayam betina, Hishamuddin tidak ada sini. Kalau Hishamuddin ada sini, cakaplah. Tidak adillah macam tu Yang Berhormat. *You have been here long time. I mean, ya issue that...*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Where is* keris Hishamuddin?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya Menteri di Jabatan Perdana Menteri bukan Kementerian Pelajaran yang menjawab. Berapa lama dah duduk Parlimen ni?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Lari.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Ketawa]* Saya tidak lari. You punya Ketua Pembangkang yang melencong. Jadi...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa benda yang bunyi nyot-nyet? Minta jangan ganggu ucapan saya. Kalau mahu bercakap, berdiri bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita teruskan. Seterusnya Yang Berhormat Bukit Gelugor ingin mengetahui kenapa terdapat ura-ura tindakan akan diambil terhadap peguam Sivarasa dan Dato' Seri Anwar Ibrahim...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Ke atas tajuk yang baru-baru ini dirujuk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang mana?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tadi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang tadi yang mana?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bagi *separation of powers* dan *clip video* Lingam.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Separation of powers?*

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya, *Separation of powers*. Apakah kepercayaan kerajaan dalam *separation of powers*? Adakah *separation of powers* wujud dalam negara ini?

Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua dalam satu kes Mahkamah Persekutuan melalui alasan kehakiman oleh Datuk Hamid Mohamad, ada mengatakan tidak ada *separation of powers* kerana eksekutif, *which is introduces ex of Parliament in Parliament*. Oleh itu, tidak ada *separation of powers*. Itu perkara yang pertama Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan hakim itu?

■1220

Kedua, baru-baru ini pada 20 Oktober tahun ini dan ini telah dikatakan oleh Ketua ACA. Saya bacakan dalam bahasa Inggeris. "*The controversial VK Lingam video clip in the hands of the Anti-Corruption Agency is inadmissible evidence because the footage was edited. As such ACA Director General Ahmad Said Hamdan told Utusan Malaysia that the agency cannot continue its investigation into the matter.*"

Adakah ini benar? Jika ACA adalah badan yang akan memberi nasihat kepada *three men panel* ini, nasihat ini sudah diberi dengan umum iaitu klip itu tidak *inadmissible*. Tidak payah tiga orang ini untuk mengadakan satu mesyuarat untuk membincangkan apa yang umum yang disuarakan oleh ketua ACA ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu Yang Berhormat *frust* pasal kalah kes itu, bukan? Tetapi saya tidak boleh mengatakan saya sokong ataupun tidak. Saya kira *doctrine of the separation of powers* ini wujud melainkan kalau sekiranya bukan eksekutif tetapi legislatif telah meluluskan undang-undang yang menyatakan dalam hal itu, dalam hal tertentu seperti menahan budak-budak di bawah umur yang dianggap sebagai budak-budak itu dalam kes ini dibolehkan iaitu Yang di-Pertuan Agong yang merupakan eksekutif untuk menahannya mengikut *at his pleasure*.

Jadi, pada saya, saya tidak boleh hendak kata saya bersetuju atau tidak bersetuju dengan dia sebab itu sudah mencampuri hal *judiciary*, tetapi saya faham iaitu bahawa *doctrine of the separation of powers* dia wujud melainkan kalau ada secara jelas undang-undang menyatakan iaitu dalam hal tertentu dia tidak wujud macam dikatakan menahan budak-budak ini tadi. Itu sahaja yang lulus pun. Parlimen juga yang luluskan. *Judiciary* ini kerja dia *interpret* undang-undang. Jadi, kalau dia berpendapat begitu saya kira betullah itu. *I cannot go deeper in this* sebab saya tidak mahu nanti dianggap tidak menghormati *judiciary* pula. Berkenaan dengan ...

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti sekejap. Tidak habis lagi yang Bukit Gelugor itu.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: *Separation of power.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nantilah dulu, ada lagi nombor dua. Pasal dia kata ketua ACA membuat kenyataan. Saya percaya dia buat kenyataan itu, tidak mungkin hantulah. Ketua Pengarah BPR yang buat. Oleh sebab itulah kita kata panel ini panel bebas. Panel bebas ini tidak terikat dengan apa saya kata, apa BPR kata, apa ACA kata dia tidak terikat. Katalah apa sekali pun dia tidak terikat dengan apa yang Ahli Parlimen cakap. Akhirnya dia akan buat keputusan sendiri nanti sebab itulah dia disebut sebagai panel bebas (*independent panel*).

Yang Berhormat jangan risau. Dia tidak terikat dengan apa yang disebut oleh mana-mana individu sama ada IGP, AG, BPR atau saya. Dia tidak terikat. Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam ucapan dasar saya juga saya menimbulkan masalah isu kehakiman. Dalam topik *doctrine separation of powers* ini secara umumnya kita melihat memang terdapat satu pengasingan kuasa di antara eksekutif dan kehakiman, dan pelantikan hakim-hakim ini.

Baru-baru ini negara digemparkan dengan beberapa insiden tentang pelantikan hakim dan juga hakim di Mahkamah Persekutuan yang melibatkan Zaki Tun Azmi. Ini menimbulkan semacam *dispute* di antara raja-raja dan di pihak eksekutif. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Saya mendapat makluman bahawa Mesyuarat Raja-Raja hari ini kebanyakan sultan tidak diiringi oleh menteri-menteri besar kecuali Menteri Besar Kelantan. Adakah ini menandakan satu peperangan bermula di atas isu ini? Kalau ini berlaku saya merasakan penjelasan dengan izin, *what went wrong* dalam isu yang memang menjadi satu pertikaian rakyat Malaysia pada hari ini.

Keduanya tentang ACA tadi, tentang Ketua Pengarah BPR. Baru-baru ini Ketua Pengarah BPR dianugerahkan dengan satu darjah paling tinggi daripada Kerajaan Negeri Sabah yang membawa gelaran Dato' Seri Panglima. Kita difahamkan bahawa Ketua Menteri Sabah, kes 80 *police report* dan juga ada sebahagiannya sedang disiasat oleh BPR. Saya merasakan

dalam bila kita bercakap tentang integriti BPR dan sekarang ini Ketua Pengarah BPR sepatutnya dia *stand himself*, dengan izin. Kalau kes dia masih dalam siasatan ataupun telah selesai disiasat tetapi di anugerahkan dengan bintang tertinggi daripada negeri Sabah sepatutnya dia membuat satu keputusan untuk menjaga integriti BPR itu sendiri. Ini dia menerima penganugerahan itu yang sudah tentu pada kebiasaannya konvensyen hendaklah di *recommend* oleh Ketua Menteri Sabah.

Jadi saya minta penjelasan bagi dua isu yang penting ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya hendak mengucapkan tahniahlah. Saya pun tidak sangka Yang Berhormat sudah jadi kerabat diraja. Tahu semua apa yang raja bincang. Saya tidak tahu. Jadi, oleh kerana saya tidak tahu apa yang telah di bincang, saya tidak berani jawab di sini sebab saya tidak pergi dan saya tidak berhak untuk masuk dalam mesyuarat itu. Kalau Yang Berhormat hendak bertanya, tanya kepada orang yang tahu dan memang saya tidak tahu. Hari ini pun saya tidak tahu bahawa ada menteri besar yang tidak hadir dan macam-macam lagi. Saya pun tidak tahu. Mungkin kerana ada perasmian ECER di Kuantan. Mungkin oleh kerana macam Kelantan buat di Kelantan, Kelantan seorang sahajalah yang ada. Jadi, di negeri-negeri lain, macam kata di Terengganu ini Menteri Besar Pahang pun pergi, Menteri Besar Johor pun pergi. Ramai menteri besar yang pergi. Jadi ini satu perkara yang penting. Mungkin itu yang menyebabkan mereka tidak hadir bersama. Itu pun saya tidak tahu tetapi yang sah malam esok saya akan pergi bankuet. Jadi, kalau hendak katakan kalau ada perang dingin, itu tidak betullah, Yang Berhormat.

Kemudian, berkenaan dengan...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap, sekejap. Belum habis lagi. Berkenaan dengan penerimaan anugerah Sabah ini, saya difahamkan bahawa Ketua Pengarah BPR, Dato' Ahmad Said Hamdan, dia pernah *serve* di negeri Sabah. Semenjak dia dilantik sebagai ketua pengarah, inilah *the first opportunity*. Yang di-Pertua Negeri Sabah menyambut hari jadi dia dan oleh kerana itu dia mengenangkan jasa yang dia telah *serve* Sabah beberapa tahun dahulu itulah dia dapat anugerah itu. Saya rasa tidak ada... sebab tidak berani pun. Dia ketua pengarah, kalau ada orang kata *quid pro quo* dia tidak berani sebab dia sentiasa di kaca mata orang ramai dan saya percaya ini adalah *genuine* hasil daripada perkhidmatan di Sabah dan *this is the first opportunity* untuk memberikan anugerah ini semenjak Dato' Ahmad Said Hamdan menjadi Ketua Pengarah BPR. Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri ada menyatakan tadi *three men panel* ini tidak terikat dengan apa-apa. Tuan Yang di-Pertua, *three men panel* ini ada membuat dengan umum untuk saksi-saksi tampil di hadapan. Setakat hari ini tidak satu saksi yang tampil ke hadapan untuk memberi keterangan. Oleh kerana itu atas

bahan apa *three men panel* ini akan membuat *recommendation* kepada kerajaan, bolehkah saya dapat tahu?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, itulah sebab panel merayu dan saya merayu, orang ramai yang ada bukti datanglah. Di mana peguam-peguam yang menceritakan bahawa kalau kita hendak selesaikan kes kita pergi ke mahkamah ini, boleh menang punya. Tampilah ke hadapan memberitahu. Itu yang kita mahu. Apa pasal mereka tidak tampil ke hadapan? Kalau sudah esok tidak ada orang tampil ke hadapan janganlah marah kepada panel kalau tidak ada bahan untuk dibuat keputusan, yang ini yang kita mahu.

Yang Berhormat sudah beritahu awal-awal lagi. Saya kata, kita boleh beri perlindungan kerana tidak ada apa-apa yang mengatakan kita tidak boleh dan macam-macamlah berlaku. Orang kata saya macam-macam tetapi akhirnya Perdana Menteri sendiri yang kata, ya, kita akan beri *protection*, bagi jaminan iaitu bahawa kita akan melindungi kerana ini satu perbuatan yang dibolehkan. Ada banyak akta-akta yang kita baca ada empat, lima akta menunjukkan bahawa informer itu boleh diberi perlindungan.

■ 1230

Jadi maksud saya, kita boleh bagi perlindungan kerana ada akta-akta yang membolehkan kita berbuat demikian. *Last* sekali Perdana Menteri, tapi orang tidak mari juga, jadi macam mana? Saya pun tidak tahu apa hendak buat juga. Jadi harapan saya... ni apahal Kepong ni... nanti la dulu, saya hendak habis Bukit Gelugor dulu lepas tu baru boleh tanya sebab Yang Berhormat Kepong tidak pernah tanya pun soal ni. Jadi itulah kedudukannya. Kalau orang tidak datang, itu disabitkan oleh sebab saya tidak tahu, saya tidak boleh buat kesimpulan. Hendak katakan takut, kita kata kita boleh bagi perlindungan, saya pun tidak tahu.

Bukit Gelugor ingin mengetahui kenapa terdapat ura-ura tindakan akan terhadap peguam Sivarasa dan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memberi kenyataan kepada BPR berkenaan dengan klip video V.K Lingam. Untuk makluman Yang Berhormat, kenyataan kedua-dua mereka telah dirakam oleh BPR. Walau bagaimanapun mereka enggan membekalkan klip video asal dan mendedahkan identiti saksi yang berkenaan. Tanpa klip video yang asal dan kenyataan saksi, siasatan terperinci sukar di jalankan. Atas nasihat pakar teknikal dan Jabatan Peguam Negara, klip video yang asal perlu diperoleh BPR untuk melengkapkan siasatan.

Tindakan untuk memeriksa di bawah seksyen 22(1)(b) dan 22(1)(c) Akta Pencegahan Rasuah 1997 diambil, untuk memastikan BPR dapat melengkapkan siasatannya dengan secepat mungkin. Oleh itu, kedua-dua individu tersebut perlu memberikan kerjasama penuh kepada BPR untuk memastikan keadilan dapat di tegakkan. Kita juga tidak mahu wujud persepsi negatif terhadap kerajaan yang memerintah pada masa hadapan, seolah-olah kerajaan sengaja tidak mahu mengambil sebarang tindakan sedangkan mereka yang mengeksploitasikan isu klip video tersebut, tidak mahu memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa yang menjalankan siasatan.

Sebaliknya mereka menggunakan laman-laman web dan blog untuk menekan dan memburuk-burukkan kerajaan serta BPR untuk meraih sokongan rakyat.

Yang Berhormat Bukit Gelugor ingin tahu, kenapa tindakan tidak diambil di bawah Akta Hasutan ke atas peguam V.K Lingam berhubung isu klip video? Seperti Yang Berhormat sedia maklum, satu panel bebas telah ditubuhkan oleh kerajaan pada 27 September 2007 untuk menentukan kesahihan rakaman klip video tersebut. Selain itu siasatan juga turut di lakukan oleh BPR berhubung klip video tersebut, sehingga panel bebas itu membuat dapatan ataupun *findings* dengan izin tentang kesahihan rakaman klip video atau BPR melengkapkan siasatannya. Adalah terlalu awal untuk membuat apa-apa telahan atau mengambil apa-apa tindakan terhadap mana-mana pihak berhubung perkara ini.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti saya nak jawab Bukit Gelugor dulu. Saya tengok dalam ni, Kepong tak tanya apa pun pada saya. Nak daftar, ambil elaunlah. Berhubung nama Yang Berhormat Menteri Pelancongan dibabitkan dalam isu klip video yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor. Kerajaan berpendapat oleh sebab satu panel bebas telah ditubuhkan untuk menentukan kesahihan rakaman klip video yang dinyatakan oleh Yang Berhormat, maka biarlah proses siasatan ini berjalan dengan lancar, berkesan tanpa gangguan. Bagaimanapun pihak kerajaan amat kesal dengan sikap pihak pembangkang yang mahu mempolitikkan setiap perkara dan membuat tuduhan-tuduhan melulu tanpa di sokong dengan bukti dan asas. Yang Berhormat Kota Melaka dan Yang Berhormat Ipoh Timur mencadangkan supaya...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, hendak bagi jalan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Lepas ini ada pelantikan hakim ni, lagi seronok.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bukan, bukan itu. Mengenai klip video.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Janganlah berbalik-balik Yang Berhormat. Soalan yang sama juga.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bukan itu, bukan sama. Siasatan ada dijalankan dengan segera di atas Sivarasa dan rakan dia, kerana dianggap untuk memberi kepada ACA klip yang sahih dan nama orang yang terlibat. Namun dalam kes dua orang yang ada dinyatakan, apabila Menteri Pendidikan mencium keris dan dua orang bertanya bila Datuk menggunakan keris itu. Adakah apa-apa tindakan diambil ke atas dua-dua orang ini? Sudah satu tahun, adakah siasatan ditamatkan dan adakah kertas di hantar kepada Peguam Negara untuk tindakan bawah Akta Hasutan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di Pertua, saya tiada maklumat lagi tentang perkara itu. Kalau Yang Berhormat hendak saya boleh tanya AG lepas ini, dan boleh maklumkan kedudukan yang terakhir berkenaan hal itu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Bukit Gantang dan Yang Berhormat Ipoh Timur mencadangkan supaya ditubuhkan Suruhanjaya Pelantikan Hakim. Untuk makluman Yang Berhormat, pelantikan hakim untuk maklumat Yang Berhormat pelantikan hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi telah termaktub di bawah perkara 122B(1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan *"The Chief Justice of the Federal Court, the President Court of Appeal and the Chief Judges of the High Courts and (subject to Article 122C) the other judges of Federal Court, of the Court of Appeal and the High Courts shall be appointed by the Yang di-Pertuan Agong, acting on the advice of the Prime Minister, after consulting the Conference of Rulers....."* dengan izin.

Perlembagaan Persekutuan juga memerlukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berunding dengan Ketua Hakim Negara sebelum memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong. Bagi pelantikan Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diperlukan berunding dengan Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar Malaya selain dengan Ketua Hakim Negara.

Prinsip 10 Prinsip Asas Kebebasan Kehakiman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (the Basic Principles On The Independence Of The Judiciary) pula telah menggariskan beberapa prinsip berhubung dengan teras amalan pelantikan hakim-hakim sebagai panduan.

Prinsip 10 memperuntukkan *"Person selected for judicial office shall be individuals of integrity and ability with appropriate training or qualifications in law. Any method of judicial selection shall safeguard against appointments for improper motives. In the selection of Judges, there shall be no discrimination against a person on the grounds of race, colour, sex, religion, political or other opinion, nation or social origin, property, birth or status, except that a requirement, that a candidate for judicial office must be a national of the country concerned, shall not be considered discriminatory"*.

Di Malaysia pelantikan hakim-hakim telah dibuat berasaskan kepada prinsip-prinsip yang dinyatakan di atas. Adalah jelas proses yang diamalkan sekarang adalah cukup tulus, bertanggungjawab dan amat sesuai dan berkesan di negara ini.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, bukan itu, Kepong telah berdiri di situ lebih kurang empat minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi jalan Yang Berhormat. **Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ini saya punya hak. Saya nak habis. Saya mesti ada *progress*. Saya ada seratus muka, biar saya habis ini dan Kepong boleh bangun, tiada masalah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Jangan jadi *speedy gondzales* kali ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: "Kalau saya jadi *speedy gonzales* itu, saya punya keputusan, bukan Yang Berhormat yang memutuskan. Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: , hendak jawab dialah ini. Menyatakan bahawa pandangan saya, hah, ada cakap bukan, dalam Dewan, luar Dewan. Sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkenaan isu perlanjutan tempoh perkhidmatan Ketua Hakim Negara adalah tidak tepat.

Untuk makluman Yang Berhormat, Perkara 125(1) Perlembagaan Persekutuan mengenai tempoh perkhidmatan seorang hakim Mahkamah Persekutuan hendaklah dibaca selaras dengan Perkara 40(1) dan Perkara 40(1A) Perlembagaan Persekutuan. Ini bermaksud Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak atas nasihat Jemaah Menteri atau Menteri yang bertindak di bawah kuasa am Jemaah Menteri dalam melanjutkan tempoh perkhidmatan seseorang hakim Mahkamah Persekutuan.

Di bawah Perlembagaan Persekutuan Yang di-Pertuan Agong sebagai Raja Berperlembagaan hendaklah bertindak mengikut nasihat. Dalam kes *Teh Cheng Poh v Pendakwa Raya* [1979], *Privy Council* memutuskan bahawa Yang di-Pertuan Agong, dengan izin, "*does not exercise any of his functions under the Constitution on his own initiative but is required by Article 40(1) to act in accordance with the advice of the Cabinet. So when one finds in the Constitution itself or in a Federal Law powers conferred upon the Yang di-Pertuan Agong that are expressed to be exercisable if he is of the opinion or is satisfied that a particular state of affair exists or that particular action is necessary, the reference to his opinion or satisfaction is in reality a reference to the collective opinion or satisfaction of the members of the Cabinet, or the opinion or satisfaction of a particular Minister to whom the Cabinet have delegated their authority to give advice upon the matter in question.*".

■1240

Dalam erti kata lain, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya di bawah Perlembagaan, Yang di-Pertuan Agong tidak boleh menjalankan apa-apa fungsinya di bawah Perlembagaan atas kehendaknya sendiri, sebaliknya dikehendaki oleh Perkara 40(1) Perlembagaan Persekutuan untuk bertindak menurut nasihat Jemaah Menteri atau Menteri yang bertindak di bawah kuasa am Jemaah Menteri. Oleh itu, walaupun dalam Perlembagaan Persekutuan mahupun mana-mana undang-undang lain, kuasa diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong yang dengan jelas menyatakan Yang di-Pertuan Agong hendaklah berpuas hati

dengan sesuatu perkara atau sesuatu tindakan itu, pada hakikatnya kepuasan hati Yang di-Pertuan Agong ialah kepuasan hati Jemaah Menteri secara kolektif.

Pandangan ini adalah selaras dengan Laporan Suruhanjaya Reid yang menyatakan bahawa “The Yang di-Pertuan Besar *will be the Head of State (Art.27), but he must be a constitutional Ruler, he must therefore act on the advice of his Ministers with regard to all executive action*”. Perkara 40(1A) Perlembagaan Persekutuan telah memuktubkan prinsip dalam Laporan Suruhanjaya Reid mengenai perkara ini. Pandangan itu juga selaras dengan prinsip bahawa Perlembagaan Persekutuan hendaklah ditafsirkan secara menyeluruh. Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua saya memang tertarik pada hujah Yang Berhormat tadi yang menjadi jaguh untuk mempertahankan kebebasan perundangan. *Independence of Judiciary*. Saya berharap dia benar-benar nak menegakkan kebebasannya. Bagi pengetahuan Dewan yang mulia ini, saya mula berucap di sini kerana sistem pengangkutan yang rosak, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur tidak dapat datang ke sini, jadi saya bangun.

Pada 10 hari bulan September, sebelum itu *tape* itu sama ada *tape* itu tulen atau palsu, tidak tahulah didedahkan pada 19 September dan panel itu ditubuhkan pada 27 September. Bagi saya tidak ada peluang langsung hari ini kali yang pertama dan bagi Menteri yang benar-benar itu menghormati kebebasan *judiciary* dan kebebasan berucap dan sebagainya. Saya berharaplah dapat dengar saya juga adakah pihak kerajaan sudah mendapat *tape* yang tulen? Melalui siapa pun saya tidak tahulah adakah Yang Berhormat sendiri melihat *tape* yang asal.

Yang kedua adakah Yang Berhormat percaya *tape* yang didedahkan oleh pihak PKR itu tulen atau palsu. Yang ketiga setakat 27, hampir satu bulan berapa orang panel itu sudah menemui untuk mendapat keterangan. Ini memang penting dan bilakah penemuan-penemuan itu diumumkan. Adakah tindakan akan diambil ke atas sesiapa?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bagi Kepong ini butakah? Hari-hari dalam surat khabar diberitakan sampai ke hari ini saya tidak tahu sebab dia boleh baca Bahasa Melayu dan Jawi terbalik pun dia boleh baca, jadi saya tidak fikir yang dia tidak faham apa yang dia baca surat khabar melainkan dia buta. Hari-hari keluar ni, hari-hari ... jawablah Yang Berhormat. Hari-hari keluar mengatakan bahawa sampai sekarang tidak dapat lagi klip video ini. Bukan saya cakap, tu BPR cakap, ACA cakap. Sampai ke hari ini pun saya baca lagi, panel kata '*elek*' dengan izin, tidak ada orang.

Saya juga boleh bercakap empat bahasa tiada masalah. Saya nak belajar Punjabi daripada Bukit Gelugor. Saya belum tahu, Cuma tahu bai sahaja – *brother*. Jadi sampai hari ini bai – *brother*, jangan marah sama saya. Sampai hari ini tidak ada jadi maknanya tidak adalah Yang Berhormat, Saya tidak ada maklumat yang lebih dari apa yang orang ramai tahu yang dilaporkan dalam surat khabar. Okey, Bukit Gelugor? Kehakiman?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, Yang kedua menyatakan tadi bagi *tenure, extension of tenure* federal for judges selepas yang berusia 66 tahun. Yang Berhormat menyatakan bahawa mengikut peraturan Artikel 40(1) dan (1A) Yang di-Pertuan Agong harus bertindak atas nasihat Kabinet. Tetapi Yang Berhormat tidak baca apa isi kandungan Artikel 40(2), dia menyatakan, saya baca Tuan Yang di-Pertua dengan izin, *about* peruntukan itu.

“(2) The Yang di-Pertuan Agong may act in his discretion in the performance of the following functions that is to say:

- (a) *the appointment of a Prime Minister;*
- (b) *the withholding of consent to a request for the dissolution of Parliament;*
- (c) *the requisition of a meeting of the Conference of Rulers concerned solely with the privileges, position, honours and dignities of Their Royal Highnesses, and any action at such a meeting,*

and in any other case mentioned in this Constitution.”

Oleh itu Yang Berhormat harus baca apa jadi pada peruntukan Artikel 125(1), saya baca Tuan Yang di-Pertua,

“125(1) *Subject to the provision of Clauses (2) to (5)...* “ yang tidak terpakai, “...*a judge of the Federal Court shall hold office until he attains the age of sixty-six years or such later time, not being later than six months after he attains that age...*” ha ini penting, “...*as the Yang di-Pertuan Agong may approve.*”

Ini bermakna ini bukan satu peruntukan di mana Yang di-Pertuan Agong harus bertindak atas nasihat kabinet. Ini jadi satu personal *discretion*.

Kedua, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menentukan bagi Ketua Hakim Negara sekarang yang akan menjadi 66 tahun pada 1 November, adakah apa-apa dibuat untuk melanjutkan *tenure* dia untuk enam bulan atau kurang daripada enam bulan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua saya sebut tadi, keputusan Privy Council saya ingat pada waktu dulu Privy Council ini atas lagilah. Saya tidak tahu Yang Berhormat sebut yang mana, Privy Council punya keputusan ke apakah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya bertindak dalam Privy Council dalam kes Churchill di London

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya keputusan sudah dibuat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya *represent the Churchill, why not...*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tahu, *you kalah.*

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *No...no 42*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya *you kalah.* Sebab Privy Council kata ...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya menang.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, sini. Ini Privy Council.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau *you* menang tidak apalah. Tetapi ini Privy Council punya keputusan, *I have no personal opinion in this point of law*. Saya baca apa yang dinasihatkan kepada saya untuk menjawab dan kita punya Penasihat Undang-undang ialah Attorney General yang mana Bukit Gelugor kalah dengan kes baru-baru ini.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, *we need* penjelasan. Saya menang dalam kes itu, pada 18 Disember tahun 1978, saya menang di London di Privy Council yang *mengesahkan the essential security regulations* adalah *are unconstitutional*. Tetapi dalam Januari, *group majority Parliament* ada digunakan untuk terbalik keputusan Privy Council. Adakah itu ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini benar, saya boleh menjadi saksi oleh kerana saya ada dalam Dewan dan saya ada lawan dan bantah pindaan itu kepada perlembagaan. Itu...tarik balik. Minta maaf. [*Ketawa*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya baca kes iaitu Privy Council yang ini Yang Berhormat boleh nafilah, Teh Cheng Poh vs Pendakwa Raya 1979 Privy Council memutuskan, dia memutuskan, bukan saya iaitu dalam kes, sekarang dah berubah hatilah ini. Sekarang menyokong pula nak dapat Datuk ke apakah. Kita *quote* keputusan ya, keputusan yang mengatakan iaitu dalam hal ini ia tidak ada *discretion*. Kalau kita nak ikut pun, maknanya kalau dalam soal pelantikan dan kenaikan pangkat, yang dimaksudkan bahawa Agong boleh melantik atas nasihat Perdana Menteri itu bermakna Perdana Menteri punya keputusanlah, mengikut keputusan ini.

■ 1250

Kalau dia boleh melantik dan menaikkan pangkat, apa pasal boleh mari *extension* pula, tak ada kuasa pula, lain pula, tak ada logiknya tetapi saya hendak berpegang kepada keputusan dalam Teh Cheng Poh lawan Pendakwa Raya dan ini bukan saya punya *personal opinion*. Apa juga saya bangkitkan dalam Dewan ini dan di luar Dewan, semuanya adalah atas nasihat *Attorney General*.

Kalau Yang Berhormat tidak berpuas hati, ikut macam mana saya nasihat dahulu dalam kes Badariah, bawa ke mahkamah. Inilah pendirian kerajaan sehinggalah perkara ini sekali lagi di bawa mungkin mahkamah yang lebih tinggi lagi kita tidak tahu sehingga keputusan kerajaan ini *direverse*. Kalau tidak inilah pandangan rasmi kerajaan, bukan pandangan Menteri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Minta penjelasan. Sebenarnya kes Teh Cheng Poh sama ada *security cases regulations* ialah sah atau tidak sah. Itu prinsip satu perkara ada dibangkit tetapi isu ialah sama ada *security cases regulations* di mana Teh Cheng Poh ada didakwa sah atau tidak sah dan Yang Berhormat daripada Bukit Gelugor sebagai peguam bela

beliau di peringkat *Privy Council* menang bahawa dapat perisytiharan *security cases regulations* yang dibuat di bawah *Emergency Ordinance 1969* tidak sah dan sebab itu Parlimen dipanggil dalam satu mesyuarat tergepar supaya memberi *retrospective* untuk mengesahkan *security cases regulations* dan *emergency ordinance* secara *retrospective*. Itulah apa yang berlaku dan mungkin Yang Berhormat Menteri dapat *wrong advice* tetapi apa yang mustahak di sini ialah mengenai apa Yang Berhormat Menteri gariskan mengenai makna, cara *extension* melanjutkan *tenure* Ketua Hakim, dalam perkara ini dan pun mengenai pelantikan hakim dan di sini bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan

Yang pertama apa kedudukan Kabinet atau Perdana Menteri atau Menteri yang bertanggungjawab yang diamanahkan dalam perkara ini mengenai permohonan Ketua Hakim, Tun Fairuz untuk melanjutkan *tenure* beliau enam bulan bermula daripada 1 November.

Kedua, kenapa dalam pelantikan Tan Sri Zaki Azmi sebagai *Federal Court Judge* adalah lompat empat kali iaitu *four place leap*, tak perlu jadi *Judicial Commissioner*, tak perlu menjadi *High Court Judge*, tak perlu menjadi *Court of Appeal Judge* kemudian di *Federal Court*, adakah ini bererti persiapan dibuat supaya dia akan dilantik sebagai Ketua Hakim dan kalau ini berlaku bukankah kali yang pertama 50 tahun dalam Malaysia ada seorang Ketua Hakim yang daripada UMNO.

Oleh kerana lebih daripada 20 tahun dia bergiat secara aktif dalam UMNO bukan sahaja Peguam UMNO tetapi pun dalam urusan dalam UMNO sebagai disiplin dan lembaga rayuan dan satu masa beliau ada *resign* oleh kerana skandal beliau sendiri tetapi kalau begitu, beliau perlu *resign* sebagai *Deputy Chairman UMNO Disciplinary Appeal Board* kenapa dia layak menjadi *Federal Court* dan mungkin menjadi Ketua Hakim UMNO masa akan datang.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yalah Bukit Gelugor lain kali jangan tunjuk *you* cerdas sangat, Ketua Pembangkang sudah marah itu. Walaupun mengena ... pasal Yang Berhormat dia hendak tunjuk yang dia lebih lagi tahulah sebab itu dia bercakap dengan panjang itu.

Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Raja-Raja Melayu 31 Oktober. Dalam kita punya Perlembagaan menyebutkan kita kena runding juga dengan Raja-Raja Melayu, jadi dia mesyuarat besok, macam mana saya hendak bagi tahu keputusan hari ini. Keputusan belum dibuat. Hormatlah Raja-Raja Melayu hendak bersidang. Sebab itu saya agak Yang Berhormat sabar, tunggu besok. Kita tengok apakah keputusan, kerana saya percaya sudah tentu perkara ini akan dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam perjumpaan dan sudah tentu akan menerima pandangan-pandangan yang mungkin ada di kalangan Raja-Raja Melayu dan saya percaya selepas itulah baru dia akan membuat keputusan muktamad.

Soal *extension*, soal Zaki, saya tidak tahu. Melainkan perkara yang saya tahu, saya boleh ceritakan. Saya tidak mempengaruhi *judiciary*, Yang Berhormat saya mengucapkan terima kasih. *You have already made the statement* di luar dengan izin, mengatakan Menteri ini

diperamatkan. Terima kasih banyak, itulah sokongan yang paling kuat daripada Ketua Pembangkang menunjukkan bahawa kerajaan ini bebas daripada campur tangan dalam urusan kehakiman. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, terima kasih. Terima kasih. Saya menjelaskan, saya membuat kenyataan oleh kerana Yang Berhormat bercakap bagi pihak Ketua Hakim untuk menafikan beliau adalah orang di dalam VK Lingam *tape*, nampaknya Yang Berhormat diperamatkan oleh Ketua Hakim oleh kerana mengenai masa beliau ada buat cadangan untuk memansuhkan *English Common Law* dan Yang Berhormat Menteri pun datang ke Dewan ini untuk membuat satu penafian bagi pihak Ketua Hakim, ini palsu, ini tak betul dan kalau ini boleh berlaku kali yang pertama satu kali di mana Ketua Hakim boleh menggunakan Yang Berhormat Menteri untuk membuat satu penafian, kali yang kedua boleh berlaku dan saya tidak tahu dalam perkara ini kenapa Yang Berhormat Menteri rela untuk diperamatkan oleh Ketua Hakim dalam perkara ini, adakah oleh kerana ini akan membolehkan beliau boleh menguasai semua tingkah laku Ketua Hakim.

So, it is ... both using each other, masing-masing memperamatkan sendiri, against national interest.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dua-dua tuduhan tak betul. Dia tak pernah mencadangkan untuk *abolish Common Law*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya ada bukti, boleh dibuktikan. Ada media conference.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya sudah jawab dalam Dewan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat kata dia dipaksa oleh kerana soalan pemberita.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Orang tanya, *what is your personal ...* kita cadangan ini dalam ucapan dia dan hari itu saya menggunakan ucapan dia sebagai saya punya asas untuk menunjukkan untuk bahawa dia tidak pernah mencadangkan. Dia mahu di ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia ada buat dalam media *interview*. Media *interview, he did say* oleh kerana kata pemberita tanya dan jawab, ini tidak boleh jadi sebab...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang *interview* luar lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi jalan dahulu, bercakap Yang Berhormat, ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Maklumlah bila kita dengar PC macam-macam. Orang tekan-tekan, okeylah. *It is only your personal opinion, "Can you please give your personal ...* macam-macam, *you* tahulah cara taktik *reporters* yang mereka lakukan, itu biasalah ya? Yang pentingnya apa yang ada dalam ucapan dia.

Yang Berhormat, tak apa, saya diperamatkan, memang tidak mengapa. Sememangnya saya patut diperamatkan kerana mereka tidak boleh tampil ke Dewan ini untuk menjawab segala

soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen walau pun Yang Berhormat Bukit Gelugor kata saya mempengaruhi *judicial*, *can you sort out your problem first then you come and* cakap dengan saya dengan izin. Selesai dahulu dengan Yang Berhormat Bukit Gelugor masalah dan jumpa saya. Saya tak tahu hendak jawab yang mana satu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: /, ...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tetapi saya rasa ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang terakhir, yang terakhir.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ambil kira Yang Berhormat Ketua Pembangkang itu betul, jadi jelaslah iaitu bahawa tidak ada gangguan ataupun campur urusan dalam eksekutif dalam *judiciary*. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya mahu yang terakhir, yang pendek. Kenapa Yang Berhormat rela untuk cakap bagi pihak Ketua Hakim datang ke sini untuk menafikan sama ada mengenai cadangan beliau untuk memansuhkan *Common Law* atau bahawa beliau terlibat dalam VK Lingam *tape* tetapi mengenai *incompetence*, mengenai hakim-hakim yang tidak ada buat *written judgement* yang lebih daripada 30, Yang Berhormat lari.

Kenapa boleh pilih, *selective* ... dalam perkara *selectively* rela untuk menjawab bagi pihak Ketua Hakim tetapi dalam perkara-perkara yang lain tidak rela, kenapa? Kenapa begitu *inconsistent, irresponsible*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak *inconsistent*, yang kepala tidak betul dia. Saya boleh menafikan perkara yang ada kaitan secara khusus dengan Tun Fairuz, Ketua Hakim Negara. Pertama, tuduh dia cadang *Common Law*, dia tak cadang. Dia tulis surat kepada saya *direct*. Dia tak perlu siasat lagi dah. Dia yang dituduh dan dia tahu apa yang dia buat maka dia *direct* bagi tahu kepada saya.

Keduanya dalam soal video ini dikatakan dia yang di belakang sana maka dia tahu iaitu bahawa dia tidak bercakap maka dia tulis kepada sayalah untuk menjawab sebab dia tidak boleh mari sini. Yang kata *ground of judgment* itu semua, mengapa Yang Berhormat tidak buat soalan, saya boleh jawab kerana itu memerlukan penyiasatan, hakim, apa yang dia tidak buat. Bukan satu dua orang, dikatakan ramai dan kena siasat dahulu. Sebab itu tidak adalah secara segera saya menjawab. Yang Berhormat ini pun ... buat dalam soalan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bagi masa.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bagi masa, soalan tak ada. Buatlah soalan. Kita hari itu sudah bagi masa buat soalan. Buat soalan, *direct* tanya maka saya boleh beri jawapan yang cukup lengkap yang akan diberikan oleh *judiciary* tetapi kalau hendak saya menipu, saya tak sanggup hendak menipu dalam Dewan. Saya hendak cakap benda yang benar.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Berapa lama lagi hendak menjawab Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau dia orang sana tak kacau, boleh habis dah. Saya baru 12 muka surat. Saya ada 88 muka surat lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sambung sebelah petang nanti, ringkaskan nanti.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan Yang Mulia ditempokkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang
[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan menyambung jawapan.

2.32 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat Menteri alih daripada subjek kehakiman ke subjek-subjek yang lain, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pada keseluruhannya jawapan beliau mengenai masalah kehakiman ialah satu sikap yang *denial*. 100% *denial* bahawa krisis kehakiman yang sebenarnya menjadi satu teras utama ucapan Sultan Azlan Shah semalam apabila merasmikan *14th Law Conference* di mana beliau kata bahawa '*Calls for judiciary reform. Time for the judiciary to regain the public's confidence and bring back the glory years*'. Nampaknya ucapan Tuanku dengan izin, *has fallen on deaf ears*. Bukan sahaja Yang Berhormat Menteri tetapi dalam kerajaan dan *14th Law Conference* nampaknya pun sia-sia sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam boleh menegur Bar Council oleh kerana menganjurkan *walk*, seolah-olah merosakkan *international competitiveness*. Sebenarnya masalah ialah kejatuhan kepercayaan kehakiman, bukan *work to justice*. Bila kerajaan akan mengakhiri *denial syndrome* ini oleh kerana tidak, akhirnya mangsa ialah negara. Mangsa ialah penduduk-penduduk oleh kerana kita akan kalah dalam perlawanan *international competitiveness*? Bukankah masa sudah sampai untuk diubah, supaya kita adalah *world class* kehakiman.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah kita perkatakan itu, itu pandangan kitalah. Yang Berhormat boleh bagi pandangan dan kita boleh timbang tetapi oleh kerana kita dalam kerajaan dan kita tidak merasakan sebenarnya wujud satu krisis besar-besaran, maka kita tidak merasakan bahawa kita perlu mengambil tindakan kerana krisis sebenarnya tidak ada. Semua ada dalam kepala orang yang telah mewujudkan itu. Jadi

sebab itu pada kita, apa yang Perdana Menteri sebut semalam ialah untuk menyatakan iaitu bahawa kalau sekiranya ada apa-apa perkara, jumpa dengan kita tetapi kalau tak ada perkara, macam mana? Siapa yang nak menentukan sama ada krisis itu benar-benar berlaku ataupun tidak? Orang boleh bercakap apa nak bercakap. Itu pandangan masing-masing tetapi akhirnya pandangan akan tinggal pandangan dan apa yang difikirkan oleh kerajaan itu merupakan keputusan. Jadi kita telah pun diberi mandat oleh rakyat untuk membuat penentuan tentang hal-hal tertentu dan kita telah menyatakan bahawa tidak ada krisis. Jadi janganlah nak marah pada kita pula. Yang Berhormat nak tanya bila krisis ini berhenti, apabila Yang Berhormat berhenti bercakap, berhenti habislah krisis. Jadi tak boleh marah pada kita.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ingat tidak ada benda yang kita nak bahaskan sebab tetap pada kita tidak ada krisis apa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, ya. Okey.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *You can go* dengan izin *continue to say what you say but the fact is today* kita dalam kerajaan merasakan tidak ada krisis. Tak akanlah sekiranya ada seperti mana yang telah saya sebut, perlu diadakan sistem baru, itu pergilah bincang dengan hakim. Kita tidak ada halangan kerana kalau mereka merasakan mereka perlu tukar, tukarlah dan kita boleh diarahkan dan kita memudahkan sebab cara-cara untuk tukar itu memerlukan pinda Perlembagaan dan macam-macam lagi. Kita akan mudahkan tapi apa sekalipun kita minta supaya datangnya daripada *judiciary*. Itu yang penting, jadi Yang Berhormat ingat ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang terakhir ya, yang terakhir ini. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri, bukan ini menunjuk bahawa niat keangkuhan kuasa, *arrogance of power* yang membuktikan bahawa ucapan Tuanku ialah *fallen on deaf ears*. Nampaknya *it's a wasted effort*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak apalah, kita tak kata *wasted effort*. Itu masing-masing ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Oleh kerana apa yang Tuanku kata menunjukkan beberapa aspek di mana perlulah bukan sahaja mengatasi kelemahan tetapi penyakit kehakiman yang menyebabkan suatu krisis kepercayaan mengenai kehakiman. Kenapa Yang Berhormat tolak fikiran-fikiran ...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk] Denial syndrome, denial syndrome.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak apalah, you nak cakap *denial syndrome* apa pun, kita tunggulah rakyat buat keputusan. Saya dah kata sukar untuk kita nak berhujah, sampai pagi besok pun tak habis. Jadi bagaimana minoriti pembangkang nak memaksa kepada kita untuk sama-sama fikir tentang apa yang difikirkan. Kita kerajaan, rakyat pilih kita untuk menubuhkan kerajaan, kita buat keputusan sendiri. Jadi jangan marah kalau kita

mempunyai pendirian kita dan saya menyatakan di sini, ini bukan pandangan saya. Ini adalah apa yang difikirkan oleh kerajaan dan kita tidak rasa perlu untuk kita membuat satu tindakan dalam keadaan yang mana dikatakan ada krisis tetapi kepada kita tidak ada krisis. Tuan Yang di-Pertua, ...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor...

Tuan Yang di-Pertua: Menteri, sekejap.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan. Yang Berhormat Menteri ada katakan tadi dan ini tidakkah dengan ikhlas bahawa tidak ada krisis kehakiman? Adakah Yang Berhormat sedar ada beberapa hakim dalam kehakiman sekarang walaupun diperintah untuk menulis alasan kehakiman dalam lapan minggu, ada satu hakim yang membuatnya dalam sembilan tahun empat bulan dan dia naik pangkat daripada Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Rayuan. Seorang lagi hakim, Dato' Hashim Yusof - 33 kes di mana tidak menulis kehakiman apabila dia berada dalam Mahkamah Tinggi. Dia naik pangkat kepada Mahkamah Rayuan dan selepas itu kepada Mahkamah Persekutuan. Ini bermakna ada *misjudgment* sistem yang ada sekarang untuk pelantikan hakim tidak sesuai. Bukankah itu satu krisis dalam penghakiman? Bolehkah saya dapat jawapan daripada Menteri?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya belum ada apa-apa laporan daripada pihak *judiciary* untuk mengatakan bahawa ada krisis. Jadi, bagi kerajaan kita rasa tidak ada krisis. Jadi sebab itu saya fikir benda ini bolehlah jadi polemik kita boleh bincang tapi keputusannya tetap iaitu bahawa kerajaan mempunyai pandangan iaitu bahawa dalam hal ini, ianya bukan merupakan krisislah. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor mencadangkan supaya dilantik ahli profesion perundangan yang berpengalaman untuk berkhidmat dalam profesion kehakiman dan diberi gaji yang setaraf dengan gaji akhir mereka. Untuk makluman Yang Berhormat, badan kehakiman telah menambah bilangan pengamal undang-undang sebagai hakim.

■1440

Walau bagaimanapun, pengamal undang-undang yang kanan, para *practitioner* yang kanan tidak berminat walaupun ditawarkan. Berhubung cadangan Yang Berhormat Kota Melaka supaya pelantikan pesuruhjaya kehakiman di bawah Perkara 122A(b) Perlembagaan Persekutuan dimansuhkan. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, pelantikan pesuruhjaya kehakiman di bawah Perkara 122AB diperkenalkan bagi menyelesaikan masalah kekurangan hakim pada masa itu yang tidak dapat menampung beban kes yang bertambah setiap hari. Pada hari ini walaupun jumlah bilangan hakim telah bertambah, namun jumlah kes yang didaftarkan pada setiap hari juga telah meningkat berkali ganda. Masalah kekurangan hakim dan lebihan bebanan kes masih berlaku pada masa sekarang. Oleh itu, pelantikan pesuruhjaya kehakiman masih lagi diperlukan bagi menangani masalah ini.

Yang Berhormat Kubang Kerian menyatakan bahawa pelantikan hakim sebenarnya dikawal secara politik dan menggesa ia diperjelaskan agar rakyat tidak rasa curiga terhadap institusi kehakiman. Yang Berhormat juga mencadangkan supaya model pelantikan hakim di England dicontohi. Untuk makluman Yang Berhormat, pelantikan hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi adalah termaktub di bawah perkara 122B (1) Perlembagaan Persekutuan seperti yang telah dijelaskan sebelum ini dan tiada unsur-unsur politik. Untuk makluman Yang Berhormat juga model pelantikan hakim di England baru dilaksanakan pada tahun lepas 3 April di mana keutuhan, kebaikan dan kelemahan-kelemahannya belum diketahui dan belum teruji lagi.

Yang Berhormat Bukit Gelugor mempertikaikan pelantikan Yang Arif Tan Sri Zaki Tun Azmi sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan. Untuk makluman Yang Berhormat, pelantikan Yang Arif Tan Sri Zaki Tun Azmi sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan dibuat berdasarkan Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa seseorang pengamal undang-undang boleh dilantik menjadi hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi dengan syarat beliau adalah seorang warganegara Malaysia dan telah menjalankan amalan guaman selama sekurang-kurang 10 tahun sebelum pelantikannya. Beliau adalah seorang warganegara Malaysia dan seorang pengamal undang-undang selama lebih 10 tahun. Justeru pelantikan Yang Arif Tan Sri Zaki Tun Azmi adalah mengikut Perlembagaan Persekutuan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tan Sri Zaki Tun Azmi sebelum dia dilantik sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan adalah penasihat kepada UMNO dan UMNO jadi tulang belakang Barisan Nasional. Adakah wajar untuk orang seperti itu dilantik sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan dan lepas itu barangkali Ketua Hakim Negara? Di mana ada *independence of judiciary* jika seperti itu adalah sistem di mana seorang hakim dilantik tidak kira apa peranan politiknya. Bolehkah saya dapat penjelasan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Setahu saya peranan politiknya bukan secara aktif. Sebagai pernah menjadi wakil rakyat ataupun pernah memegang jawatan dalam parti seperti jawatankuasa dan macam-macam lagi. Dia cuma duduk mendengar kes-kes disiplin yang berlaku dalam UMNO dan seperti mana yang saya sebut sebentar tadi iaitu bahawa pelantikannya itu telah pun dibuat secara apa yang telah ditentukan oleh Perlembagaan dan sebenarnya apa perkara yang perlu kita pertikai ataupun menggagalkan pelantikan ini kalau ianya tidak mengikut keperluan yang telah ditentukan oleh Perlembagaan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan. Tan Sri Zaki bukan sahaja ahli anggota UMNO tetapi *legal advisor* UMNO dan terlibat dalam banyak kes kontroversial yang juga *dubious* termasuk kes 87 di mana UMNO pernah diisytiharkan satu pertubuhan yang haram. Apabila Tan

Sri Zaki dilantik sebagai *Federal Court Judge* beliau kata dia diberi 24 jam untuk buat keputusan dan dia anggap itu sebagai perkhidmatan nasional.

Adakah Tan Sri Zaki meletak jawatan sebagai anggota UMNO dan dalam 24 jam adakah dia *resign* daripada semua kegiatan penglibatan dalam syarikat-syarikat yang beliau adalah anggota lembaga yang banyak. Mungkinkah dalam 24 jam ini boleh dilakukan? Apakah kedudukannya atau ini langsung tidak dipedulikan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ingat saya boleh bagi jawapan yang tepat kalau sekiranya notis diberikan kepada saya untuk menyiasat perkara ini. Kemudian Yang Berhormat, kalau dalam apa-apa kes sekalipun kalau parti politik terlibat dalam kes mahkamah, maka kita perlu *engage* dengan izin seorang peguam. Maka tidak adillah kalau peguam itu mewakili mana-mana parti politik dalam pertikaian di mahkamah. Maka oleh kerana itu dia dianggap sebagai tidak layak.

Saya ingat ini tidak adillah, kerana kita semua mesti profesional. Kita mewakili anak guam kita. Macam Bukit Gelugor pun kalau dia diambil oleh mana-mana orang sebagai peguam dan kita tidak boleh langsung hukum anak guam dia itu sebagai pembangkang. *That is not fair.* Ini profesional, jadi kita harus bezakan di antara sikap profesional dia dengan pelantikan dia sebagai hakim. Tak bolehlah kita campur-aduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan dalam perkara ini. Bukankah benar tak pernah berlaku ada seorang hakim dalam sejarah 50 tahun Malaysia adalah latar belakang sebagai anggota dan tokoh UMNO dan ini kali yang pertama. Kenapa ada satu penyelewengan daripada segi kebebasan ketokohan hakim-hakim supaya *independence integrity* boleh dijaga. Kenapa ini pertama kali berlaku? Adakah ini bererti bahawa beliau akan menjadi ketua hakim pada masa depan dan ini akan menjadi kali yang pertama UMNO CJ akan ada dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, beliau bukan tokoh UMNO, beliau ahli UMNO.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ahli UMNO dan aktivis UMNO.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Persepsi masyarakat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Pembela.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut sebentar tadi iaitu bahawa kalau kita hanya lihat daripada satu sudut sahaja kelayakannya adalah tidak adil. Tapi kalau kita lihat pengalamannya kalau tidak silap saya dia pernah bekerja dalam servis, kemudian dia juga pengamal undang-undang. Saya rasa itu harus diambil kira. Soal sama ada persepsi itu ya atau tidak ia banyak bergantung kepada mata yang memandang itu. Kepada ketua pembangkang persepsinya begitulah tapi kepada saya tidak. Langsung saya tidak memikirkan iaitu bahawa dia tidak boleh bersikap profesional kalau dia dilantik kerana dia dahulu pernah jadi ketua disiplin UMNO.

Jadi saya tidak merasakan seorang yang profesional itu dia boleh dikaburi pemikirannya untuk membuat keputusan. Saya rasa dia lagi teruk kalau dia pernah ada kaitan dengan UMNO

lagi mata orang memandang sekali keputusan yang dia buat mesti amat berhati-hati. Takut-takut nanti kalau keputusan yang dia buat itu boleh dianggap persepsinya sebagai memihak kepada pihak kerajaan atau apa-apa. Saya rasa dia punya bebanan adalah jauh lebih teruk lagi daripada orang yang biasa. Itu pandangan saya.

Yang Berhormat Jerai ingin tahu adakah wajar hakim dalam kes tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri yang diberi pampasan membuat komen mengenai ISA; saya ingat kita tidak boleh bincang benda ini. Ia masih lagi *subjudice* kerana ada lagi rayuan yang dibuat kepada mahkamah yang lebih tinggi dalam kes ini.

Berhubungan dengan Yang Berhormat Ipoh Timur supaya hakim-hakim disediakan pembantu penyelidik yang mencukupi. Untuk makluman Yang Berhormat...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Boleh saya habiskan sekejap? Pada masa ini setiap hakim mahkamah tinggi dibantu oleh seorang timbalan pendaftar yang bertindak sebagai pegawai penyelidik dan seorang penolong kanan pendaftar. Di Mahkamah Rayuan pula, hakim dibantu secara berkelompok oleh timbalan pendaftar dan penolong kanan pendaftar yang dipantau oleh seorang pendaftar Mahkamah Rayuan. Selanjutnya setiap hakim Mahkamah Persekutuan dibantu oleh seorang pegawai penyelidik di samping dua orang timbalan pendaftar yang ditempatkan di pendaftaran Mahkamah Persekutuan. Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini mengenai rayuan yang dibuat dalam kes ISA ini. Ada pandangan *legal luminaries* yang mengatakan bahawa sesebuah kerajaan yang betul-betul demokratik tidak sepatutnya membuat rayuan dalam kes tersebut kerana ia membawa satu penghormatan kepada apa keputusan yang dibuat oleh mahkamah dan ini adalah satu yang baik dalam sistem *judicial* ini. Adakah pandangan ini boleh diambil kira oleh kerajaan dan menarik balik rayuan yang sedang dibuat dalam kes ini.

■1450

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebenarnya keputusan yang dibuat oleh Peguam Negara itu adalah bebas daripada pengaruh kerajaan. Dia membuat keputusan sendiri dan dia membuat sesuatu perkara yang dibolehkan. Saya kira bagaimana kalau dalam peringkat Mahkamah Rayuan ataupun di peringkat Mahkamah Tinggi, katalah hakim berkenaan membuat keputusan tidak memihak kepada Malik, dan kalau Malik buat rayuan orang kata okeylah pasal dia individu atau dia penyokong pembangkang. Jadi kita tidak boleh menaruh apa-apa pandangan terhadap sesuatu perkara yang boleh dilakukan. Jadi untuk Peguam Negara merayu, itu adalah hak dia, mengapa kita harus nafi.

Kalau dia merasakan itu bahawa dia mahu merayu atas sebab-sebab yang tertentu itu hak dia, inilah sistem undang-undang kita. Jadi janganlah kita mencampuradukkan pemikiran bangkangan kita terhadap kerajaan itu dicampuradukkan dengan keputusan yang dibuat dalam

mahkamah dan proses yang diizinkan dalam sistem kehakiman kita. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor supaya hakim-hakim disediakan pembantu, ini sudah jawab. Berhubung kenyataan Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan. Sedikit mengenai perkara itu, terima kasih. Yang Berhormat Menteri mungkin tidak tahu bahawa di Serantau Komanwel, kes-kes jenayah bila kes itu kalah rayuan tidak dibuat tetapi Malaysia adalah satu negara yang luar biasa di mana bila kes kalah pendakwa raya selalunya merayu. Jadi itu adalah perbezaan yang tertentu tetapi pendapat akademia dan pendapat penulis-penulis di negara ini dan pandangan saya sendiri bahawa rayuan dalam kes itu adalah sesuatu yang tidak sepatutnya dibuat. Satu-satunya di mana kita perlu iktiraf bahawa satu kesilapan telah terjadi. Bukankah Yang Berhormat sebagai *dictator Law Minister*, patut mengambil tahu mengenai perkara ini dan jangan terlepas tangan terhadap keputusan Peguam Negara.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ingat patut atau tidak patut itu pandanganlah. Soal yang penting di sini ialah sama ada boleh atau tidak, diizinkan ataupun tidak dalam sistem kita, itu jauh lebih penting. Yang Berhormat, saya tidak boleh campur tangan dalam soal keputusan yang dibuat oleh Peguam Negara. Sebab itu dalam pentadbiran kita, Peguam Negara itu tidak menjadi Ahli Jemaah Menteri kita dan saya pun jadi Menteri tidak boleh jadi Peguam Negara sebab kita hendak bagi dia kebebasan untuk hendak buat keputusan untuk hendak mendakwa.

Jadi dia buat pendakwaan bukan setelah merujuk kepada saya dan saya tidak ada kuasa langsung saya hendak beritahu. Apa yang dia hendak maklum kepada saya apa yang dia nasihat kepada saya tentang sesuatu perkara yang sedang diperbincangkan dalam soal undang-undang, dia nasihat kepada saya bagaimana hendak menjawab. Kalau tidak saya tidak akan cakap apa-apa pun. Oleh sebab itu dalam hal ini, saya rasa ini keputusan dia buat, soalnya ialah bukan sama ada patut tidak patut. Itu pandangan, akademia sebab itu akademia. Jadi dia boleh berbincang sampai bila-bila pun, tetapi soalnya ialah apakah di bawah sistem kehakiman kita dia boleh buat demikian. Kalau dia boleh itu adalah merupakan hak dia.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Ini bukan satu kes jenayah, ini kes satu kes sivil. Kerajaan jadi pelanggan kepada Peguam Negara, arahan diberi oleh pelanggan bukan oleh Peguam Negara dalam perkara ini. Adakah kerajaan bersedia untuk menyarankan Peguam Negara untuk menarik balik rayuan yang dibuat dalam kes ini?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ipoh Barat kata ini kes jenayah, Bukit Gelugor kata ini kes sivil, jadi saya ingat saya dengar cakap *chairman* dialah, ini kes sivil. Jadi apabila sebuah kerajaan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, banyak lagikah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Panjang Yang Berhormat. Maaf Tuan Yang di-Pertua, saya baru 15 muka surat, saya ada lagi 85 muka surat. Kemudian saya ada rakan saya untuk menjawab soal agama dalam 30 muka surat, kemudian Timbalan Menteri ada 32 muka surat lagi untuk EPU. Jadi terpulang. Saya terpulang kalau Tuan Yang di-Pertua suruh berhenti, saya berhenti kalau tidak saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya bagi masa sedikit lagi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey. Jadi soalnya mengapa tidak kerajaan...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau macam ini dua hari lagi pun tidak habis.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [*Menyampuk*] Tak apa, tak apa. Ini krisis.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua ada kekeliruan tadi, saya akan membetulkan. Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Barat tidak menyatakan kes ini adalah kes jenayah kerana ini bukan kes jenayah. Ini kes sivil di mana tuntutan RM2.5 bilion ada diberi, dalam satu kes jenayah tuntutan seperti itu tidak boleh dibenarkan. Yang Berhormat Menteri barangkali tidak tahu apa kes ini, oleh itu mengelirukan Dewan ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua saya belum pekak lagilah, saya belum pekak lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya beri masa 15 minit lagi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey Ipoh Barat sebut tadi dia kata ini adalah dalam kes jenayah, tidak boleh rayuan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kes *comparison*. saya *compare* dengan kes tersebut bukan sebut pasal kes ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekarang sebut perbandinganlah? Okey, tidak apalah, tadi terus cakap kes jenayah bukan? Kita tengok kalau kita tengok besok *hansard* sama ada Yang Berhormat terus kata, kalau tidak kita perbetulkan balik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya bagi masa 15 minit lagi untuk bercakap.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kenyataan Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor bahawa masih terdapat hakim-hakim yang ingkar terhadap arahan Ketua Hakim Negara supaya disediakan alasan penghakiman dalam tempoh lapan minggu. Untuk makluman Yang Berhormat, Pekeliling Ketua Pendaftar Bil.1 Tahun 2002 menyatakan arahan menyediakan alasan penghakiman dalam tempoh lapan minggu dari tarikh notis rayuan difailkan adalah terpakai kepada hakim, Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Seksyen dan Majistret.

Pematuhan kepada pekeliling ini adalah sangat baik, namun berlaku kelewatan dalam penyediaan alasan kehakiman disebabkan faktor-faktor seperti berikut:

- (i) sesetengah hakim terutamanya di tempat berkepadatan tinggi seperti di Kuala Lumpur, Shah Alam, Johor Bahru dan Pulau Pinang menghadapi kesuntukan masa kerana mempunyai lebih banyak kes yang perlu diteruskan;
- (ii) kebanyakan kes yang didaftarkan kebelakangan ini, melibatkan persoalan undang-undang yang kompleks dan rumit yang memerlukan penyelidikan dan kajian yang rapi serta mendalam; dan
- (iii) operasi pelupusan kes-kes sebelum tahun 2000 telah berjaya melupuskan lebih kurang 90% daripada kes-kes, justeru bilangan rayuan meningkat dan ini meningkatkan juga bilangan alasan penghakiman yang perlu disediakan. Hakim-hakim dan pegawai-pegawai kehakiman juga terpaksa melupuskan kes-kes sedia ada, maka berlakulah tunggakan alasan penghakiman khususnya di tempat-tempat yang disebutkan tadi.

Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor ingin mengetahui kenapa tiada sebarang tindakan diambil terhadap hakim-hakim yang tidak memberi alasan penghakiman, walaupun sudah menjangkau lima hingga enam tahun. Untuk makluman Yang Berhormat, hakim-hakim berkenaan telah diperintah memberikan penjelasan atas kelewatan itu dan tindakan susulan akan diambil. Berhubung kenyataan Yang Berhormat bagi Kota Melaka dan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Sebab-sebab yang diberi oleh Yang Berhormat tadi untuk mempertahankan kelewatan dalam memberi alasan kehakiman. Bolehkah satu kelewatan dalam kes Maha Jambul di Kota Bharu yang satu fakta bukan undang-undang kompleks, di mana? Bukan lapan bulan, bukan lapan tahun tetapi sembilan tahun empat bulan, ia diarahkan untuk menulis kehakiman dia dalam lapan minggu. Bolehkah ini dipertahankan? Jika boleh beri sebab-sebab.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua saya ada pegawai saya daripada pihak kehakiman di belakang sini. Saya harap mereka ambil nota apa yang telah dibangkitkan oleh Bukit Gelugor berkenaan dengan kes Maha Jambul saya pun tidak tahu. Jadi saya harap supaya mereka akan memberikan jawapan bertulis kepada saya untuk saya beri kepada Bukit Gelugor.

Berhubung kenyataan Yang Berhormat bagi Kota Melaka dan Yang Berhormat bagi Ipoh Timur bahawa terdapat rintihan rakyat berkenaan tarikh bicara penuh pertelingkahan komersial di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang dipohonkan pada tahun 2007, tetapi ditetapkan beberapa tahun dari sekarang. Untuk makluman Yang Berhormat butir-butir yang lebih terperinci diperlukan mengenai kes tersebut supaya dapat dibuktikan kesahihannya berserta untuk menentukan sebab-sebab penangguhan tersebut.

■1500

Saya harap Ipoh Timur dan Kota Melaka beritahu kes spesifik ini untuk disiasat. Yang Berhormat Kota Melaka mencadangkan supaya diambil kira pengalaman undang-undang negara luar dan undang-undang Malaysia sejajar dengan perkembangan antarabangsa.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam penggubalan suatu undang-undang kedudukan dan pengajaran yang boleh didapati daripada undang-undang negara luar dan bidang kuasa lain sentiasa dikaji bagi menjadikan undang-undang yang digubal di Malaysia sesuai dengan aliran semasa dan menepati kehendak tempatan.

Yang Berhormat Ipoh Timur menyatakan bahawa tiada program mencegah rasuah dalam Bajet 2008, dan sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah putus asa dalam memerangi rasuah. Beliau juga bimbang kedudukan Malaysia dalam indeks *transparency international* akan terus merudum di masa hadapan.

Yang Berhormat Ipoh Timur tidak sepatutnya mengambil pandangan sempit hanya melihat kepada Bajet 2008 untuk melihat tindakan-tindakan kerajaan dalam membanteras rasuah. Sebenarnya kerajaan tidak pernah mengabaikan agenda anti rasuah, malah telah mengambil langkah-langkah konkrit dan tertentu untuk mengukuhkan lagi agenda tersebut. Umpamanya Pelan Integriti Nasional dan usaha pemupukan nilai-nilai murni melalui pendidikan terus dilaksanakan dengan berkesan, ini jangka panjang ya.

Di samping itu sistem penyampaian perkhidmatan awam terus dikemas kini demi menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap dan seterusnya mengurangkan ruang berlakunya rasuah. Sehubungan ini pasukan petugas khas pemudah cara perniagaan ataupun dikenali dengan PEMUDAH telah berjaya mengurangkan kerenah birokrasi, dan beberapa aspek sistem penyampaian perkhidmatan awam untuk memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam lebih berkesan, dan efisien serta berpandukan budaya kerja berintegriti. Sukacita dimaklumkan bahawa tindakan-tindakan kerajaan tersebut telah mula menampakkan hasil. Statistik terkini menunjukkan bilangan kes rasuah yang disiasat, bilangan tangkapan berkaitan rasuah dan kadar sabitan kesalahan telah meningkat sejak kebelakangan ini.

Di samping itu prestasi Malaysia dalam indeks persepsi rasuah 2007 terbitan TI telah bertambah baik dan bukannya bertambah buruk seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat. Sebenarnya Malaysia telah memperbaiki sedikit kedudukannya dari tangga ke-44 pada tahun 2006, ke tangga 43 pada tahun ini. Malaysia telah memperoleh 51 mata meningkat daripada lima mata pada tahun 2006. Pencapaian negara lebih bermakna kerana jumlah negara yang mengambil bahagian dalam kajian tersebut telah meningkat kepada 180 berbanding hanya 163 negara pada tahun tersebut. Justeru Yang Berhormat adalah dinasihatkan supaya melihat fakta-fakta sebelum membuat sebarang andaian tentang komitmen kerajaan terhadap agenda anti rasuah kita.

Dari aspek hukuman atau *punitive*, pihak BPR akan terus menyiasat kes rasuah dengan tegas. Sehingga kini bilangan kes yang disiasat telah meningkat dua kali ganda dari 663 kes pada tahun 2001 kepada 1,317 kes pada tahun 2006. Manakala bilangan tangkapan telah meningkat sebanyak 77% iaitu daripada 318 pada tahun 2001 kepada 546 pada tahun 2006. Kadar kesabitan kesalahan, yang ini jauh lebih penting ya, pula telah meningkat dari kurang daripada 50% beberapa tahun lalu kepada 74% pada tahun lepas.

Untuk makluman Yang Berhormat, persepsi tidak selalu mencerminkan realiti umpamanya pengalaman negara-negara lain menunjukkan bahawa tindakan tegas untuk mengatasi gejala rasuah sering kali diiringi oleh persepsi yang semakin buruk sebelum ia bertambah baik. Ini kerana apabila fokus kerajaan dan pihak media bertumpu kepada isu rasuah, maka ia menjadi perhatian rakyat juga. Dengan itu, andaian Yang Berhormat bahawa gejala rasuah kini semakin teruk adalah tidak tepat dan tidak bertanggungjawab. Malah sengaja diungkit untuk tujuan memburukkan kerajaan semata-mata.

Berhubung cadangan Yang Berhormat Permatang Pauh supaya rakyat Malaysia memaksa dan menekankan kerajaan menangani masalah rasuah secara serius dan membenarkan BPR bertindak secara bebas, tegas dan berkesan. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan yakin rakyat tidak akan terpengaruh dengan desakan Yang Berhormat kerana masyarakat pada hari ini dapat menilai yang mana kaca dan yang mana permata.

Dalam tempoh 40 tahun sejak penubuhan BPR telah mengalami pelbagai perubahan, namun yang pasti tidak berubah adalah kebebasan BPR untuk bertindak mengikut perundangan yang sedia ada, yang masih tetap dipertahankan oleh kerajaan sehingga ke hari ini. Hakikatnya ialah *the record speaks for itself*, dengan izin telah membuktikan bahawa BPR bebas menyiasat *without fear or favor*, dengan izin terhadap mana-mana pihak tanpa mengira kedudukan sama ada anggota pentadbiran, Ahli-ahli Parlimen, penjawat awam, sektor swasta atau orang awam mengikut peruntukan undang-undang sedia ada.

Sebagai contoh, statistik dari tahun 2004 hingga tahun 2006 menunjukkan terdapat peningkatan jumlah mereka yang ditangkap, didakwa dan dikenakan tindakan tatatertib. Jumlah keseluruhan tangkapan, pertuduhan dan laporan tatatertib bagi tempoh 2004 hingga 2006, iaitu sejak negara diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menunjukkan peningkatan 61% tangkapan, 30% pertuduhan dan 28% laporan tatatertib berbanding dengan tempoh tiga tahun sebelumnya iaitu 2001 hingga 2003. Peningkatan dari segi tangkapan, pertuduhan dan penyediaan laporan tatatertib ini tidak harus ditafsirkan sebagai peningkatan kes jenayah rasuah. Statistik tersebut jelas menunjukkan bahawa kerajaan khususnya BPR amat komited dan serius untuk memerangi jenayah rasuah di semua peringkat dan sektor.

Kebelakangan ini juga banyak tindakan yang diambil BPR dipaparkan di media massa. Ini membuktikan kesungguhan BPR untuk melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih proaktif dan efektif. Kerajaan yakin di bawah kepimpinan baru BPR, lebih banyak usaha akan

dilakukan untuk memastikan negara ini bebas dari belenggu jenayah rasuah. Di samping pertahankan kebebasan BPR bertindak dan tidak diganggu gugat oleh mana-mana pihak yang berkepentingan, kerajaan akan sentiasa membantu BPR dari segi logistik, keanggotaan dan kewangan untuk memastikan pelaksanaan fungsi BPR dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Oleh itu, adalah lebih wajar sekiranya BPR dibenarkan melaksanakan tanggungjawab mereka tanpa sebarang tekanan dari mana-mana pihak demi menegakkan keadilan dan kebenaran.

Yang Berhormat Bukit Gelugor membangkitkan tentang kenyataan saya berkenaan dengan 'whistle-blower' dan menyatakan sebagai tidak konsisten. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak media telah menyalah tafsir apa yang dimaksudkan oleh saya sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa menjawab pertanyaan media mengenai isu permohonan mendapatkan perlindungan. Pembedulan telah pun dibuat kepada media mengenai perkara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini sesetengah undang-undang memberikan perlindungan kepada pemberi maklumat seperti Akta Pencegahan Rasuah 1997 dan Akta Dadah Berbahaya 1952. Selain itu semasa menjawab soalan tambahan daripada Yang Berhormat pada 24 Oktober 2007, Yang Berhormat Timbalan Menteri Keselamatan Negeri telah menyatakan bahawa kerajaan sedang mengkaji untuk menggubal undang-undang yang khusus mengenai perlindungan saksi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Melaka menyatakan keyakinan rakyat kepada BPR masih kurang disebabkan oleh seksyen 22, subseksyen 4, Akta Pencegahan Rasuah 1997. Sebenarnya sebagai badan penguat kuasa undang-undang BPR sentiasa mengamalkan etika kerja yang profesional, dan kes-kes siasatannya perlu dirahsiakan selaras dengan peruntukan [seksyen 21\(4\) \(APR\) 1997](#). Peruntukan seksyen 21(4) menyatakan sesuatu aduan yang dibuat di bawah subseksyen 1 hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang kepada mana-mana orang, selain pegawai-pegawai badan dan pendakwa raya sehinggalah orang tertuduh dituduh di mahkamah atas suatu kesalahan di bawah akta ini, atau mana-mana undang-undang bertulis lain berbangkit daripada aduan itu. Yang Berhormat mungkin sedar bahawa kes-kes rasuah tidak sama dengan kebanyakan kes-kes jenayah lain, kerana pendedahannya bukan sahaja menjejaskan imej individu yang terbabit bahkan siasatan yang dijalankan itu sendiri.

Siasatan kes-kes rasuah perlu dijalankan dengan berhati-hati dan tanpa diketahui umum agar tidak menjejaskan individu yang disiasat bagi mengelakkan media *and public prosecution*, dengan izin sedangkan kita perlu mengamalkan *innocent until proven guilty* dengan izin. Ini merupakan hasrat sebenar penggubalan seksyen 21(4) APR 1997. Kerahsiaan dan ketelusan merupakan masalah besar yang dihadapi dalam masyarakat kita khususnya kalau ianya diapi-apikan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mendapatkan *political mileage*, dengan izin. Apatah lagi jika berlaku ke atas seorang pemimpin, maka belum pun lagi beliau dihukum oleh mahkamah apabila diapi-apikan oleh pihak tertentu seolah-olah beliau sudah

bersalah seperti kes yang melibatkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri. Ini tidak adil kepada orang yang disiasat kerana kita mengamalkan prinsip undang-undang, iaitu tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah di dalam mahkamah.

Untuk makluman Yang Berhormat Kota Melaka, pengadu sesuatu kes boleh memohon mendapat status dan kedudukan sesuatu kes yang dilaporkan dengan menulis surat kepada Ketua Pengarah BPR. Dan pihak BPR akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap permohonan tersebut.

■ 1510

Kerajaan juga menyedari penggunaan seksyen 21(4) mewujudkan pelbagai tanggapan negatif dalam ketelusan siasatan BPR. Perkara ini telah diambil perhatian kerajaan dalam cadangan pindaan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ada berapa muka surat lagi?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: 74.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa eloklah Yang Berhormat berhenti.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan yang lain diberi secara bertulislah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Dewan riuh].

Tuan Yang di-Pertua: Kita ada 29 lagi jawapan, 27 kementerian dan kita ada mempunyai empat hari. Jikalau ikut kadar cara perjalanan yang ada sekarang, dua hari lagi pun tidak habis jawapan daripada Jabatan Perdana Menteri. Saya jemput Yang Berhormat daripada Besut untuk menjawab.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah. Kalau menjawab Yang Berhormat, sudah cukuplah.

3.11 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2008 di peringkat dasar khususnya menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan agama Islam. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai segala pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Bajet 2008 di peringkat dasar ini, ada beberapa isu berkaitan agama Islam yang telah disentuh

oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Oleh itu izinkan saya untuk menjawab isu-isu yang telah ditimbulkan.

Di antaranya ialah Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah telah mencadangkan agar pusat tahfiz dibina di setiap negeri. Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini semua negeri kecuali di Sarawak telah mempunyai pusat-pusat tahfiz dia sendiri, sama ada yang dikelolakan oleh pihak berkuasa negeri atau dikelolakan oleh pihak persendirian. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pusat-pusat tahfiz adalah tertakluk di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan mana-mana pihak yang ingin menubuhkannya perlu memohon dengannya terlebih dahulu. Seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, memang benar Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mempunyai sebuah sahaja pusat tahfiz, tetapi JAKIM telah mengendalikan penyelarasan peperiksaan tahfiz dengan pusat-pusat tahfiz negeri-negeri. Oleh itu, buat masa ini JAKIM tidak berhasrat untuk menubuhkan pusat tahfiz JAKIM di negeri-negeri kerana ia sudah mencukupi dengan usaha penyelarasan tersebut.

Ahli Yang Berhormat daripada Tanah Merah juga telah mencadangkan agar kerajaan memberi penekanan penting dalam membangunkan kawasan persekitaran masjid sebagai pusat ekonomi. Ini juga dapat meningkatkan lagi lebih ramai orang yang mengimarahkan masjid. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN) seluruh Malaysia telah mengambil langkah proaktif ke arah mempelbagaikan fungsi dan peranan masjid dalam membangunkan ummah dan negara. JAKIM telah mengadakan pelbagai aktiviti untuk mengimarahkan masjid. Antara program yang dilaksanakan ialah seminar, kursus dan juga bengkel pengurusan masjid di peringkat daerah, negeri dan juga kebangsaan. Penekanan yang diberikan di dalam program ini ialah mengenai isu-isu integriti pegawai masjid, sistem kewangan, ancaman ajaran salah serta kod amalan pegawai masjid. Di antara negeri yang telah melaksanakan ialah negeri Kedah, Johor, Sarawak, Sabah, Terengganu, Perlis dan Selangor. JAKIM juga telah memaklumkan kepada JAIN tentang hasrat ini melalui perjumpaan dengan ketua-ketua jabatan. Bagi menjadikan masjid pusat pembelajaran sepanjang hayat, JAKIM dengan kerjasama *Open University* telah melaksanakan kursus Bahasa Inggeris yang dijalankan di Masjid Putra dan sedang merancang untuk melaksanakan lain-lain bidang di peringkat diploma dan juga ijazah. Selain itu, bagi maksud menghadharikan masjid di bawah

pentadbiran JAKIM, antara program yang dirancang akan dilaksanakan ialah program-program pemeriksaan kesihatan, derma darah, diskusi hadhari serta seminar hadhari.

Berhubung cadangan untuk membangunkan kawasan persekitaran masjid sebagai pusat ekonomi, untuk meningkatkan pengimaran, kerajaan telah berusaha melalui Majlis Agama Islam Negeri-negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN) supaya masjid-masjid di bawah pentadbiran negeri masing-masing menyediakan dan mengadakan pusat pungutan dan pengagihan zakat, pusat rawatan Islam, klinik, mesin pengeluaran wang tunai dan lain-lain aktiviti ekonomi di sekitar kawasan masjid. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, masjid yang dinamakan Masjid Hadhari telah pun diadakan dan didirikan di negeri Terengganu. Di antara masjid tersebut akan menjadi sebagai pusat segala kegiatan masyarakat Islam;

Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Krau telah membangkitkan iaitu merujuk kepada keluaran khas JAKIM di dalam akhbar mengenai ajaran sesat. Beliau mempersoalkan apakah tindakan yang telah diambil terhadap pengikut-pengikut ajaran sesat ini? Apakah masalah yang dihadapi untuk mengambil tindakan kepada pengasasnya sehingga menyukarkan tindakan yang hendak diambil? Tuan Yang di-Pertua, memang benar JAKIM ada menjelaskan mengenai ajaran sesat dalam keluaran khas sisipan akhbar sempena 50 tahun kemerdekaan negara. Tindakan yang telah diambil terhadap pengikut-pengikut ajaran sesat adalah secara holistik meliputi:-

- (i) fatwa dan warta;
- (ii) program-program...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, boleh minta penjelasan sedikit Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mengikuti Yang Berhormat mengatakan pelbagai program dijalankan untuk menghidupkan suasana masjid, bagus. Yang Berhormat, tetapi kalau kita lihat, yang lebih penting pada hari ini ialah tentang perpecahan. Alhamdulillah hari ini kita ikuti bahawa perpecahan umat terutamanya, masih lagi boleh terkawal. Ada di masjid-masjid saya tengok kadang-kadang sudah habis sembahyang Jumaat, ada takbir. Seolah-olah menunjukkan ada

cara yang lain. Bukankah ini lebih baik kalau sekiranya yang membaca khutbah ini mengikut apa yang telah dikeluarkan. Khutbah yang telah dikeluarkan oleh kerajaan. Itu yang dipastikan diikuti oleh imam-imam. Ada sesetengah tempat, barangkali saya tidak tahulah, apakah tidak ada pemantauan? Kadang-kadang yang berlaku ini di masjid-masjid negeri dan juga di masjid daerah. Tidak kira lagi masjid-masjid yang ditadbir oleh imam-imam biasa, pengerusi-pengerusi masjid yang dipilih oleh pihak-pihak tertentu, tetapi di masjid daerah, ini boleh berlaku.

Jadi apakah JAKIM melihat hal ini lebih mustahak daripada program-program yang disebut oleh Yang Berhormat tadi daripada kita melihat perkara yang boleh memecahbelahkan umat. Saya lihat dalam tinjauan saya, di luar negara umpamanya, berpeluang, tidak ada Yang Berhormat. Asalkan masjid bersih, cukup. Kita tengok di masjid kita inilah, cukup hebat macam-macam kita buat. Alhamdulillah, bagus, tetapi di luar negara ada masjid tertentu, air pun tidak ada, tetapi orang pergi ke masjid beribu-ribu. Tidak ada perpecahan. Saya berada di tempat umpamanya di negara Uzbekistan, umpamanya contoh. Tidak ada air hendak ambil air sembahyang. Jadi, tidak berlaku perpecahan.

Jadi apakah ini dilihat oleh kita, JAKIM terutamanya, atau pihak-pihak jabatan agama pada keseluruhannya melihat perkara ini penting dari segi perpecahan umat. Lebih membimbangkan kalau ada kesempatan diambil oleh pihak-pihak tertentu yang menggunakan untuk kepentingan politik mereka. Ini bukan tuduhan, tetapi sekiranya dibiarkan, ini boleh berlaku. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat..

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...pada masa ke hadapan ini JAKIM melihat lebih positif perkara-perkara yang boleh berlaku perpecahan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sambung sedikit Tuan Yang di-Pertua?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okey.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini berkenaan dengan perpecahan. Saya pun minta JAKIM kerana perpecahan kita lihat pada bulan Ramadhan yang sudah, bulan Ramadhan yang sudah, kadang-kadang di antara mufti pun bercanggah tentang solat tarawih. Ada yang kata dua puluh, ada yang kata lapan. Jadi, bagaimana kita ini? Mengapa tidak JAKIM keluarkan satu... apa? Apa bang? Fatwa? Kalau dua puluh, dua puluhlah. Semua ikut dua puluh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, solat tarawih itu sunat bukan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya sunat Tuan Yang di-Pertua, tetapi sunat pun, kita bercanggah, mengelirukan. Mengelirukan kerana antara ulama', antara mufti negeri-

negeri pun bercanggah antara mereka, mengatakan dua puluh, mengatakan lapan. Yang ini Rasulullah buat macam ini, yang ini mengatakan Umar yang menentukan dua puluh...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Jadi, mengapa tidak JAKIM selaraskan soal ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Larut dan juga Yang Berhormat daripada Jasin yang telah menimbulkan pertamanya ialah soal perpecahan di masjid dan *didetailkan* oleh Yang Berhormat Jasin, iaitu jenis perpecahan iaitu solat tarawih. Ada yang lapan, ada yang sepuluh dan sesetengah negeri dia tak tahu juga. Sesetengah negeri ada lapan, ada dua puluh dan sesetengah negeri dia ada sepuluh pun ada, ya. [Ketawa].

■1520

Itu berbagai-bagai-bagai caralah, tetapi kita pergi kepada dasar dulu, perpecahan. Kita sangat memandang berat terhadap perpecahan ini. Sebab itulah kita telah mengadakan beberapa arahan iaitu melalui JAIN, sebab JAKIM melalui JAINnya ataupun jabatan agama Islam negeri-negeri iaitu arahan-arahan supaya jangan menimbulkan perpecahan di masjid. Konsep masjidnya ialah penyatuan. Rasulullah s.a.w. mendirikan masjid di Madinah adalah untuk menyatukan ummah, kerana penduduk di Madinah pada masa itu ada kaum Ansar dan kaum Muhajirin. Ansar dia hendak ada perhimpunan dia sendiri, Muhajirin ada perhimpunan sendiri keramaian-keramaian dan sebagainya lalu diwujudkan masjid. Segala kegiatan berada di masjid, kalau solat di dalam masjid aktiviti di sekitar masjid. Perniagaan, aktiviti-aktiviti lain di sekitar masjid. Masjid adalah sebagai pusat kegiatan umat Islam. Jadi berbalik kepada adanya perpecahan di sesetengah masjid itu saya rasa saya ingin mendapatkan maklumat yang tepat.

Saya akan menyiasat melalui JAKIM, JAKIM melalui JAIN, jadi saya tidak nafikan memang ada terlalu banyak, bukan terlalu banyak perpecahan. Terlalu banyak masjid, ada masjid di peringkat negeri, ada masjid di peringkat daerah dan baru-baru ini kita telah memberi Imam Masjid Qariah sebanyak RM450 pada tahun 2005. RM450 ada syarat-syarat ada peraturan-peraturan dia. Jadi kalau melanggar peraturan boleh ditarik balik elaun yang diberikan oleh pihak Kerajaan Pusat. Jadi saya rasa kita memerlukan kerjasama daripada Yang Berhormat kalau ada pelanggaran ini menimbulkan perpecahan yang ditimbulkan oleh imam sama ada melalui khutbah ke melalui tazkirah ke melalui apa ke sila laporkan kepada kita. Kita akan membuat penyiasatan, dan kita akan mengambil tindakan.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Saya agak kesal dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri. Disiplin atau bidang saya bukan agama, Yang Berhormat bidang agama. Sembahyang terawih ini sama ada lapan ataupun 20...

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

[Ketawa]

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Kat masjid tadi?

Tuan Yang di-Pertua : Nantilah Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Ok, jawab dahulu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat boleh saya sambung sedikit yang imam tadi Yang Berhormat?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya jawab Yang Berhormat punya dahulu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tidak apa Yang Berhormat, itu kemudian Yang Berhormat tidak penting, yang penting Barisan Nasional. Kita bercerita pada pihak sana pun dia bukan dengar Yang Berhormat, kita yang memerintah pada hari ini. Yang Berhormat sebut tentang imam yang melanggar peraturan. Apakah ada satu pekeliling yang diberi kepada mereka ini, kalau tidak tak berjalan Yang Berhormat. Saya mintalah supaya kalau ini boleh dilakukan. Ada pekeliling buat salinan kepada kami wakil rakyat tidak mengapa atau pihak-pihak tertentu pihak polis umpamanya mereka boleh memantau, mengawasi. Kata kalau kira ambil tindakan dia senyap sekejap selepas itu buat balik. Kalau ada pekeliling macam ini mintalah pihak JAKIM ataupun jabatan agama negeri, keluarkan arahan ini bagi tahu kepada mereka, disiplinkan mereka kalau ini berlaku ini dia...

Jadi ini tidak membimbangkan. Kadang-kadang Yang Berhormat kita takut mereka menggunakan kesempatan untuk politik, macam-macam Yang Berhormat kalau hendak kira yang kami dengar Yang Berhormat, *[Disampuk]* bukan sahaja khutbah, ceramah yang menghentam kerajaan Yang Berhormat, Astaghfirullahalazim Yang Berhormat, tidak habis kita hendak bincang dalam Parlimen ini Yang Berhormat. Mintalah kalau betul JAKIM hendak melihat perkara ini betul-betul dapat kita atasi, keluarkan arahan, pekeliling. Pastikan jika berlaku ambil tindakan betul-betul. Ini dia kata tidak ada tindakan pun.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, cukup.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Mintalah Yang Berhormat, terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya habiskan dia dahululah kemudian baru pergi kepada jawapan Jasin pula, itu dasar dahulu. Pertamanya ialah Masjid yang telah saya katakan mendapat peruntukan daripada Kerajaan Pusat sebanyak RM450 sebulan kemudian diperkukuhkan lagi dengan bantuan daripada kerajaan negeri, setengah negeri macam Wilayah Persekutuan tambah lagi RM200 kemudian setengah negeri macam Terengganu tambah juga di sekitar RM150 atau RM200 begitulah seterusnya. Jadi ini masjid-masjid yang tertakluk di bawah bidang kuasa kerajaan negeri yang disalurkan oleh pihak kerajaan pusat melalui JAKIM.

Namun sesetengah negeri takut saya bimbang nanti Yang Berhormat daripada Larut yang tidak dapat membezakan ada sesetengah negeri ada masjid yang boleh dikatakan masjid swasta ke, masjid apa ke saya tidak tahu, jadi ini yang adanya jadi kalau ada misalnya di

Terengganu ada di kawasan saya pun ada dua tiga buah yang tidak berdaftar tetapi terus sembahyang Jumaat di Besut dekat dengan kampung saya di Padang Landak ada satu dan di Tok Saboh ada satu iaitu di kawasan saya juga. Jadi ini sedang dipantau sejauh mana kegiatan-kegiatan mereka. Mereka tidak mengambil ini dan sebenarnya mereka juga tidak dibenarkan menurut enakmen pentadbiran agama Islam di negeri untuk mendirikan masjid.

Hendak mendirikan masjid mesti mengikut enakmen yang telah diperuntukkan dalam, kalau kita di Wilayah Persekutuan ada akta, di negeri ada enakmen. Enakmen tidak membenarkan mendirikan masjid kecuali mendapat keizinan daripada Majlis Agama Islam, penguasa tertinggi agama Islam. Jadi itu kena bezakan takut nanti masjid yang kalau boleh diistilahkan masjid swasta itu ke ataupun masjid yang masuk masjid qariah. Masjid qariah ada peraturan-peraturannya saya boleh bekalkan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh JAKIM yang kita salurkan kepada Majlis Agama Islam Negeri-negeri.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Habiskan dahulu Yang Berhormat.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya habiskan Jasin dahulu takut nanti *confuse* daripada Kubang Kerian tadi timbul soalan, jadi saya jawab itu saya rasa tidak akan ada soalanlah saya rasa. Iaitu daripada Jasin, terhadap soalan perpecahan dikatakan timbul berdasarkan lapan rakaat solat tarawih iaitu sebagaimana yang telah dibangkitkan ataupun 20 rakaat dan saya tambah tadi sesetengah negeri 10 pun ada. Saya tidak sebut negeri. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua ini sunat sahaja, kita tidak boleh kelahi perkara ini dan namanya solat tarawih, tarawih ini sembahyang sunat rehat-rehat. Sebenarnya boleh dari segi amalannya kalau kita sembahyang empat rakaat rehat dahulu minum teh tarik dahulu ke selepas itu sambung semula, tetapi orang tidak buat macam itu hendak buat lapan sudah hendak teh tarik tidak sesuai, terus sahajalah lapan.

Kalau setengahnya mungkin dalam keadaan-keadaan tertentu dia tidak larat hendak buat lapan, dia berhenti sekerat lapan, tidak apa ini adalah sunat. Janganlah kumpulan 20 itu marah kepada kumpulan lapan, kumpulan lapan pula marah kumpulan 20. Sudahlah 20 panjang pula baca, kalau yang hafiz katakan tambahan pula jauh dari kipas, lagi panas. Jadi saya rasa benda ini sunat sahaja tidak boleh kita khilaf, masih dalam peruntukan *[Bercakap dalam bahasa Arab]* "Berbeza pendapat umatku adalah merupakan rahmat", jadi merupakan ruang yang berbeza pendapat. Jadi boleh ya.

Sebab itu kita di negeri Wilayah Persekutuan, saya menjadi Pengerusi Majlis Agama Wilayah Persekutuan, saya mengeluarkan arahan mengatakan solat tarawih di masjid-masjid digalakkan 20, digalakkan. Dia ada beza tahu, digalakkan dengan Selangor diwajibkan dengan 20. Diwajibkan bagi imam institusi, institusi biar sediakan 20 itu bagi mereka yang berkeuzuran, lapan dia belahlah, dia cabutlah. Jadi maknanya ada bagi mereka yang kita rasa sangat komited

hendak banyakkkan ibadah di masjid, yang lapan pun mungkin mereka boleh sembahyang di rumah lagi. Ataupun dia hendak sembahyang tidak apalah sunat.

Jadi saya rasa ini ikhtilaf yang dibenarkan, itu tidak menimbulkan masalah. Saya ingat di dekad 50-an dahulu pernah Hassan Albanna balik ke kampungnya - saya rasa boleh cerita. Dia selepas belajar daripada Darul Ulum balik ke kampungnya, ada dua kumpulan tidak macam sekarang PAS, UMNO tidaklah, maknanya ada kumpulan sembahyang tarawih 20 rakaat, ada kumpulan sembahyang tarawih lapan, macam kita jugalah. Jadi mereka mempengaruhi Hassan Albanna dia kata, ustaz hendak masuk kumpulan mana, kumpulan 20 ke kumpulan 8? Jadi Hassan ini dia cerdik, dia mengaji dia khatam mengajinya.

■1530

Saya hendak tanya tuan-tuan, perpaduan wajib ke sunat? Semua mengatakan wajib. Semuanya baca "*wa'tasimu bihablillahi jami'an walatafarraku*". Jadi saya rasa itulah senario yang berlaku di sepanjang sejarah, saya rasa tidak ada masalah. Namun, tidak boleh biarkan masjid tempat khilaf dari segi, ertinya masjid dijadikan sebagai wadah untuk parti-parti politik, saya rasa tidak boleh. Apa yang kita galakkan, masjid adalah tempat perpaduan umat Islam. Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi berbalik kepada masjid Yang Berhormat sebutkan masjid "swasta". Kalau tidak silap saya, yang saya fahamlah bahawa sebenarnya JAKIM tidak ada kuasa ke atas masjid-masjid kecuali ia ada peruntukan-peruntukan tertentu kepada negeri-negeri sebab kuasa agama adalah kuasa negeri. Kalau dalam hal untuk mendirikan masjid, membina masjid dan juga mendirikan sembahyang Jumaat hendaklah mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pihak negeri.

Apakah sekarang ini peranan JAKIM, kalau Yang Berhormat sebut tadi terdapat jenis masjid yang berada di kawasan Yang Berhormat, kalau kita kata "swasta", apakah tindakan ini boleh atau tidak pihak JAKIM mempengaruhi negeri untuk mengambil tindakan ke atas masjid-masjid seperti itu? Satu.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Keduanya, peranan masjid tadi balik kepada soal yang dibangkit oleh Jasin dan Larut, peranan masjid satu ialah untuk menyatupadukan ummah tetapi sebaliknya ia dijadikan satu tempat perpecahan kerana kita punya pemikiran politik yang sempit, khususnya daripada pihak PAS. Terus terang saya kata, kita UMNO kita buka, kita bagi macam-macam *support*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ada PAS ke ini? Tidak ada ya?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Kemudian saya dapati mengapa tidak sekarang ini masjid Yang Berhormat cakap tadi cukup baik sekali iaitu sebagai kegiatan masyarakat. Jadi apakah pihak JAKIM sekarang akan mencadangkan kepada pihak kerajaan juga, dia mempunyai misalnya peraturan dan juga *teller machine* daripada bank kita. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya sambung sedikit, Yang Berhormat. *[Disampuk]* Ini bukan parti. Saya hendak bagi contoh di Kelantan. Apabila kita bercakap tentang perpaduan, tentang kebaikan, kita bermula daripada kita, daripada atas, barulah semua. Di Kelantan sepanjang zaman, Majlis Agama Islam itu di bawah Duli Yang Maha Mulia. Dahulu negeri-negeri lainnya pun sama di bawah Sultan yang menjadi lambang perpaduan, tetapi akhir-akhir ini semua negeri kecuali Kelantan, pinda – Yang Dipertua itu di bawah Menteri Besar.

Saya bagi contoh, Terengganu, bila bertukar kerajaan, imam pun nampak bertukar. Bila bertukar pula, ini perpecahan berlaku. Jadi kalau kita balik kepada asal kita, di mana majlis agama Islam ini terletak di bawah yang mengendalikan masjid-masjid di bawah Sultan yakni lambang perpaduan. Kerajaan Negeri Kelantan tidak langsung mempunyai kuasa kepada masjid. Langsung tidak ada kuasa – pelantikan imamnya, pelantikan jawatankuasa masjidnya. Pelantikan jawatankuasa masjid ini dikendalikan oleh DO-DO. Jadi sebab itulah tidak timbul perpecahan di Kelantan.

Sama ada PAS naik ke, UMNO naik ke, dia tidak boleh ganggu masjid. Jadi kalau kita bermula daripada sini, di sebalik ini, kita tidak banyak cakap. Saya setuju dengan Larut, perkara ini harus dibendung tetapi kita bermula daripada kita. Kita tidak boleh hendak kawal orang ramai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Kita kawal dengan undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Macam membuat ucapan lagi.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Tidak. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Yang Berhormat dari Sungai Petani tadi telah membangkitkan adakah JAKIM ada mempunyai kuasa, dan kita menjawab ada mempunyai kuasa mempengaruhi. Saya tidak mahu mengatakan tidak ada kuasa. Kuasa mempengaruhi dan menasihati ada. Sebab itu selalu dalam bahasa-bahasa yang saya gunakan, saya gunakan bahasa mempengaruhi, kuasa menasihati ada sebenarnya.

Seterusnya yang melaksanakannya adalah Majlis Agama Islam negeri-negeri. Macam di kawasan saya ada disebut sekurang-kurangnya dua ataupun lebih yang kita istilahkan tadi "swasta" ke, dengan nama yang lain ke. Jadi ini di luar daripada kawalan dan didirikan oleh parti

pembangkok yang saya rasa sebab apa dari Pengkalan Chepa pun ada, saya rasa daripada PASlah. Maksudnya telah ada satunya di Padang Landak, dekat kampung saya dan satu lagi ialah di Tok Saboh, di tepi sempadan semuanya ini dan ada beberapa tempat yang lain.

Dua masjid dalam satu kariah. Cuma mungkin dari segi hikmahnya yang diambil oleh Kerajaan Negeri Terengganu kerana pengalaman kita dahulu iaitu tidak membenarkan Masjid Bujal di Kemaman, kita bincang hebat di Dewan yang mulia ini tidak membenarkan. Jadi menjadi isu yang begitu besar dan ini pun kita akan tangani dengan cara yang bijaksana, dengan cara nasihat dan sebagainya supaya mereka ini kembali semula bersembahyang di masjid-masjid yang telah didirikan oleh pemerintah.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah. Kuala Krau.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okey, silakan.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai pandangan Yang Berhormat Pengkalan Chepa mengatakan bahawa negeri-negeri lain bukan lagi Yang di-Pertua Agama di bawah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, tetapi di Pahang masih lagi di bawah Sultan Pahang.

Satu perkara walaupun di bawah kuasa Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan tetapi ada imam atau khatib yang telah ditugaskan pada hari Jumaat. Sepatutnya membaca khutbah, dipasskan atau diserahkan teks khutbah Jumaat atau buku khutbah Jumaat itu kepada orang lain. Kadang-kadang bilal sudah habis memanggil khatib untuk membaca khutbah, tetapi dia tunggu juga orang yang berkenaan sedang sembahyang sunat tahiyat masjid. Dia tunggu habis, hendak passkan atau hendak serahkan buku teks khutbah itu kepada orang lain.

Jadi apakah pandangan Yang Berhormat Menteri? Kuasa siapakah sebenarnya? Kuasa Sultan ke atau kuasa imam yang bertugas boleh menyerahkan atau memberi kuasa kepada sesiapa sahaja yang beliau hendakkan supaya khutbah disampaikan pada hari itu.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya rasa lebih kalut lagi. Saya belum jawab lagi yang dia ini. Saya ingat hendak habis satu-satu tadi. Bab pertama itu baru masuk, bab yang kedua, tetapi tidak apalah, tolong saya. Sebenarnya saya hendak pergi kepada soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa iaitu katakan Kelantan sahaja, tidak betul itu. Itulah rakan kita telah membuktikan, pertamanya ialah di Pahang tidak, di Selangor juga tidak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Di Johor juga tidak.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Di Johor tidak?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Juga di Perlis tidak. Jadi itulah di antara maklumat-maklumat awallah dan sesetengah negeri memang dipegang oleh Menteri Besar dan sebagainya. Bukan di Kelantan sahaja. Itu kita betulkan maklumat itu. Jadi saya ucap terima

kasihlah kerana mendahului saya untuk menjawab tadi dan boleh membantu saya juga terhadap jawapan yang ditimbulkan iaitu terhadap persoalan yang telah dikemukakan.

Terhadap persoalan tadi, saya rasa tugas untuk menyerahkan dan sebagainya itu adalah tugas imamlah. Itu pandangan saya pada masa ini, sebagai imam adalah dipertanggungjawabkan. Mereka diberi tauliah dan imam adalah bertanggungjawab untuk menguruskan dan juga supaya lebih selesa dari segi pentadbiran. Ada juga sesetengah masjid itu ada nazir masjid, ada sesetengah naqib, ada dengan pelbagai nama untuk pengurusan dan sesetengahnya saya difahamkan macam Masjid Hadhari di Terengganu, dia akan adakan CEO, Ketua Pegawai Eksekutif iaitu ada pelbagai yang telah pun difikirkan supaya lebih berkesan lagi pengurusan masjid ini.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya tadi..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, boleh saya tanya sedikit?

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Soalan saya tadi...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Sekejap sahaja.

■1540

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini fasal perpecahan ini, Yang Berhormat saya sambung sedikit. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat tentang pandangan yang berbeza antara mufti-mufti. Ini serius Yang Berhormat. Kita selalu rujuk hal-hal agama ini kepada mufti. Kalau mufti bersama mufti bertelagah Yang Berhormat, seolah-olah memberi pandangan-pandangan yang berbeza. Ini menimbulkan masalah Yang Berhormat bagi kita ini yang di bawah ini, cukup mengelirukan. Jadi apakah tindakan pihak Yang Berhormat untuk mengatasi masalah daripada berpanjangan kerana bukan sahaja daripada kalangan orang Islam yang melihat perkara ini cukup mengelirukan bahkan kita bimbang juga pada orang yang bukan Islam yang barang kali tertarik Yang Berhormat, kepada agama Islam. Apabila ini berlaku berterusan, ini cukup membimbangkan. Jadi apakah tindakan Yang Berhormat untuk mengatasi masalah ini dengan pandangan-pandangan yang berbeza, yang boleh menyebabkan mufti-mufti ini orang yang paling hampir untuk kita rujuk hal-hal agama ini dapat diatasi. Minta pandangan dari Yang Berhormat. Ini cukup serius.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okey, pandangan yang baik. Saya rasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sungai Petani hendak tanya apa lagi?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tidak, saya sambung sikit apa yang dibangkitkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya fikir kita teruskanlah kalau Yang Berhormat memuaskan jawapan ini saya boleh teruskan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Yang saya *respond* terhadap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang saya benarkan buka semula, jadi jawapan tidak akan habis.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tidak apa kalau diarahkan saya tak payah jawab lagi mudah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya pohon...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Beri jawapan kepada segala perkara yang bangkit semasa perbincangan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya mohon sedikit sahaja apa yang dibangkitkan oleh Larut. Ini mengenai dengan mufti lagi sekali. Boleh dikatakan semua negeri mempunyai mufti dan kita ada juga Majlis Fatwa Negara. Kadang kala bila mufti-mufti tertentu, saya minta maaf saya tidak mahu sebut mufti mana. Bila dia mengeluarkan pendapat dia, dia dianggap sebagai fatwa untuk keseluruhan kita. Jadi apakah pihak JAKIM hari ini akan menegur mana-mana mufti yang tidak seiring dan selaras dengan Majlis Fatwa. Hanya Majlis Fatwa sahaja yang boleh mengeluarkan fatwa-fatwa mereka, tetapi yang setengah mufti dia dengan pandangan aliran dia. Jadi sebab itu yang menyebabkan kekeliruan daripada pihak kita. Jadi ini saya minta pandangan daripada Yang Berhormat untuk diselesaikan oleh Majlis Fatwa Negara. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okey, ini soalan yang sangat mustahak Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa terutama perkembangan mutakhir di negara kita. Sebab mufti telah menulis, mufti telah diberi ruang untuk bicara mufti. Mufti begitu aktif sekali dan setengahnya bukan mufti pun bercakap tentang agama. Jadi itu pun menimbulkan masalah pada saya dan saya telah pun menasihati ataupun meminta Ketua Pengarah JAKIM pergi menasihati mereka. Jadi telah pun menasihati dan kita tengoklah mana tindakan selanjutnya sebab dasar kita ialah dengan cara menasihati dahulu.

Tidak wajar kita mengambil tindakan, sedangkan kita tidak menasihati. Jadi beri masa dahulu secukupnya, sejauh mana mereka patuh terhadap nasihat yang telah pun dibuat oleh pihak JAKIM melalui ketua pengarahnya. Saya arahkan supaya berjumpa dan menasihati. Jangan sekali menimbulkan perkara-perkara yang titik benih, perkara-perkara yang kecil-kecilan di besarkan.

Soal Maulidur Rasul, soal-soal adanya Mazhab Syafie tulen, Mazhab Syafie palsu dan berbagai-bagai lagi. Jadi saya rasa kita tengok beri masa dulu iaitu berdasarkan [*Menyebut dalam Bahasa Arab*]. Agama Islam itu memberi nasihat dan kita tengok dengan cara yang baik

kita boleh menyelesaikan perkara ini. Saya rasa cukuplah maknanya jawapan saya terhadap *respond* terhadap masalah yang ditimbulkan tadi.

Okey, baik. Boleh saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila-sila.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tindakan yang telah diambil terhadap pengikut-pengikut ajaran sesat adalah secara holistik. Meliputi secara:

- (i) fatwa dan juga warta;
- (ii) melalui program pemulihan;
- (iii) sesi kaunseling; dan
- (iv) tindakan undang-undang.

Biasanya...

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, mengenai ajaran sesat dan juga tarekat-tarekat yang telah dipaparkan di dalam sisipan akhbar telah ditimbulkan di dalam perbahasan saya baru ini. Cuma saya hairan, mengapakah seperti contoh Ayah Pin dan beberapa pengasas-pengasas tarekat yang telah dipaparkan dalam akhbar tersebut masih lagi tidak dapat ditangkap, masih lagi tidak dapat dikenakan tindakan, tidak dapat dikesan, bahkan bebas pergi ke mana-mana negeri. Adakah disebabkan masalah enakmen peraturan undang-undang Islam yang berbeza-beza di antara negeri-negeri atau disebabkan oleh kerana pengasas-pengasas tersebut terdiri daripada orang-orang-orang yang berpengaruh di dalam negara kita yang menjadi halangan tertentu untuk memanggil pengasas-pengasas tarekat-tarekat tertentu seperti mana yang telah dipaparkan dalam akhbar tersebut.

Soalan saya, terdapat juga tarekat-tarekat ini telah menular begitu luas sekali di Institut Pengajian Tinggi Awam. Melibatkan mahasiswa, mahasiswi dan ada yang berkahwin sesama sendiri di antara mahasiswa, mahasiswi dan selepas menamatkan pelajaran, mahasiswi atau perempuan mesti bekerja tetapi suami tak perlu bekerja. Suami hanya perlu berzikir. Pergi ke tempat yang diadakan perjumpaan-perjumpaan tarekat tertentu dan membawa air pulang untuk diberi minum, untuk anak dan isteri. Jadi apakah JAKIM menyedari perkara ini dan mengambil tindakan-tindakan tertentu turun bersama dengan Kementerian Pengajian Tinggi bagi membendung masalah supaya akidah umat Islam kita terus terjamin di dalam negara kita. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya rasa kalau Yang Berhormat daripada Kuala Krau tunggu saya habis, saya rasa boleh selesai masalah itu. Jadi saya terus soal. Jadi hendak ringkaskan masa susah. Lagi sedikit. Jadi biar saya jelaskan dahulu, kalau tak merangkumi penjelasan saya baru timbulkan soalan. Masih dalam edah lagi ini. Edah menjawab. Nanti dulu ya, sabar, tetapi terima kasihlah kerana terlalu sayangkan agama Islam. Maknanya peka dengan apa, sensitif dengan ajaran-ajaran sesat, perlu dibasmi. Terima kasihlah. Saya ucap tahniah jadi rakan JAKIM saya rasa sangat setia. Ya, terima kasih.

Dalam menangani ajaran-ajaran sesat yang telah disenaraikan dalam sisipan baru-baru ini, dan telah iaitu Yang Berhormat daripada Kuala Krau telah menimbulkan semasa perbincangan, JAKIM dan juga JAIM tidak menghadapi banyak masalah sebenarnya dalam mengambil tindakan iaitu sama ada berupa nasihat ataupun penguatkuasaan undang-undang. Jadi mungkin orang kita tidak masuk dalam tindakan nasihat itu. Nasihat pun kita rasa sudah ambil tindakan itu. Tindakan nasihat. Cuma apabila kita sibuk sebut tindakan itu, biasanya penguatkuasaan undang-undang, saya rasa itu yang jadi terlalu keras sangat. Sebab dalam pendekatan kita, pertama kita nasihat dahulu. Kemudian kalau nasihat tidak dengar, jadi kena mengambil tindakan undang-undang. Jadi dalam tindakan penguatkuasaan undang-undang, ia memerlukan kepada penyiasatan yang rapi. Tidak boleh ada dakwaan sahaja terus tangkap, terus bicara, hukum sahaja. Tak boleh. Ia memerlukan kepada penyiasatan yang rapi dan bukti yang kukuh serta mencukupi sebelum ianya di bawa ke mahkamah untuk proses pendakwaan. Itu proses biasalah dalam enakmen pentadbiran undang-undang Islam.

Dalam proses tindakan penguatkuasaan juga, JAKIM dan juga JAIM sentiasa mendapat kerjasama. Tidak banyak masalah juga daripada pelbagai agensi keselamatan kerajaan daripada polis, daripada pihak-pihak tertentu dan juga lain-lain agensi mengikut bidang kuasa masing-masing. Kemudian juga kita mendapat maklumat yang baik daripada orang ramai. Jadi apabila nasihat tidak didengar, maka penguatkuasaan akan dilaksanakan iaitu dengan mengambil bukti-bukti. Jadi pembuktian itu sangat mustahak sebelum dibawa ke muka pengadilan di Mahkamah Syariah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dia memang begitu prihatin berhubung dengan isu-isu yang berlaku Tuan Yang di-Pertua.

■1550

Walau bagaimanapun rakyat melihat bahawa reaksi daripada kerajaan berhubung dengan isu-isu ajaran sesat ini begitu lembap iaitu perlu diberi kaunseling, nasihat kemudian buat *enforcement*. Jadi itu sebab dalam negara kita berleluasa ajaran sesat ini, sebab tidak ada tindakan yang drastik. Seharusnya enakmen kita ini diubah iaitu apabila dia disyaki ada pengikut, ada saksi, maka tidak perlu lagi mengambil waktu yang begitu lama baru diambil tindakan.

Apa yang rakyat mahu, ada yang berlaku begini dicegah dengan tindakan yang drastik, sebab kalau tidak ianya macam bara api kecil-kecil nampak bukan ancaman tapi apabila sudah besar ianya menjadi musuh yang merbahaya, ini ajaran sesat ini. Daripada kumpulan yang kecil tapi jika dibiarkan jadi ia merebak, sehingga hari ini macam Ayah Pin ini sudah lama, tetapi baru diambil tindakan dan akhirnya tidak ada juga undang-undang yang boleh didakwa kepada beliau ini, jadi inilah yang rakyat keliru. Minta penjelasan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Sebenarnya Ayah Pin adalah dari Besut di kawasan saya Batu 13. Sekarang ini pusat pengembangan ajaran 'sky kingdom' ini ataupun 'kerajaan langit' ini telah pun dihancurkan sebenarnya dengan bantuan daripada penguasa tempatan. Sebab itu saya kata kita daripada JAIN memerlukan kerjasama yang erat.

Dalam kes ini, kita menggunakan iaitu penguasa tempatan kerana mereka mendirikan bangunan-bangunan di tanah-tanah yang tidak dibenarkan sebab tanah pertanian. Jadi digunakan peruntukan itu lebih mudah, kalau nak mengharapkan akta dan sebagainya, peruntukan yang diberi oleh Parlimen kepada negeri-negeri sangat terhad kuasanya. Jika dakwa pun tak lebih daripada penjara tiga tahun ataupun denda RM5,000 - itu saja.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: *[Bangun]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Nanti dahulu, nak lepas dulu ni, tak lepas lagi ni.

Jadi apabila kita rasa supaya lebih segera, boleh sebenarnya dengan penguasa tempatan D.O atau siapa pun kuasa tempatan boleh diambil kemudahan itu. Kemudian apabila berlaku pendakwaan dan sebagainya itu proses keadilan dan sebagainya.

Sebenarnya ajaran Ayah Pin ini telah pun selesai. Ayah Pin pun dah tidak ada. Saya tanya pihak polis keselamatan katanya dah tidak ada di Malaysia mungkin dah naik ke langit dah. Bukan, dia pergi ke negara jiran. Jadi kita akan berusaha untuk tangkap dia. Ada juga pandangan daripada tangkap, tak tangkap pun lebih baik lagi, dia tak boleh balik. Kalau tangkap kita dakwa paling banyak pun penjara tiga tahun, denda RM5,000 sahaja lepas itu dia akan keluar, bebas. Jadi kalau dikejar macam ni dia tidak boleh balik.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak bolehkah ditukar enakmen itu? Sebab terlalu longgar dakwa, penjara lima tahun dia keluar, kalau boleh jika dia didapati bersalah penjara 20 tahun.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tidak boleh itu peruntukan yang diberikan kepada enakmen itulah..

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tak, kita boleh bawa ke Parlimen kita ubah.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Mana yang sekarang ini pun nak bawa penyelarasan pun tak selesai-selesai lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa masalah besar dia?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ini timbul banyak masalah lagi, biar dululah kita penyeragaman dulu. Jangan tiga tahun nak pergi ke 20 tahun lagi besar masalahnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri banyak lagi?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tak panjang tapi diganggu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kena jagalah supaya jangan diganggu.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya boleh bantu Yang Berhormat.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Banyak peminat nanti saya tak popular pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lepas inilah tak payah minta lagi Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini adalah perkara yang tertentu. Perkara yang melibatkan orang ramai dan perlu ia disegerakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak perlu disegerakan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Perlu disegerakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak perlu Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ini adalah kepentingan ramai yang melibatkan majoriti rakyat negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, apakah perkara. Soalan, soalan?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Soalan saya mudah saja. Saya dapati JAKIM selalu, tiap-tiap kali saya tanya Yang Berhormat akan beri jawapan yang sama. Ada ajaran sesat sana ada ajaran sesat sini, kita boleh katakan senarai ajaran sesat, tetapi saya tahu pihak JAKIM dia pun ada had-had tertentu.

Apakah pihak JAKIM tidak boleh menasihati kerajaan negeri tadi. Ini senarai kita ada terus saja ambil tindakan. Misalnya saya beri kepujian kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat cukup, cukup.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Kerajaan Negeri Selangor..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: ... yang mengambil tindakan ke atas ajaran Abbuya ini. Jadi ini satu tindakan yang baik yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Jadi apakah sekarang JAKIM merasakan bahawa kita sudah ada senarai, jadi kenapa tidak terus saja *ban* saja ajaran-ajaran ini. Sekian, terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya boleh sampaikan makluman kumpulan ajaran sesat yang telah diambil tindakan oleh JAKIM melalui nasihatnya dan juga pengaruhnya kepada Majlis-majlis Agama Islam Negeri-negeri.

Ajaran Ariffin Mohamad di Besut iaitu Ayah Pin tadi telah diambil tindakan iaitu sudah selesailah saya anggap, cuma dalam peringkat pendakwaan di mahkamah dan sebagainya. Amalan perbomohan Cakra Alam. Amalan yang ketiga, amalan perbomohan Ibrahim Mat Zin, Kumpulan Al-Arqam Rufaqa' mungkin apa yang ditimbulkan itu Rufaqa'.

Kita telah panggil beberapa kali iaitu pemimpin-pemimpin Ruffaqa' ini ke JAKIM kemudian kita menasihati, kemudian mereka masih berhasrat untuk mendirikan kerajaan Bani Tamin, nampaknya dengan jelas dan kita akan laporkan kepada pihak berkuasa iaitu pihak keselamatan negara.

Saya ucap terima kasih banyak kepada rakan kita di Selangor yang telah begitu gigih untuk menangani perkembangan Ruffaqa' ini di Selangor dan juga rakan-rakan lain di negeri-negeri di bawah JAIN.

Begitu juga ajaran Kahar Ahmad di Selangor, ajaran Haji Ghazali di Selangor, ajaran Haji Banuar dan juga ajaran-ajaran lain. Jadi saya rasa kita telah ambil tindakan.

Sebab itu saya katakan tindakan kita kalau nak mendakwa itu memerlukan bukti-bukti. Bukan senang kita nak ambil tindakan apabila ada pengaduan terus mengambil tindakan, saya rasa tidak boleh begitu. Kita ambil bukti kemudian, kalau ada bukti yang cukup kita akan dakwa, membuat dakwaan sebagaimana yang telah terbukti dalam ajaran Ayah Pin dan lain-lain lagi.

Saya terus, Yang Berhormat daripada Gerik telah menimbulkan bahawa Lembaga Tabung Haji pernah berjanji untuk mengeluarkan sijil kepada jemaah haji, beliau berharap janji dapat dilaksanakan.

Sebenarnya janji ini telah pun ditunaikan pada tahun lepas, sijilnya telah kita keluarkan dan mungkin sesetengahnya belum sampai lagi. Katanya semua telah pun dihantar, iaitu kita tidak namakan sebagai mana yang dikehendaki iaitu Sijil Mengerjakan Haji. Kita namakan Sijil Penyertaan macam tamat kursuslah, kalau haji itu, jadi nak beri itu saya rasa biar maknanya haji yang mabrur dan sebagainya itu sendirilah. Jadi kita berikan kepadanya dan kita telah catatkan "Lembaga Tabung Haji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada..." nama yang akan ditulis "... di atas penyertaan tuan/puan dalam rombongan Haji Malaysia Musim Haji 1427 Hijrah bersamaan 2006 Masihi semoga tuan/puan dikurniakan haji mabrur." Itu di antara *wording* yang telah dicatatkan, dah ada.

Jika ada Yang Berhormat belum menerima lagi sijil, yang pergi haji pada tahun lepas bolehlah memberitahu Tabung Haji kemudian kita akan keluarkan semula.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Itu yang dah pergi haji Yang Berhormat. Tadi sebelum saya masuk Dewan ini saya terima panggilan telefon daripada orang kawasan saya.

Saya nak tanya pada Yang Berhormat apakah timbul lagi masalah kuota bilangan jemaah kita yang nak ke Mekah untuk menunaikan haji. Kerana tadi saya menerima panggilan meminta bertanyakan dia dah dipanggil untuk bertolak, tapi ditarik balik surat tawaran.

Jadi apakah ini masih lagi melibatkan berlaku masalah bilangan haji kita yang hendak pergi ke sana, kalau ini masih berlaku apakah hubungan kita dengan Kerajaan Arab Saudi bagi menyelesaikan masalah ini, kerana ini masih lagi berterusan setiap tahun dan ini

membimbangkan, menjejaskan nama baik Tabung Haji itu, jika ini berlaku. Apakah masalah bilangan kuota ini yang kita hendak hantar jemaah kita ini masih lagi berlaku dan apa tindakan pihak Tabung Haji?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Kuota memang berlaku. Kuota sejak dulu lagi telah ditetapkan oleh Mesyuarat Negara-negara OIC iaitu menentukan kuota 0.1% daripada jumlah penduduk.

■1600

Jadi di Malaysia 26 juta, kita mendapat 26 ribu kuota rasmi. Jadi Alhamdulillah maknanya benda itu dapat. Kalau ada perkara-perkara seperti yang dibangkitkan Yang Berhormat bagi Larut tadi boleh hubungi saya ataupun pihak Tabung Haji dan kalau kes-kes terencil sebegini boleh kita selesaikan.

Jadi saya suka menyatakan bahawa tahun ini tidak ada masalah. Tahun ini Alhamdulillah tidak ada masalah, mencukupi. Maknanya kuota yang diperuntukkan telah mencukupi dengan kehendak mereka yang ingin mengerjakan haji. Jadi saya rasa tidak timbul masalah besar.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat. Kita tahu negara-negara Islam lain yang memiliki umat Islam negara-negara jiran kita, mereka tidak menghabiskan kuota yang diberikan. Boleh tidak kita berbincang dengan pihak negara Arab ini untuk mengambil kuota mereka dan saya tahu memang tidak boleh, tapi tidakkah ada satu keadaan lain? Barangkali ini tidak akan timbul kesulitan untuk rakyat kita terutamanya yang hendak mengerjakan ibadah haji ini.

Apakah tidak ada satu cara atau pendekatan supaya kuota daripada negara lain dapat digunakan untuk kita bagi membolehkan lebih ramai rakyat kita lagi mengerjakan haji. Kita tahu Yang Berhormat kadang-kadang mereka sudah berumur dan itulah masa mereka ada duit. Tak dapat pergi tahun ini, tahun depan Wallahualam Yang Berhormat apa yang akan berlaku pada mereka. Jadi mungkin salah satu usaha boleh kita buat kerana kita terkenal dengan memimpin OIC. Barangkali kita boleh menggunakan pendekatan ini Yang Berhormat untuk memberi satu jaminan sebab kita tidak mahu kes-kes yang seperti ini, yang kecil akan menjejaskan kepada Tabung Haji. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat saya hendak sambung mengenai kuota. Tidak ada hubung kait dengan kuota.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: *[Bangun]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Nanti, saya jawab dulu. Mungkin dengan jawapan saya boleh selesai jawapan Yang Berhormat. Saya jawab dulu, kalau tak selesai saya beri peluang. Saya hendak menceritakan...

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Saya hendak menambah Yang Berhormat bagi Larut Yang Berhormat. Sikit saja.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Nanti saya jawab boleh selesaikan soalan Yang Berhormat. Baik untuk menjimatkan masa, sebab apa Tuan Yang di-Pertua sangat jaga masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat kita ada 28 kementerian.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya sangat prihatin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Setakat ini satu kementerian belum selesai lagi.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okey, baru *start* hari ini Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kita ada empat hari saja.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okey. Saya hendak terangkan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua harap bersabarlah.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Berbagai cara telah kita gunakan, tetapi ada yang boleh disiarkan dan ada yang tidak boleh disiarkan. Saya rasa mafhumlah. Dengan itu sebab itu saya menggunakan 26 ribu kuota rasmi kita, saya rasa faham makna dan *stop* situ.

Jadi banyak perkara telah pun selesai dan telah pun diambil inisiatif. Pada tahun ini saya suka memberi jaminan tidak ada masalah-masalah besar. Kalau ada kes-kes terpencil tadi boleh kita selesaikan. Boleh saya terus dan makna bereslah.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Cuma Yang Berhormat, sikit saja.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okeylah bagilah peluang lagi.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Persoalannya begini Yang Berhormat, sama dengan Yang Berhormat bagi Larut. Macam keluarga saya telah menerima bahawa 30 November dan lapor diri pada tujuh pagi, KT 54 untuk 11 orang dan semua sudah selesai tapi di akhir-akhirnya dan semalam telah terima surat bahawa dibatalkan. Mengapakah berlaku setelah mendapat KT 54, telah diberi tawaran dan apa sebabnya dibatalkan di saat-saat akhir tidak dapat menunaikan haji pada tahun ini? Apakah sebab yang berlaku demikian Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Mengenai kuota juga, mengenai untuk pergi menunaikan fardu haji. Setengahnya syarat dan peraturannya kalau isteri atau perempuan mesti bersama dengan muhrim, bersama dengan suami, bersama dengan adik-beradik lelaki dan sebagainya. Malangnya isteri dapat, memohon bersama iaitu suami memohon bersama dengan isteri, isteri dapat menunaikan atau dapat surat tawaran menunaikan fardu haji, tetapi suami tidak dapat.

Adakah ini tidak ada rekod-rekod tertentu dalam permohonan untuk dikemaskinikan supaya yang hendak pergi menunaikan fardu haji ini boleh bersama dengan muhrim yang telah ditetapkan. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya rasa *pendetailan* itu kita rujuk dan pegawai saya daripada Tabung Haji akan mencatatkan masalah-masalah itu dan akan cuba diatasi segera keadaan misalnya sebagaimana yang ditimbulkan Yang Berhormat bagi Padang Terap tadi, 11 orang sudah hendak berangkat dan tiba-tiba dibatalkan. Jadi saya perlu mengetahui dan saya rasa pihak pegawai saya akan mencatatkan daripada Tabung Haji. Begitu juga dengan yang hendak pergi bersama muhrimnya, tiba-tiba suami dapat pergi dan isteri tidak dapat pergi ini menimbulkan masalah ataupun pergi kapal yang berbeza. Jadi saya rasa pengurusanlah, *pendetailan* ini dan saya minta kalau ada masalah boleh beritahu kita dan hubungi dan kita cuba selesaikan. Sekarang masih boleh lagi diselesaikan masalah-masalah terpencil tadi.

Saya rasa masalah dasar sudah pun dijelaskan. Jadi saya teruskan. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pasir Mas.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okey.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang telah diterangkan tadi dan saya kaitkan sedikit dengan kursus-kursus Tabung Haji. Bagi saya sendiri sebenarnya saya berpuas hati dengan perjalanan kursus-kursus sepanjang dilakukan oleh pihak Tabung Haji kepada peserta-peserta.

Tinggal lagi saya lihat barangkali isi ataupun modul kursus itu sendiri perlu diperbanyakkan dan dipertingkatkan sedikit dengan mengambil masa yang begitu banyak daripada awal. Jangan lima, enam bulan naik haji baru kita mulakan kursus. Kalau dapat Yang Berhormat, kursus ini dibuat seawal-awalnya dan mukadimah kursus itu ditekankan kepada pengenalan Islam. Saya tidak nampak itu. Ditekankan kepada pengenalan Islam, kasih sayang kepada Islam, dulu sebelum masuk kepada haji kerana kadang-kadang orang kita dia tahu haji tetapi Islam itu sendiri dia belum lagi. Walaupun dia menganut Islam, barangkali kerana dia masa belajar, dia tertinggal. Dia pergi haji dalam keadaan dia tidak mengenali sepenuhnya tentang Islam. Mahul Islam.

Saya rasa kalau buku kursus itu diambil lima helai dulu misalnya, terangkan dulu tentang Islam, tentang akidah kemudian baru masuk tentang haji. Kadang-kadang begini Yang Berhormat, bila dia sudah tawaf, sai dan sudah segala-galanya dengan tawaf widak dia balik. Sampai saja di Jeddah Yang Berhormat dia buang kain, buang tudung. Ertinya dia kenal haji tapi dia tidak kenal Islam sama juga dia kenal sembahyang tetapi tidak kenal Islam. Dia sembahyang, dia sembahyang tetapi Islam dia tidak kenal, ini masalah juga.

Sesampainya di Jeddah dia buang semuanya, tudung dan sebagainya dan bagi laki-laki pun lebih kurang dan bagi perempuan saya tengok lebih lagi. Kerana itu saya rasa kursus ini mesti dimantapkan dengan Tasawur al-Islam ini yang pertama sekali, kemudian masuklah bab haji.

Yang kedua Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih di waktu saya pergi haji dua tahun lepas walaupun saya daripada parti pembangkang saya diminta juga untuk memberi ceramah di Mina. Saya beritahu saya kata, tak apa ustaz cumanya ada beberapa peraturan dan saya patuh pada peraturan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Sikit saja, saya hendak *confirm* balik. Jadi seboleh-bolehnya Tabung Haji mengambil kesempatan daripada senarai-senarai yang 'hudjai' itu, mereka dapat senarai-senarai ini ustaz-ustaz profesional, dari kalangan-kalangan universiti dan sebagainya ambil dia dan beri ceramah dengan panduan-panduan tertentu masa mereka berada di Mina kerana di waktu itulah sebenarnya untuk melahirkan rasa sedar dan rasa insaf dengan orang-orang yang tertentu dan sudah dapat kita kenal pasti daripada senarai-senarai daripada yang ada di tangan kita.

Jadi saya rasa kalau Yang Berhormat berbuat sedemikian saya rasa itu lebih indah dan lebih wajar kepada jemaah haji kita yang mereka guna duit sebegitu banyak untuk mengikuti sehingga haji mereka sempurna. Terima kasih Yang Berhormat.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Mas yang telah mencadangkan dua perkara iaitu pengenalan Islam dimasukkan juga dalam modul kursus haji serta memberi peluang kepada penceramah-penceramah jemputan semasa mereka berada di Mina dan Tanah Suci.

Jadi respons saya kalau yang pertama saya rasa tidak boleh adakan daripada awallah. Maknanya sebab apa kursus Tabung Haji ini biasanya bagi yang mereka yang telah pun...

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: *[Bangun]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Nanti sekejap saya habiskan dulu. Kursus Tabung Haji yang kita sediakan untuk ibadah haji sahaja. Sekarang ini ada orang kritik juga.

■1610

Katanya dua jam boleh selesai kursus Tabung Haji tapi kalau tambah banyak lagi saya rasa dua minggu atau dua bulan tidak boleh selesai. Jadi *point* saya, saya hendak pergi kepada yang kata dua jam kursus haji.

Saya menganggap bahawa kita perlu fokus dalam kursus itu kepada ibadah haji sahaja. Sebab tanggungjawab mendidik itu bukan masa mengerjakan haji itu saja. Masa lain juga adalah banyak institusi-institusi adalah bertanggungjawab untuk mendidik masyarakat. Kalau di sekolah zaman sekolah menengah kemudian tempat kerja dan sebagainya. Banyak institusi yang perlu mainkan peranan.

Jadi masa yang terhad apabila dipilih baru kita adakan dan mulakan dengan kursus tadi. Mereka yang ada potensi untuk mengerjakan haji kita adakan kursus jadi mereka ikut. Jika daripada awal lagi belum tahu ada potensi ke, ada dapat hendak jadi bakal calon jemaah haji. Jadi sebab itulah kita merasakan bahawa masa yang diperuntukkan itu sudah hampir dengan

pemilihan maka kita beri peluang kepada pra kursus di peringkat mukim, kemudian di peringkat daerah dan kemudian kemuncaknya ialah di peringkat perdana iaitu negeri-negeri kita adakan Kursus Perdana Jemaah Haji. Jadi saya rasa kalau hendak tambah lagi kurikulum itu kita kena siasat dululah dari segi boleh ataupun tidak melaksanakannya.

Yang kedua di Mina, saya begini....

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: *[Bangun]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Sikit saja hendak selesaikan dulu yang ini. Di Mina saya tidak mahu memberi ruang yang begitu luas sebab apa menurut kaedah di Saudi apabila kita berada untuk mengerjakan haji kita fokus kepada ibadah haji sahaja. Jangan sibuk lagi benda-benda lain. Soal ekonomi Islam, soal pemerintahan Islam dan sebagainya, itu kemudian. Itu kita fokuskan di situ saja. Tak bolehlah kita hendak kecamukan fikiran jemaah haji kita dengan menimbulkan isu-isu yang lain daripada apa yang kita fokuskan.

Pengalaman saya, saya ikut dengan Saudi iaitu dengan Rabita. Jadi dia fokus dengan betul-betul, maknanya cara, macam mana fadilat-fadilat untuk mengerjakan ibadah haji sebelum pergi ke Arafah kemudian di Mudzaliyah kemudian di Mina. Jadi pendetailan itu adalah sangat mustahak. Jadi kalau kita pilih penceramah-penceramah bebas tadi takut dia lanyak ikut sedap saja, jadi ini yang kita bimbangkan. Okeylah, jadi saya rasa boleh dipertikaikan, saya rasa tak apa kita boleh pertikaikan.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya hendak perbetulkan sikit Yang Berhormat. Maksud saya pun...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jawapan Menteri tu cukuplah. Lengkaplah tu.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Maksud saya bukan begitu Yang Berhormat. Kerana itu saya katakan bahawa disiplin ataupun syarat-syarat tertentu yang saya katakan tadi di mana penceramah itu bukan kita mengambil semua penceramah dan semua tajuk-tajuk yang kita benarkan. Misalnya kita kata roh haji. Kadang-kadang kita tengok orang kita pergi haji tapi roh haji tidak ada, roh semangat.

Contoh Tuan Yang di-Pertua, contoh yang paling besar misalnya kalau kita tukar daripada pakaian biasa kepada pakaian haji. Pakaian haji ini pakaian yang di atas putih dan bawah putih ini menggambarkan satu suasana perpindahan. Dari segi roh kita mengingati kepada mati, sebelum daripada kita mati kita mengingati mati. Saya rasa aspek-aspek ini mesti ditekankan supaya sehingga barangkali kalau ada penceramah-penceramah kita yang bijak, yang pandai, yang sedap dengar perkataan dan hujah barangkali pada waktu itulah datangnya keinsafan Yang Berhormat.

Saya tidak katakan masalah-masalah ekonomi, saya tidak katakan masalah yang lain. Masalah yang sekitar *[Bercakap dalam bahasa Arab]* tapi kita pilih daripada penceramah-penceramah yang kita rasa bila dia bagi ceramah pada hari itu kita tengok bagaimana hati para

'hujad' kita ini terusik pada waktu itu. Barangkali dia balik dengan suatu kesan yang begitu mendalam dan ada suatu perubahan yang akan berlaku dalam kehidupan yang akan membawa kepada persekitaran juga akan berubah dengan berubahnya dia, insya-Allah. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya rasa dari segi prinsipnya boleh diterima dari segi pelaksanaan itu memerlukan *pendetailan*. Maksud saya bukan takut sangat orang nak ceramah. Nak ceramah, ceramah tak apa, tapi nanti kadang-kadang apabila semangat itu kerana tidak ada teks dan sebagainya ia pergi ke lain. Mukadimah, tajuknya lain, sudah pergi ke lain, jadi saya bimbang begitu.

Roh haji mulanya bukan main lagi dengan mukadimahnya baik kemudian di tengahnya, isinya, ekornya sudah ke lain. Jadi saya bimbang itu, jadi tidak payah *touch switch* kita menimbulkan kecelaruan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya setuju sangat apa yang sudah dibuat oleh Lembaga Tabung Haji sudah terbaik. Yang ada ini teruskan, orang hendak beribadat dia tak nak lain lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Ini cadangan Yang Berhormat tidak perlu minta penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan, saya hendak menyokong jawapan Yang Berhormat Menteri supaya apa yang dah baik ini diteruskan saja, tidak payah hendak tambah lain-lain seperti mana Yang Berhormat Menteri kata mencelarkan fikiran. Orang hendak beribadat dekat sana di Mina, di Arafah semua orang hendak beribadat, orang tahu dan dia sudah Islam, kita yakin dan bersangka baiklah mereka sudah penuh dengan semangat keislaman dan insafiah baru sampai ke Tanah Suci. Jadi apa yang ada sekarang ini Yang Berhormat Menteri teruskan. Tahniah Tabung Haji.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Lipis masa sudah cukup mahu tanya lagi?

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Satu pertanyaan saja. Yang Berhormat Menteri, jadi selain daripada haji ini ada juga umat Islam di sini mengerjakan umrah. Jadi saya dimaklumkan ada kalanya visa untuk mengerjakan umrah ini sukar hendak dapat dan ada rakan-rakan saya yang memberitahu saya bahawa mereka terpaksa menukar jadual.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Visa itu Arab Saudi keluar bukan Tabung Haji punya kuasa.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Jadi saya dimaklumkan bahawa visa di Malaysia ini dikawal oleh satu-satu organisasi. Walaupun dikata tadi Arab Saudi yang mengeluarkan tapi dikawal oleh satu-satu organisasi.

Jadi saya mohon penjelasan mengenai perkara ini dan adakah syarikat-syarikat pembekal perkhidmatan untuk mereka yang mengerjakan umrah ini berdaftar dengan Tabung Haji dan bagaimana Tabung Haji mengawal kualiti syarikat-syarikat ini agar tiada penipuan, salah janji dan sebagainya. Mohon penjelasan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya suka menyatakan di Dewan yang mulia ini umrah bukan tugas Tabung Haji, banyak orang tak tahu. Ia berdaftar di Kementerian Pelancongan, syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan untuk mengerjakan umrah. Jadi kita hanya Tabung Haji, jadi itu yang berlaku.

Apabila banyak berlaku kekecohan, ramai orang *refer* kepada Tabung Haji, ramai orang suruh selesaikan menurut yang biasa di lakukan pada haji. Sebenarnya umrah di bawah bidang kuasa Kementerian Pelancongan. Jadi apa yang ditimbulkan dulu saya rasa sudah pun selesai monopoli syarikat tertentu dan sedang disiasat dan akan diambil tindakan saya difahamkan begitu. Terima kasih.

Seterusnya Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [*Bangun*]

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okey.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ada dua perkara yang hendak disampaikan. Banyak rungutan daripada pencarum-pencarum Tabung Haji seolah-olah Tabung Haji tidak menghormati orang-orang yang sudah lama mencarum di Tabung Haji lebih-lebih lagi mereka sudah lama menyimpan di Tabung Haji ada yang sampai ratusan ribu ringgit di dalam Tabung Haji.

Contohnya apabila baru-baru ini *listing* TH Plantation, mereka-mereka ini tidak langsung ditawarkan *form*. Walhal mereka ini taat dengan Tabung Haji, caruman, simpanan semua di Tabung Haji. Bila hendak di *listing* anak syarikat Tabung Haji, mereka ini tidak dipelawa.

Yang kedua, saya juga dapat rungutan daripada bekas-bekas pekerja Tabung Haji. Ada di antara pengarah-pengarah Tabung Haji yang peringkat awal pada hari ini dah jual air tebu di tepi jalan kerana mereka tidak dapat pencen, mereka juga tidak dapat *gratuity* yang setimpalnya. Jadi saya lihat Tabung Haji ini lupa kepada mereka dan mereka melahirkan kekesalan mereka pada kami kerana seolah-olah tidak langsung menghargai pengorbanan orang-orang lama di dalam Tabung Haji. Jadi bagaimana Yang Berhormat? Banyak kalau hendak saya kumpulkan, saya boleh kumpulkan mereka-mereka ini. Ada yang duduk di Kuala Lumpur hari ini menjual di gerai, ada yang menjual air tebu di tepi jalan. Dulu pengarah di Tabung Haji, tetapi oleh kerana selepas pencen, tidak ada pencen, EPF pun berapa tahun saja dipotong kerana di peringkat awal itu kita lihat pengurusan Tabung Haji kucar-kacir, EPF tidak dipotong dan sebagainya, akhirnya apabila pencen *gratuity* yang dia dapat ini tidak dapat menyambung persaraan mereka. Yang Berhormat Menteri kalau dapat melihat perkara ini. Terima kasih.

■1620

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Mat Zin: Terima kasih Yang Berhormat dari Jasin yang telah menimbulkan soal kebajikan pekerja-pekerja atau pun kakitangan, pegawai-pegawai Tabung Haji. Suka saya menyatakan dalam skim baru perkhidmatan Tabung Haji sebenarnya lebih baik daripada kakitangan awam atau pun kerajaan, sebab dia adalah merupakan GLC dan skim yang baru. Skim yang dulu saya tidak tahu, cuma saya difahamkan kalau setengah-setengah Pengarah, dia ada jawatan tetap dengan Tabung Haji dan dia ada jawatan kontrak. Takut yang jawatan kontrak itu, dua tahun dari segi *performancenya* tidak begitu baik, kemudian mereka terkeluar, tersingkir dan sebagainya saya tidak tahu.

Jadi saya rasa satu pandangan yang baik kalau ada boleh sampaikan maklumat itu kepada saya dan saya minta pihak Tabung Haji melihat macam mana tidak ada jaminan dan sebagainya dan kalau boleh kita selidiki. Soal dapat memberi borang *pink* dan sebagainya itu, saya rasa sudah pun berlalu. Saya rasa mungkin kita akan tengok semulalah kalau ada penyenaian yang lain. Yang lepas itu saya rasa kita dah bincang dahulu, dan perkara itu dah berlangsung terlalu lama. Saya rasa yang kedua itu boleh bagi tahu kita. Kita akan jumpa Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Menteri, sedikit tentang urusan ini. Tuan Yang di-Pertua apa khabar? Yang Berhormat Menteri saya sebenarnya ingin memberi satu cadangan. Urutan daripada apa yang dibangkitan oleh Yang Berhormat bagi Jasin. Saya ingat perkara yang sama dibincangkan dan saya juga mendapat aduan yang sama, bekas Pengarah Tabung Haji Melaka. Saya lihat dari segi prestasinya memang menjangkau apa juga angka tunjuk prestasi yang ada di Tabung Haji, tetapi hari ini setelah bersara, mereka seolah-olah dilupakan.

Saya ingin memberi cadangan kepada Yang Berhormat supaya Pengarah-pengarah, Penolong-penolong Pengarah ini, mereka semuanya mempunyai pengalaman yang begitu luas, dan mendalam tentang selok belok pengurusan dan pentadbiran kerja-kerja haji itu sendiri. Jadi kalau boleh pihak Yang Berhormat cuba mengambil peluang, atau pihak Kementerian mengambil peluang ini untuk menggunakan mereka ini sebagai pakar-pakar rujuk, bagi mengurangkan masalah serta kerenah yang timbul di Mekah ketika pekerjaan haji. Ini mungkin akan menyelamatkan pihak kementerian dari segi menggunakan pakar-pakar baru yang memperkenalkan kos yang lebih tinggi daripada harga pasaran. Saya ingin mencadangkan demikianlah kerana mereka ini memang ada buka gerai, warung di kantin Balai Polis Banda Hilir Melaka ada seorang Pengarah, dia jual roti canai dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Mat Zin: Saya rasa kita ambil perhatian apa yang ditimbulkan dan saya rasa pegawai akan mencatatkan itu dan kita akan tengok tindakan selanjutnya. Terima kasih. Saya teruskan kepada dua isu sahaja yang kecil dan saya rasa boleh

tamatkan dengan segera kalau sekiranya lepas, iaitu Ahli Yang Berhormat daripada Gerik juga telah menimbulkan iaitu beliau bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Sri Gading untuk memberikan kuota 10 orang ahli jemaah iaitu bakal jemaah agaknya, kepada Ahli Parlimen untuk setiap kawasan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua. Ahli-ahli Parlimen boleh mengemukakan rayuan untuk mengerjakan haji dalam tahun semasa yang diterima daripada kawasan masing-masing untuk pertimbangan pihak Tabung Haji. Selanjutnya tertakluk kepada tempoh masa jadual kerja urusan haji. Jadi maksudnya di sini, apa yang saya maksudkan itu sekarang saya kata tidak ada masalah. Semua yang dihantar kepada saya daripada Ahli-ahli Parlimen telah saya ambil kira, cuma mungkin setengahnya di waktu terakhir belum lagi dimasukkan ke dalam komputer, jadi saya rasa bersabar dahulu. Ramai Ahli-ahli Parlimen telah jumpa saya dan mengucapkan terima kasih di atas tindakan itu. Saya rasa tidak timbul masalahlah. Sebab itu saya kata pengurusan haji pada tahun ini, kuota dan sebagainya tidak ada masalah.

Seterusnya Yang Berhormat daripada Gerik juga telah mencadangkan agar Ahli Parlimen apabila menunaikan haji dapat tergolong dalam kategori kumpulan rombongan am yang mendapat keistimewaan. Sebenarnya rombongan am pun tidak dapat keistimewaan, serupa, kadang-kadang terkandas, maknanya pada tahun lepas rombongan am terkandas kerana masa hendak balik masuk dalam kumpulan Taratuddiah atau pun macam *shuttle* bas. Kalau jemaah haji sampai awal, yang muassasah, yang dia tidak sampai awal, banyak masalah.

Jadi untuk jawapan saya dalam menunaikan haji beberapa pakej ada ditawarkan oleh anak syarikat Tabung Haji seperti Haji *Travel and Services*, dan juga agensi-agensi pelancongan yang dilesenkan. Jadi agensi yang mendaftar dengan Tabung Haji untuk urusan haji, kalau umrah dengan Kementerian Pelancongan. Ahli-ahli Yang Berhormat boleh memilih mana-mana perkhidmatan yang difikirkan sesuai, bergantung kepada jumlah kuota petugas haji yang telah diluluskan oleh Kerajaan Arab Saudi. Mungkin satu atau pun dua tempat boleh dipertimbangkan untuk mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang berhasrat untuk menyertai rombongan Tabung Haji. Itu boleh dipertimbangkan oleh kerana tempatnya sangat terhad dan kena bergilir-gilirlah, kena sabar menunggu.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita hendak tahu pembahagian kepada agensi-agensi lain untuk menunaikan umrah dan menunaikan haji. Kadang-kadang banyak syarikat merungut bahawa mereka mendapat kuota yang terlalu sedikit sampai merugikan mereka kadang kalanya. Bagaimana bentuk pembahagian jemaah haji yang telah diagih-agihkan kepada agensi-agensi yang telah pun mendaftar dengan Tabung Haji atau TH.

Satu lagi Yang Berhormat Menteri, berapa banyakkah mutawif yang telah ditugaskan semasa umrah dan haji. Kita dapati bahawa ramai daripada mereka itu bukan orang-orang

Malaysia, tetapi terdiri daripada orang-orang Indonesia dan sebagainya. Kenapa berlaku demikian? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Mat Zin: Pengagihan kepada syarikat-syarikat ini berdasarkan kepada prestasi syarikat. Syarikat yang telah lama beroperasi, menunjukkan komitmen yang tinggi, pengurusan yang baik kita mungkin akan tambah dari segi jumlahnya dan tidak dikenakan beberapa tindakan. Setengah-setengah syarikat ada melakukan beberapa pelanggaran, janjinya lain kemudian apabila melaksanakan, apabila terima dan semasa operasi hajinya di Mekah diberikannya tempat yang tidak munasabah, atau pun servisnya tidak bagus, ada banyak pengaduan, jadi kurang kurangkan, kerana kemampuannya adalah terhad. Itulah secara kasarnya pengagihan kita. Kalau prestasi baik dan masa begitu lama dia menguruskan ibadah haji begitu mantap, jadi kita akan tambah. Kalau yang baru kita beri sedikit dulu, kemudian apabila prestasinya baik kita akan tambah. Jadi berdasarkan kepada beberapa kriteria yang telah saya sebut secara kasar itu.

Jadi mutawif daripada Tabung Haji kita sediakan berdasarkan jumlah jemaah haji. Jadi biasanya di sekitar 190 orang yang kita istilahkan sebagai kakitangan kebajikan. Dia ada misalnya kakitangan perubatan, perubatan dia tidak mutawif, dia jaga kesihatan dan juga klinik dan juga hospital yang kita dirikan di Mina, Mekah dan sebagainya. Kakitangan petugas kebajikan ini biasanya kita bebaskan mereka, kita tugaskan mereka supaya membawa jemaah haji ini. Saya rasa sekitar 200 orang, tidak banyakkah, berdasarkan kepada 26,000 kuota haji rasmi kita. Sekian, Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya rasa itulah saja perkara-perkara yang perlu saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jasin, cukuplah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Satu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Ini saya nak ucapkan tahniahlah, terima kasih kepada JAKIM...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau sekadar nak ucap tahniah tidak payahlah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sebab, sekiranya kelas takmir Tuan Yang di-Pertua, kelas takmir...

■1630

Pada hari ini kita lihat di Melaka, JAKIM hanya bagi bantuan kelas takmir kepada masjid-masjid. Kelas takmir ini bukan ada di masjid sahaja malah ada di surau-surau. Mengapa tidak akan datang. Cuba fikirkan Yang Berhormat Menteri kalau dapat biayai sekali kelas-kelas takmir di surau-surau kerana pada hari ini kita lihat kita sedang menghadapi masalah sosial yang teruk dan dengan pengajian agama, pendekatan agama mungkin kita akan dapat mengatasi masalah sosial ini.

Oleh yang demikian kita minta supaya Yang Berhormat Menteri dapat memikirkan untuk membantu surau-surau bukan hanya masjid-masjid tetapi surau-surau dibantu untuk mengadakan kelas-kelas takmir ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukup.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Insya-Allah, kita akan ambil perhatian terhadap apa yang ditimbulkan.

Dalam kesempatan ini saya mengambil peluang untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan-soalan dan juga pandangan-pandangan dan mungkin ada sebahagiannya saya tidak dapat menjawab secara langsung. Saya mengucapkan berbanyak-banyak maaf dan walau bagaimanapun saya rasa pegawai-pegawai saya mencatatkan dan akan memberi perhatian terhadap apa yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sekian, terima kasih. .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, sila.

4.31 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dalam peringkat dasar bajet 2008 dan menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam mempersoalkan daya saing negara di peringkat global dalam tempoh beberapa tahun yang akan datang. Untuk makluman Yang Berhormat, laporan IMD *World Competitiveness Year Book 2007* meletakkan kedudukan daya saing Malaysia pada tangga ke-23. Pencapaian ini meletakkan Malaysia sebagai antara ekonomi berdaya saing di rantau ini mengatasi Korea Selatan yang sering dirujuk sebagai model pembangunan negara-negara membangun.

Laporan *World Trade Organization* tahun 2006 meletakkan Malaysia di kedudukan negara pengekspor ke-30 terbesar di dunia dengan jumlah eksport sebanyak USD 21 bilion atau 0.8% daripada jumlah eksport dunia bagi perkhidmatan komersial. Import perkhidmatan pula sebanyak USD 23 bilion atau 0.9% daripada jumlah import dunia. Ini jelas menunjukkan daya saing negara dalam sektor ini.

Sebenarnya pencapaian ini boleh dianggap satu kejayaan yang membanggakan dan kerajaan yakin berdasarkan tahap pencapaian negara selama ini kita dapat mempertahankan dan

memperbaiki kedudukan untuk terus berdaya saya dalam jangka panjang. Semenjak beberapa tahun yang lalu, kerajaan telah mengreliberalisasikan subsektor perkhidmatan sama ada di peringkat serantau atau antarabangsa. Misalnya subsektor *distributive trade services* dengan izin telah diliberalisasikan dengan membenarkan pembekal perkhidmatan asing memegang sehingga 70% ekuiti.

Di peringkat antarabangsa dengan komitmen negara di bawah *general agreement on trade in services* dengan izin peluang telah dibuka kepada pembekal perkhidmatan asing terlibat dalam subsektor seperti *business services, communication services, construction and dilated engineering services, financial services and health related social serves* dengan izin.

Di bawah *Asean Framework Agreement on Services* pula subsektor yang ditawarkan oleh negara adalah seperti *business services, telecommunications, maritime fright holding services, theme parks and whole sale and retail trade* dengan izin.

Berhubung dengan pandangan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bahawa tahun 2008 mungkin sebagai tahun yang penuh dengan cabaran, ketidakpastian, berisiko dan kedudukan ekonomi negara semakin runcing. Sebenarnya kerajaan sentiasa berwaspada dan berhati-hati dalam menguruskan ekonomi negara supaya daya saing dan daya tahan negara sentiasa dipertingkatkan.

Dalam pengurusan dan perancangan ekonomi, berbagai-bagai faktor termasuk juga ketentuan geopolitik dunia, risiko dan cabaran yang memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi turut dipertimbangkan. Pertumbuhan ekonomi dunia dan negara pada tahun 2008 tidaklah segetir seperti mana yang digambarkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor berdasarkan unjuran terkini oleh *International Mutual Fund*, ekonomi global dijangka berkembang kukuh pada kadar 5.2% dan perdagangan dunia pula dijangka meningkat 7.4%.

Pada keseluruhannya kadar pertumbuhan ekonomi negara-negara maju dijangka berkembang lebih baik kepada 2.8% berbanding 2.6% pada tahun 2007. Berdasarkan kepada andaian tersebut dan disertai pula dengan langkah-langkah ke arah memperkukuhkan permintaan agregat dalam negeri, ekonomi Malaysia dijangka berkembang lebih baik kepada 6.3% pada tahun pada tahun 2008 berbanding 6% pada tahun 2007 yang lalu.

Antara strategi yang diambil bagi mempercepatkan pertumbuhan dan menangani risiko serta ketidaktentuan tersebut termasuklah memastikan asas ekonomi negara terus kukuh, meneruskan pengurusan fiskal yang pragmatik, pertumbuhan berasaskan kekuatan dalam negeri, mempertingkatkan daya saing dan daya tahan negara, memperkasa pembangunan modal insan serta menjamin kesejahteraan hidup rakyat yang lebih baik.

Pengajaran dan menangani krisis kewangan Asia 1997, 1998 telah memberi pengalaman amat berguna kepada kerajaan dalam mengurus ekonomi negara secara lebih mapan pada masa akan datang. Kenyataan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bahawa pengusaha kecil dan

sederhana kaum Cina menghadapi tekanan akibat daripada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan DEB menjadi penghalang kepada sektor swasta adalah tidak benar.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dengan strategi serampang dua mata iaitu pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi telah tamat pada akhir tahun 1990. Namun falsafah semangat ekonomi baru terus dilaksanakan di bawah Dasar Pembangunan Negara (DPN) 1991 tahun 2000 dan Dasar Wawasan Negara (DWN) 2001 hingga 2010 bagi memastikan penyertaan yang lebih seimbang dan saksama di kalangan kaum di negara ini. Matlamat akhir Dasar Ekonomi Baru, Dasar Wawasan Negara dan Dasar Pembangunan Negara adalah untuk mencapai perpaduan negara.

Tanggapan Ahli Yang Berhormat bahawa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru gagal dan memberi tekanan kepada bukan bumiputera terutama sekali kaum Cina adalah sama sekali tidak benar dan tidak tepat. Dasar Ekonomi Baru mengamalkan falsafah pembangunan, pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama atau dengan izin *growth with distribution*. Pelaksanaan strategi-strategi asas dasar ekonomi baru iaitu pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat adalah dalam konteks ekonomi yang berkembang bagi memastikan tidak ada kaum merasakan mereka tertinggal.

Untuk makluman Yang Berhormat, walau pun banyak projek kerajaan telah diberikan kepada kaum bumiputera namun hasil yang diperolehi daripada pelaksanaan projek ini adalah agak kecil berbanding dengan keuntungan yang diperolehi oleh pihak bukan bumiputera terutama sekali kaum Cina.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita semua di sini apakah sebab suasana perniagaan di kalangan peniaga dan penjaja sampai sekarang tidak begitu cerah. Mereka memang menghadapi masalah. Walhal pihak kerajaan sudah kata pertumbuhan ekonomi adalah 6.5% apakah sebabnya?

Yang kedua, bolehkah Yang Berhormat memberi angka bahawa penyalahgunaan falsafah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Adakah pihak kerajaan sudah mengkaji setakat mana falsafah dan dasar kerajaan sudah disalahgunakan di negara ini dan apakah kesan kepada negara sebab kalau kita semua dasar itu baik, semua itu berjalan dengan lancar akan membawa manfaat dan sebagainya itu memang tidak benar. Tidak benar dan saya berharap Yang Berhormat kalau tidak boleh beri jawapan hari ini kita dapat mengkaji setakat mana penyalahgunaan dasar ataupun falsafah tersebut.

■ 1640

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada berlaku penyalahgunaan dasar, itu pandangan Yang Berhormatlah. Biar saya teruskan Yang Berhormat. Kalau dilihat daripada hasil kajian ketirisan kontraktor bumiputera oleh Bahagian Pembangunan Usahawan Kementerian Kerja Raya yang menunjukkan 85.37% projek yang dilaksanakan pada tahun 2006 oleh bumiputera mengalir kepada kaum bukan bumiputera. Oleh yang demikian, dakwaan Yang Berhormat bahawa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru mengakibatkan pengusaha kecil dan sederhana kaum Cina tertekan dan merupakan halangan yang paling besar terhadap sektor swasta daripada memainkan peranan paling menyeluruh dan tegap dalam bidang ekonomi adalah sama sekali tidak tepat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat juga telah menggesa supaya digubal undang-undang terhadap penggunaan hasil minyak dan gas asli untuk memastikan 50% daripada pendapatan minyak dan gas asli dibelanjakan untuk tujuan pendidikan, penyelidikan dan pembangunan demi membina keupayaan ekonomi yang diperlukan negara dan 25% lagi dibelanjakan untuk keselamatan sosial bagi rakyat yang memerlukannya. Untuk makluman Yang Berhormat, pendapatan yang diterima oleh kerajaan daripada hasil minyak dan gas negara dibelanjakan mengikut keperluan pembangunan ekonomi negara termasuk untuk tujuan pendidikan, keselamatan, sosial, penyelidikan dan pembangunan dan sebagainya. Kerajaan tidak bercadang untuk menggubal undang-undang bagi menetapkan pengagihan mengikut sektor sebaliknya ia akan dibelanjakan mengikut keperluan semasa.

Berhubung cadangan Yang Berhormat Ipoh Timor supaya dijana sumber baru bagi menggantikan pergantungan kepada minyak dan gas sebagai pendapatan negara, sebenarnya di bawah Misi Nasional, kerajaan telah pun memberi penekanan untuk membangunkan sumber pertumbuhan dan kekayaan baru terutama dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan pertanian supaya negara tidak terlalu bergantung kepada sumber minyak dan gas. Langkah ini akan dapat mengembang dan meningkatkan lagi potensi keluaran negara dan ke arah pertumbuhan jangka panjang yang lebih mapan seperti yang digariskan di bawah Teras Pertama Misi Nasional iaitu meningkatkan ekonomi dalam rangkaian nilai lebih tinggi menerusi;

- (i) menjana sumber kekayaan baru dalam sektor yang berintensifkan teknologi dan pengetahuan seperti teknologi maklumat dan komunikasi, bioteknologi dan perkhidmatan berasaskan kemahiran
- (ii) mewujudkan pekerjaan baru dan meningkatkan peluang pekerjaan terutamanya dalam aktiviti berteknologi tinggi dan berintensifkan pengetahuan

- (iii) menggalakkan sektor swasta sebagai peneraju utama dan menarik pelaburan langsung asing yang berkualiti tinggi dan meningkatkan pembangunan *enterprise* kecil dan sederhana
- (iv) memupuk budaya cemerlang dan prestasi tinggi dalam sektor awam dan swasta termasuk syarikat berkaitan kerajaan dan;
- (v) mengembangkan pasaran bagi barangan dan perkhidmatan Malaysia

Berhubung pandangan Yang Berhormat Ipoh Timor yang mengatakan bahawa kebergantungan besar negara kepada sumber minyak dan gas dan mengabaikan sektor-sektor lain yang produktif menyebabkan berlaku *rent seeking* dengan izin adalah tidak benar. Sebenarnya sumbangan keluar minyak dan gas kepada keluaran dalam negeri kasar adalah sebanyak 8.8% di mana penyumbang terbesar ialah sektor perkhidmatan iaitu 51.8% diikuti oleh sektor pembuatan sebanyak 31.1%. Dari segi pendapatan eksport pula, minyak mentah dan gas asli cecair menyumbang sebanyak 9.3% kepada pendapatan eksport berbanding 81.4% bagi eksport pembuatan dan 6.6% keluaran pertanian.

Adalah menjadi dasar kerajaan bagi memperluas dan memperdalamkan lagi semua sektor ekonomi yang dapat menjana pertumbuhan terutama dalam sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan. Oleh itu, anggapan Yang Berhormat Ipoh Timor tersebut adalah tidak tepat. Yang Berhormat Ipoh Timor mencadangkan supaya kekayaan sumber asli negara diagihkan secara sempurna dan sama rata untuk memastikan semua golongan masyarakat mendapat manfaat daripada kurniaan tersebut. Sebenarnya kerajaan sedar bahawa kekayaan sumber asli negara sememangnya merupakan khazanah berharga yang perlu dijaga dengan baik. Dalam hal ini, kerajaan sudah mempunyai *track record* dengan izin, yang baik dalam mengurus sumber asli negara. Sebagai contoh, Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) yang ditubuhkan pada tahun 1974 sebagai pemilik dan pengurus aset petroleum negara kini sudah menjadi sebuah syarikat multinasional yang berjaya dan cemerlang.

Bayaran royalti dan cukai daripada aset tersebut dipulangkan kepada kerajaan untuk dilaburkan dalam pelbagai projek pembangunan yang memanfaatkan rakyat di segenap pelosok negara. Pada masa yang sama, kita juga ingin memastikan bahawa pengurusan sumber asli negara dijalankan secara mapan. Kita tidak mahu sumber asli yang berharga sekadar dijual dan hasilnya diagihkan tanpa ada pelaburan yang sewajarnya untuk memastikan pengeluaran sumber asli dapat dijalankan secara berhemah. Begitu juga hasil daripada sumber asli negara juga perlu dilaburkan ke arah meningkatkan pembangunan negara secara lestari. Atas dasar ini, kerajaan akan tetap menolak mana-mana usaha untuk melaksanakan dasar populis dengan izin yang hanya memberi tumpuan kepada pengagihan kekayaan sumber asli semata-mata tanpa mengambil kira keperluan untuk menjana kekayaan tersebut secara terus dan mapan.

Dasar populis tersebut kelihatan seolah-olah berjiwa rakyat tetapi sebenar tidak ikhlas, tidak bertanggungjawab dan hanya bermotifkan politik. Justeru kerajaan akan memastikan

sumber asli negara diurus dengan baik dan hasilnya dilaburkan secara tersusun untuk menjamin kemajuan negara di masa akan datang. Yang Berhormat Pendang berpendapat Wilayah Pembangunan Iskandar merupakan berita gembira kepada Singapura kerana telah sedia memiliki sebahagian besar hartanah di Johor Bahru, Johor dan sebaliknya merupakan khabar duka atau derita kepada rakyat Johor. Untuk makluman Yang Berhormat, pembangunan koridor-koridor pembangunan tidak akan meminggirkan penduduk tempatan tetapi sebaliknya taraf hidup mereka akan terus dipertingkatkan supaya dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa dan mapan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: ... bagi menjamin kepentingan rakyat dan negara tidak terjejas, kerajaan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat,

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jerai, masuk belum duduk sudah nak minta penjelasan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya duduk di luar, saya mendengar dengan khusyuk jawapan daripada Timbalan Menteri. Jadi ada soalan yang saya perlu soalkan Datuk, kerana tentang pembangunan wilayah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apa, Yang Berhormat tak tanya pun kita tahu Yang Berhormat ada datang.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Nanti saya bagi habis sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tak tanya, kita pun tahu Yang Berhormat ada datang ke Parlimen. Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini sebalik *in between the lines* lah Datuk. *Thank you Sir.*

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Ok, bagi menjamin kepentingan rakyat dan negara tidak terjejas, kerajaan telah menubuhkan institusi tertentu bagi menjaga...barangkali nanti saya jawab yang sebelum ini mungkin Yang Berhormat akan jelas perkara ini panjang berkenaan WPI ini.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: ...misalnya Wilayah Pembangunan Iskandar ...bagi menjamin kepentingan rakyat dan negara tidak terjejas, kerajaan telah menubuhkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Putatan bangun, Putatan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Nanti saya habiskan dulu tentang Wilayah Pembangunan Iskandar ini saya jawab ya. Saya habis dulu, sat lagi saya bagi bangun. Bagi menjamin kepentingan rakyat dan negara tidak terjejas, kerajaan telah menubuhkan institusi

tertentu bagi menjaga kepentingan rakyat tempatan misalnya di Wilayah Pembangunan Iskandar, pihak berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) dan juga Panel Penasihat Lembaga Wilayah Pembangunan Iskandar telah ditubuhkan untuk memantau dan mengawal pembangunannya. Pembangunan Wilayah Pembangunan Iskandar secara mutlaknya adalah di bawah kawalan dan kuasa IRDA, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor.

Oleh itu, tidak ada apa yang perlu dibimbangkan. Di samping itu, kerajaan juga memberi jaminan bahawa IRDA akan memastikan pembangunan di Wilayah Pembangunan Iskandar dibuat dengan mengambil kira kepentingan semua kaum dan tiada pelabur tempatan akan dipinggirkan walaupun kelonggaran telah diberikan kepada pelabur asing. Peluang bagi usahawan bumiputera atau pelabur tempatan tidak akan disekat dan akan terus diberi keutamaan supaya mereka juga menikmati peluang pelaburan yang sama dalam pembangunan Wilayah Pembangunan Iskandar.

■1650

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri kerana menjawab soalan-soalan yang telah ditimbulkan semasa perbahasan. Saya tertarik Yang Berhormat berhujah soal Wilayah Pembangunan Iskandar dan baru-baru ini kita lihat pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan pembangunan Koridor Pantai Timur. Jadi saya rakyat negeri Sabah dan Sarawak ini agak tertunggu-tunggu Yang Berhormat bilakah pengumuman pembangunan koridor bagi Sabah dan Sarawak. Rakyat sedang menunggu berita baik ini. Jikalau boleh pengumuman itu dibuat dengan secepat mungkin lebih baik. Bila? Minta sedikit pendapat daripada Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Dalam semua pembangunan koridor baru yang dicadangkan oleh pihak kerajaan ini, kerajaan telah melantik peneraju-peneraju tertentu. Sebelum dilancarkan ia memerlukan satu perancangan yang teliti, kajian yang terperinci supaya apabila dilaksanakan nanti ia tidak menjejaskan dari segi pelaksanaannya untuk memastikan matlamat koridor ditubuhkan itu adalah yang terbaik sekali bagi pihak apa yang dianggap oleh kerajaan.

Jadi sebagai jawapan untuk pertanyaan Yang Berhormat bagi koridor Sabah dan Sarawak ini sabarlah. Baru hari ini Yang Berhormat lancarkan untuk Koridor Timur, Terengganu, Kelantan dan Pahang. Insya-Allah hujung tahun ini akan dilancarkan bagi koridor Sabah dan Sarawak. Sabarlah Yang Berhormat, tak lama lagi hujung tahun ini sudah Oktober, November, Disember insya-Allah akan dilancarkan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Okey, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tak jawab salam.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Ada sedikit lagi berkenaan dengan ini Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Koridor. Koridorlah. Pertamanya Tuan Yang di-Pertua saya mengalu-alukan perancangan kerajaan membangunkan koridor kerana ini akan secara serentaknya membangunkan seluruh negara kita Tuan Yang di-Pertua. Seluruh negara kita. Ini menunjukkan menyeimbangkan pembangunan bandar dengan luar bandar. Cuma satu soalan, koridor itu akan dibangunkan, bangunan akan dinaikkan, infrastruktur akan diwujudkan, saya hendak Yang Berhormat memberi sedikit jaminan kalau boleh apakah peluang-peluang kerana kita bagi kepada syarikat besar macam belah pantai timur kita bagi Petronas, belah utara kita bagi kepada Sime Darby.

Saya hendak tahu syarikat-syarikat yang marhaenis yang kecil-kecil ini, yang pertengahan-pertengahan ini macam mereka hendak boleh tumpang cari makan di atas pembangunan. Kalau kita tengok Petronas bangunan dia besar tapi yang duduk meniaga dalam itu semua syarikat-syarikat gergasi; yang syarikat kecil-kecil duduklah tepi-tepi atas kaki lima. Bangunan itu dia, kalau kita langut pakai kopiah Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua pakai songkok langut tengok menara itu jatuh songkok punya tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan libatkan saya Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Taklah, fasal Tuan Yang di-Pertua pakai songkok yang lain tak ada. Kalau tak ada juga Islam Hadhari pakai songkok boleh saya ambil dia. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita mahu peluang-peluang ini dapat dinikmati. Kalau berlaku di kedah biarlah sekurang-kurangnya rakyat Kedah, pemaju Kedah, kontraktor Kedah dapat projek-projek ini. Kita tak mahu melihat Tuan Yang di-Pertua projek datang depan mata kita tengok tetapi kita tak boleh dapat. Macam kita tengok ikan dalam akuarium Tuan Yang di-Pertua. Ikan emas ikan itu cantik tapi boleh tengok di luar tak boleh pegang. Inilah saya hendak jaminan kerana pandangan kerajaan A1, *perfect* dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Cukup Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sila Timbalan Menteri jawab kalau bolehlah.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Yang Berhormat Menteri, boleh jawab sekali? Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya tentang WPI. Saya faham kerajaan telah menyediakan insentif cukai dan juga korporat *tax* dan sebagainya untuk menarik FDI ke WPI. Masalahnya ialah setahu saya bagi projek infrastruktur sebagai satu asas penarikan kepada FDI itu misalnya projek saluran bandar di WPI wang peruntukan itu telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan tetapi wang ini belum lagi disalurkan kepada JPS negeri sehingga sekarang. Memandangkan

projek saluran bandar itu merupakan memperbaiki kerosakan-kerosakan akibat daripada banjir yang berlaku hujung tahun 2006.

Jadi saya hendak tanya mengapakah tindakan untuk melaksanakan projek saluran itu begitu lambat dilaksanakan. Kalau kita hendak menarik FDI ke WPI ini tidak ambil kira tentang projek penebatan banjir. Itu satu *long-term* projek untuk mengatasi masalah banjir yang merupakan salah satu faktor yang perlu ditangani dengan secepat mungkin di WPI. Minta penjelasan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa walaupun dalam koridor-koridor yang telah ditubuhkan oleh kerajaan ini kita katakan satu kawasan, tetapi dalam waktu yang sama agensi-agensi kerajaan yang lain mereka kena teruskan berjalan, bergerak. Bukan maknanya apabila ada koridor yang lain itu tak berjalan ataupun yang lain itu maknanya dia berasingan, tidak. Walaupun dalam wilayah itu sudah tentulah agensi-agensi kerajaan yang lain juga bergerak sejajar dan pentadbiran lain perlu berjalan seperti mana biasa.

Cuma WPI ataupun pembangunan koridor ini adalah sebagai satu pemangkin supaya pembangunan di kawasan itu lebih lagi cepat, bergerak dengan lebih laju lagi. Oleh sebab itu perkara yang mungkin Yang Berhormat timbulkan ini adalah satu perkara yang berlainan yang tidak termasuk di dalam butiran ataupun *pendetailan* dalam Wilayah Pembangunan Iskandar. Ini kerana yang kita dapati bahawa insentif-insentif yang dianjurkan kepada mereka yang ingin melabur dalam WPI banyak. Ini adalah sebagai tambahan infrastruktur Yang Berhormat sebutkan tadi.

Umpamanya kalau kita lihat dari segi insentif yang hendak diberikan kepada mereka yang ingin melabur di dalam WPI; pengecualian daripada cukai, pendapatan korporat 10 tahun, kemudian pengecualian daripada cukai pegangan, *withholding tax* atas royalti, dan bayaran yuran teknikal kepada penduduk bukan warganegara selama 10 tahun, pengecualian daripada peraturan-peraturan jawatankuasa pelaburan asing dan banyak lagi kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada WPI.

Apa yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan saya rujuk balik dan siasat kerana saya pun tidak dapat kepastian apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Saya minta Timbalan Menteri menyiasat perkara inilah.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Ya, insya-Allah.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Fasal peruntukan itu memang telah diluluskan. Saya difahamkan telah diluluskan oleh Kabinet.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Terima kasih, saya akan dapatkan maklumat itu.

■1700

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Penjelasan, WPI.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Jadi boleh saya sambung Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jawapan saya tidak ada Yang Berhormat. Yang Berhormat jawab, soalan saya tidak jawab.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Oh berkenaan dengan jaminan. Tadi Yang Berhormat bagi Jerai minta boleh tidak beri sedikit jaminan tentang penyertaan rakyat tempatan, penyertaan orang Kedah. Kalau pembangunan di kawasan utara memang bukan sedikit. Apa yang telah dimaklumkan kepada kita melalui dalam pelan perancangan pembangunan koridor ini, ia bukan sahaja dirancang di dalam pelan itu bahkan ia akan menubuhkan, kalau Koridor Utara itu akan ditubuhkan satu badan di mana Yang Amat Berhormat sendiri akan menjadi pengerusi kepada pertubuhan badan itu.

Yang Amat Berhormat telah memberi jaminan kepada mereka yang hendak melaksanakan mesti apabila kita panggil pelabur pun kita akan nasihatkan kepada pelabur supaya rakyat tempatan, kontraktor tempatan mestilah diberi keutamaan di dalam melaksanakan projek-projek yang hendak dilaksanakan di kawasan-kawasan wilayah pembangunan koridor ini. Ini adalah sebagai salah satu tugas mereka bukan sahaja menasihati tetapi ada pula yang kita timbulkan di situ iaitu sebagai panel pemantau kepada pembangunan koridor-koridor ini, Insyallah.

Jadi ini adalah terlalu terperinci dan Insyallah di dalam pelaksanaan koridor ini semua jawatankuasa-jawatankuasa melihat *cluster* tertentu, memastikan bahawa semuanya berjalan seperti yang kita harapkan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang Berhormat, penjelasan sedikit Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, menyambung juga apa yang dibangkitkan oleh Jerai tadi. WPI iaitu Wilayah Pembangunan Iskandar cukup jelas iaitu di Johor manakala Koridor Utara tadi saya perlu juga jaminan daripada Yang Berhormat bahawa pembangunan itu akan berlaku pertumbuhan yang seimbang. Dari apa yang telah saya lihat sekarang, saya berterima kasihlah kawasan Sungai Petani terlibat dan kami lihat benda itu akan berlaku tetapi pada keseluruhannya kebimbangan saya, pembangunan itu lebih berpusatkan kepada Pulau Pinang.

Jadi Pulau Pinang yang akan mendapat banyak keuntungan daripada pembangunan tadi berbanding dengan Kedah apatah lagi Perlis, Perlis lagi jauh. Jadi soal dia sekarang bagaimana hendak bagi jaminan bahawa pertumbuhan itu berlaku agak adil dan ada keseimbangan dari segi kawasan-kawasan tadi? Jadi janganlah fokus itu kepada Pulau Pinang. Misalnya saya ambil contoh pelancongan. Kedah sudah ada pelancongan di Langkawi mengapa tidak *concentration* Koridor Utara itu kepada Langkawi daripada Pulau Pinang? Pulau Pinang sudah ada dia punya

infrastruktur daripada segi itu tetapi Langkawi patut diberi penekanan dalam soal itu termasuk juga dalam pembangunan-pembangunan yang lain seperti infrastruktur. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah tidak tepat kalau kita katakan bahawa konsentrasi kita hanya kepada Pulau Pinang kerana bagi Koridor Utara ini ia melibatkan banyak sektor. Umpamanya sektor pertanian, sektor pembuatan dan sektor pelancongan. Ini akan digerakkan melalui koridor ini di mana kita tahu bahawa sebagai makluman Dewan inilah, kita tahu bahawa bagi Koridor Utara Sime Darby merupakan sebagai syarikat yang bertanggungjawab untuk menyediakan pelan induk tetapi dari segi pelaksanaan dia syarikat-syarikat lain perlu menyertai di dalam pembangunan ini. Maksudnya bukan Sime Darby sahaja tetapi syarikat-syarikat lain akan dijemput untuk masuk.

Jadi sebab itu saya sebutkan tadi bukan fokus ataupun konsentrasi kepada satu negeri sahaja tetapi keseluruhan Koridor Utara itu namun begitu ada fokus tertentu kepada bidang-bidang supaya ia lebih *specialize* umpamanya Perak Utara bertanggungjawab tentang pembangunan insan, di negeri Kedah umpamanya pembangunan pertanian khususnya padi di Perlis benih dan sebagainya tetapi bidang-bidang lain pelancongan, pembuatan dan juga yang lain-lain akan terus diberi nafas yang lebih hebat lagi di dalam pembangunan koridor ini. Jadi tidak semestinya konsentrasinya di Pulau Pinang kebetulan di Pulau Pinang itu mungkin sebab infrastrukturnya telah ke hadapan dan sebab itu kita nampak seperti ia diletakkan di situ.

Jadi kita berilah jaminan bahawa bukan fokusnya kepada satu negeri sahaja dan saya sendiri pun tentu merasa tidak puas hati kerana kalau sebab nanti kalau di Pulau Pinang, Perak Utara pun saya hendak juga supaya diberi kekuatan dari segi pembangunan koridor ini. Jadi itulah Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang Berhormat, maaf saya mencelah di sini, misalnya *concentration* sekarang saya tahu Pulau Pinang sudah pun dia terkedepan, kita di terkebelakang. Misalnya macam *transport* mengapa di Pulau Pinang, mengapa tidak diletak di Sungai Petani? Sungai Petani lebih *centralize* kalau dibandingkan kalau koridor utara. Ini persoalan saya sebagai wakil rakyat Sungai Petani saya mahu benda itu berlaku di Sungai Petani. Begitu juga dengan pelancongan, mengapa tidak kita gunakan Langkawi. Walaupun Pulau Pinang sudah ada tetapi Langkawi lebih afdal dalam soal ini untuk dijadikan pusat pelancongan di Koridor Utara.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Okey baik, terima kasih Yang Berhormat. Sebab itu di dalam pembangunan koridor ini kita akan memberi juga keutamaan kepada pembangunan infrastruktur. Jadi apabila pembangunan infrastruktur itu dapat dilakukan dengan lebih baik lagi sudah tentulah dari segi pembangunan yang lain akan secara automatik dia akan dapat kita gembelangkan dengan lebih baik lagi. Jadi sebab itu dalam pembangunan koridor ini termasuk juga Koridor Pantai Timur begitu, infrastruktur diberi penekanan yang lebih lagi.

Yang Berhormat bagi Kudat mencadangkan supaya penglibatan kaum bumiputera dalam WPI, Wilayah Ekonomi Koridor Utara dan sebagainya dipertingkatkan. Untuk makluman Yang Berhormat inisiatif koridor pertumbuhan seperti WPI dan NCER telah ditubuhkan sebagai satu pendekatan baru bagi menangani masalah ketidakseimbangan pembangunan wilayah di negara ini dan dijangka akan diwujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan pembangunan ekonomi yang lebih pesat. Kerajaan akan terus menggalakkan pelaburan di WPI dan NCER misalnya melalui penyediaan beberapa insentif khususnya untuk menjadikan WPI dan NCER lebih mesra pelabur.

Namun begitu kerajaan akan memastikan pembangunan di WPI dan NCER dibuat dengan mengambil kira kepentingan semua kaum Malaysia dan tiada kaum akan dipinggirkan walaupun kelonggaran diberikan kepada pelabur-pelabur asing. Peluang kepada usahawan bumiputera di WPI dan NCER tidak akan disekat malah akan terus diberi keutamaan supaya mereka juga menikmati peluang pelaburan yang sama. Ini apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai tadi.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Penjelasan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Pelan Induk Pembangunan Komprehensif.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Saya ingin mendapat penjelasan Tuan Yang di-Pertua. WPI ada berbeza sedikit dengan NCER dengan ECER. Sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, WPI ini ada ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Di Peringkat Menteri antara Malaysia dan Singapura dan bolehkah Yang Berhormat memperjelaskan di dalam Dewan yang mulia ini apa fungsi dan tugas Jawatankuasa Di Peringkat Menteri ini dan tidakkah ia merupakan satu sejarah baru selepas kita merdeka 50 tahun, satu wilayah yang dibangunkan oleh dua kuasa. Kita berkongsi kuasa dengan satu negara jiran kita Singapura dan tidakkah ini melibatkan keselamatan dan isu kedaulatan negara.

Tidak pernah berlaku sebelum ini kita membangunkan negara kita dengan projek-projek mega, kita membangunkan Putrajaya, kita membangunkan Cyberjaya, kita bangunkan sendiri, kita membangunkan NCER, ECER dengan kerajaan kita sendiri tetapi kenapa WPI kita menubuhkan jawatankuasa di peringkat Menteri kedua negara. Tidakkah ini menjejaskan masalah *sovereignty*, masalah keselamatan dan juga masalah kedaulatan negara kita. Minta penjelasan.

■1710

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada apa-apa ikatan tentang penubuhan, ia cuma sebagai satu PR dari segi perniagaan. Itu sahaja, tidak ada ikatan apa-apa tentang penubuhan perkara ini, ia tidak ada perjanjian, tidak ada apa

semua, ini adalah sebagai PR untuk tujuan pelaburan khususnya bagi negara jiran. Jadi tidak timbul masalah kehilangan *sovereignty* kita dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, pelan induk pembangunan komprehensif

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Minta penjelasan sikit. Dengan penjelasan satu PR tidak apa-apa, lebih daripada itu. Ertinya, sebenarnya adalah untuk tipu orang-orang Singapura, adakah itu maknanya?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Saya tidak mahu menggunakan perkataan yang digunakan oleh Ketua Pembangkang Tuan Yang di-Pertua, itu dia yang guna, kita tidak guna. Dia yang menggunakan perkataan "tipu", jadi Ketua Pembangkang hanya menggunakan perkataan itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Samalah, tidak guna perkataan itu sahajalah.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Yang menyebutnya ialah Ketua Pembangkang, bukan kita, kita tidak sebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat banyak lagi?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Sebab negara kita adalah berjiran dengan Singapura, jadi kita berbaik di antara satu sama lain.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tanpa menggunakan perkataan itulah?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Itu Ketua Pembangkang punya cakaplah.

Pelan induk pembangunan komprehensif bagi WPI dan NCER telah mengambil kira aspek dan kepentingan kaum bumiputera. Selain daripada itu IRDA yang ditubuhkan pada 17 Februari 2007 untuk menentukan arah dasar dan strategi pembangunan di WPI akan memastikan aktiviti-aktiviti di WPI mematuhi semua dasar kerajaan mengenai kaum bumiputera, termasuk yang termaktub di bawah Dasar Ekonomi Baru. Di samping itu IRDA juga akan memberi perkhidmatan pentadbiran dan bantuan kepada Kerajaan Negeri Johor berhubung urusan tanah di WPI. Dengan demikian kepentingan perusahaan bumiputera tidak akan dipinggirkan termasuklah dalam bidang hartanah.

Manakala di NCER pula badan yang serupa yang akan ditubuhkan tidak lama lagi juga akan dipastikan supaya mengambil kira kepentingan kaum bumiputera dalam pembangunan NCER. Yang Berhormat Ayer Hitam menggesa agar pelaksanaan dasar di koridor-koridor pembangunan wilayah perlu jelas dan konsisten serta lebih menumpukan kepada sektor industri dan aktiviti nilai tambah yang tinggi.

Cadangan diutarakan oleh Yang Berhormat akan diambil kira dan dipertimbangkan dalam perbincangan-perbincangan dengan agensi pemaju yang dilantik oleh kerajaan untuk melaksanakan pembangunan koridor-koridor berkenaan. Walau bagaimanapun bagi memastikan pembangunan yang dirancang di koridor-koridor berkenaan berjalan lancar, insentif-insentif itu juga telah dirangka untuk menarik pelabur ke wilayah-wilayah berkenaan.

Di samping itu, dalam setiap pelan induk yang dirangka bagi setiap koridor antara koridor utama yang diberi tumpuan untuk dibangunkan ialah sektor industri serta aktiviti yang boleh memberi nilai tambah yang tinggi. Misalnya pelaburan di WPI akan ditumpukan kepada kluster industri baru seperti industri kreatif, kewangan, perkhidmatan pendidikan dan kesihatan, elektrik dan elektronik serta perkhidmatan logistik. Begitu juga di NCER di mana misi utama pembangunannya adalah untuk meningkatkan nilai ditambah daripada industri sedia ada dengan menumpukan kepada transformasi dan perluasan sektor pertanian, pembuatan, pelancongan dan logistik. Begitu juga dengan di koridor-koridor pertumbuhan yang lain.

Yang Berhormat Pendang mempersoalkan sama ada kesan NCER dapat dirasai sepenuhnya oleh rakyat miskin seperti petani dan penduduk kampung. Untuk makluman Yang Berhormat, NCER merupakan salah satu daripada lima koridor pertumbuhan yang diperkenalkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan sebagai salah satu daripada pendekatan baru bagi menangani masalah ketidakseimbangan pembangunan antara negeri dan wilayah di negara ini. Pelaksanaan pelan pembangunan NCER diharap akan menjadikan pembangunan ekonomi lebih pesat dan memberi faedah kepada penduduk di kawasan sekitarnya selaras dengan misi penubuhan NCER untuk mempercepatkan pembangunan wilayah dengan mengenal pasti peluang-peluang komersial yang berdaya maju dan melaksanakan insentif yang diluluskan oleh kerajaan. Dengan itu, rakyat akan dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa dan mampan.

Bagi memastikan NCER dilaksanakan dengan berkesan dan faedahnya sampai dan dirasai oleh penduduk, kerajaan akan melaksanakan setiap program dan projek mengikut jadual yang ditetapkan. Di samping itu, kerajaan juga akan memastikan pembangunannya dirancang dan dipantau oleh sebuah badan yang dikenali sebagai *Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)* yang bertanggungjawab memastikan pelan induk pembangunan NCER berdaya maju dan boleh dilaksanakan. Dengan itu kita akan dapat memastikan segala program dan projek yang dirancang memberikan impak yang positif dan dirasai sepenuhnya oleh rakyat seperti yang diharapkan.

Yang Berhormat Langkawi menggesa agar pembangunan NCER turut memberi penekanan kepada sektor pelancongan di Langkawi seperti juga yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani. Untuk makluman Yang Berhormat, NCER yang dilancarkan pada 30 dan 31 Julai 2007 lalu telah mengambil kira Langkawi dalam perancangan dan pembangunannya. Berdasarkan pelan induk NCER yang digubal pihak Sime Darby Berhad, antara projek utama yang dirancang di Langkawi adalah sektor pelancongan. Malah ia merupakan antara tumpuan utama pembangunan di Langkawi.

Yang Berhormat Bera dan Yang Berhormat Kuala Krau bimbang pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur hanya tertumpu di negeri Kelantan dan Terengganu sahaja berbanding negeri Pahang sebagaimana dirasai sendiri oleh Tuanku Sultan Pahang. Untuk makluman Yang Berhormat, tidak wujud soal sama ada negeri Pahang akan tertinggal berbanding pembangunan

di Kelantan dan Terengganu kerana kawasan ECER merangkumi negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan juga daerah Mersing di Johor. Malah pelan induk yang dirangka mengandungi cadangan program dan projek untuk ketiga-tiga negeri yang terlibat termasuk Mersing. Tambahan lagi projek-projek dalam sektor pertanian, pelancongan, modal insan, infrastruktur dan minyak dan gas turut dicadangkan di negeri Pahang. Oleh itu tidak timbul persoalan sama ada Pahang tidak diberi tumpuan dalam pembangunan ECER ini.

Yang Berhormat Maran dan Yang Berhormat Kuala Krai membangkitkan tentang bilangan projek peruntukan dan agihan di ECER. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelan induk bagi pembangunan ECER telah dirangka bagi memastikan ECER dilaksanakan dengan berkesan dan teras serta matlamat yang ditetapkan dapat dicapai. Program-program yang dirangka secara umumnya memberi fokus kepada lima sektor utama iaitu sektor pertanian, pelancongan, pendidikan, pembuatan serta minyak, gas dan petroleum. Pelaksanaan projek-projek ini dijangka akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan pembangunan ekonomi yang lebih pesat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: *[Bangun]*

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Secara keseluruhannya, sebanyak 205 projek telah dikenal pasti untuk dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Bilangan 227 projek yang disebutkan oleh Yang Berhormat Maran adalah untuk keseluruhan tempoh iaitu sehingga 2020.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Assalamualaikum.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Waalaikumussalam. Sekejap. Berdasarkan bilangan projek yang telah dikenal pasti, ketiga-tiga negeri ini mendapat bilangan projek yang hampir sama. Oleh itu tidak timbul isu perancangan yang tidak seimbang kerana semua negeri akan dibangunkan dengan saksama.

Pecahan projek yang dicadangkan mengikut negeri ialah Kelantan sebanyak 99 projek, Terengganu sebanyak 97 projek, Pahang 90 projek, Mersing, Johor 13 projek dan semua negeri 5 projek. Manakala peruntukan sebanyak RM112 bilion adalah untuk keseluruhan tempoh pelaksanaan ECER iaitu dari tahun 2007 hingga 2020. Peruntukan yang diperlukan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan ialah sebanyak RM28 bilion dan daripada jumlah itu, pelaburan kerajaan adalah sebanyak RM17.5 bilion, pihak swasta sebanyak RM5.6 bilion, manakala selebihnya dijangka dibiayai melalui *private finance initiative* sebanyak RM1.5 bilion dan juga pelaburan syarikat berkaitan kerajaan GLC sebanyak RM3.2 bilion.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak ucap terima kasih kerana ECER ini telah dilancarkan semalam dan pagi ini di Pahang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tetapi ada rungutan daripada Ahli-ahli Parlimen khususnya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan

tadi bahawa ECER ini akan pastinya membantu membangunkan sebagai nilai tambah kepada kawasan *regional* di Pantai Timur.

■1720

Apabila kita melihat kepada perancangan dan juga *distribution* dengan izin pengagihan projek, kadang-kadang tidak sesuai. Apakah mungkin dan pendirian kerajaan sama ada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional boleh mengemukakan cadangan balas kepada Petronas ataupun Jabatan Perdana Menteri, sekiranya kita merasakan ianya tidak wajib dilaksanakan dalam satu-satu kawasan, kerana setakat yang kita tahu bahawa Petronas tidak berunding dengan Ahli-ahli Parlimen khususnya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sebelum ianya dilancarkan.

Malah kalau kita perhatikan umpamanya di kawasan saya, ada satu kawasan yang ditetapkan untuk membangunkan IKS perabot berteraskan kayu getah dalam kawasan KETENGAH. Sedangkan 90% kawasan itu dibangunkan dengan kelapa sawit. Dari segi pendekatannya tidak ada logik, berkemungkinan kita import. Jadi apakah kerajaan bersedia supaya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dapat mengemukakan cadangan balas kepada perancangan makro yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk ECER semalam dan hari ini? Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dari segi pelaksanaan program dan projek yang telah dinyatakan iaitu akan dibuat mengikut jadual di mana kerajaan akan menubuhkan satu kita panggil *East Coast Economic Region Development Council*. Jadi pihak kerajaan negeri, pihak Yang Berhormat boleh mencadangkan perkara ini kepada *East Coast Economic Region Development Council* yang akan ditubuhkan kelak nanti melalui perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanah Merah mencadangkan agar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Ada sedikit lagi sahaja Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tanah Merah mencadangkan agar dalam perancangan ECER kerajaan melaksanakan dengan segera projek infrastruktur seperti pembinaan sebuah pelabuhan dan lebuhraya di Kelantan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sememangnya tumpuan utama diberikan kepada pembinaan dan pembangunan infrastruktur agar dapat melonjakkan pembangunan di ECER serta mempercepatkan pertumbuhan supaya seimbang dengan wilayah-wilayah lain di negara ini. Objektif utama Pelan Pembangunan ECER adalah untuk mempercepatkan pertumbuhan di wilayah itu secara berdaya maju, seimbang dan mampan. Justeru perkara utama yang diberikan perhatian ialah meningkatkan sistem perhubungan dan kemudahan asas supaya ia bukan sahaja memudahkan penduduk untuk memasarkan hasil keluaran mereka tetapi pada masa yang sama dapat menarik...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kalau kita tak tanya? Assalamualaikum...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Waailaikum salam.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya tadi terlupa sedikit Tuan Yang di-Pertua, kerana sebagai wakil rakyat, kita berjuang untuk rakyat. Apabila berlakunya pembangunan wilayah-wilayah ini, sudah tentu tanah-tanah kerajaan ataupun syarikat-syarikat itu *acquire* dan ada juga rakyat-rakyat yang menumpang yang tidak ada tanah, yang miskin dan sebagainya.

Jadi apakah jaminan, kerana saya melihat Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang apabila kita melakukan sesuatu projek, orang yang menumpang di atas tanah itu yang miskin ini kadang-kadang disisihkan, dan disuruh pergi begitu sahaja, ataupun dia pergi tempat yang tidak boleh dia hidup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa persoalan dia Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Persoalan dia Tuan Yang di-Pertua, boleh ke tidak Yang Berhormat sekali lagi memberi jaminan sepenuhnya. Yang tadi sedikit, tetapi sepenuhnya untuk memastikan bahawa rakyat-rakyat apabila tanah mereka ini *diacquire* ataupun diambil oleh kerajaan untuk pembangunan kawasan-kawasan ini, akan ditempatkan di dalam satu penempatan semula yang sesuai dengan pembangunan yang akan dilakukan di daerah tersebut?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukup, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya puas hatilah, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baik.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sudah pastilah oleh sebab Kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan yang bertanggung jawab [*Tepuk*], kita memastikan supaya apabila kita melaksanakan pembangunan, bukan sahaja akan berlaku pengorbanan dan sebagainya, tetapi kita sangat prihatin kepada soal kehidupan rakyat. Sebab itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan pun, perkara yang pokok kita utamakan ialah membasmi kemiskinan. Kita hendak menghapuskan rakyat miskin, kadar kemiskinan tegar dan kemiskinan Yang Berhormat. Jadi sebab itu kita bagi jaminanlah bahawa perkara ini sudah pasti kita beri perhatian.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itulah sahaja jawapan saya. Ada beberapa Yang Berhormat lain yang tidak hadir di dalam Dewan ini, jadi saya pun tidak jawablah, kerana mereka tidak hadir. Saya ada dalam catatan dan kita akan menjawab secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima dan membenarkan permohonan dari Kementerian Perumahan

dan Kerajaan Tempatan yang dijadualkan nombor empat dinaikkan ke nombor dua menggantikan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dalam susunan giliran menteri-menteri menjawab ke atas perbahasan Bajet 2008 di peringkat dasar. Dengan ini Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dijemput.

5.26 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2008 di peringkat dasar yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kinabatangan, sementara menanti projek balai bomba dan penyelamat Kinabatangan disiapkan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyarankan bahawa penduduk setempat boleh menubuhkan pasukan bomba sukarela. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia akan memberi keutamaan dalam membekalkan peralatan dan latihan kepada pasukan bomba sukarela itu. Mengenai pembinaan balai bomba di Kinabatangan, kementerian telah dimaklumkan oleh Jabatan Kerja Raya Sabah selaku agensi pelaksana, bahawa ianya sedang dalam proses penyediaan susun atur dan penyesuaian reka bentuk bangunan bagi projek balai bomba dan penyelamat Kinabatangan. Projek ini akan dilengkapi dengan sebuah balai bomba tiga petak, padang kawad, menara kawad, kuarters dan lain-lain kemudahan. Anggaran kos pembinaan projek ini adalah sebanyak RM13 juta dan menurut perancangannya, ia akan dibina awal tahun hadapan iaitu 2008.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Puchong, cadangan pembinaan sebuah balai bomba dan penyelamat di kawasan Puchong Selangor telah diluluskan bagi Rancangan Malaysia Kesembilan. Projek ini dijangka dimulakan pada 30 Oktober iaitu pada hari ini dan dijangka siap dalam tempoh 20 bulan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Puchong.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Ianya akan melibatkan sebuah balai bomba dua petak, padang kawad, menara..

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih. *[Ketawa]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sahaja Yang Berhormat?

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Kebetulan hari ini ya. Padang kawad, menara kawad dan kuarters kakitangan dengan kos projek sebanyak RM7.93 juta.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar, kementerian sentiasa menyokong usaha memartabatkan penggunaan Bahasa Malaysia sejajar dengan statusnya sebagai Bahasa Kebangsaan. Ia dilaksanakan melalui paparan papan iklan di mana di dalam Undang-undang Kecil Iklan, Pihak Berkuasa Tempatan jelas menekankan keutamaan

penggunaan Bahasa Malaysia. Pemasangan sesuatu papan iklan perlu terlebih dahulu mendapat lesen daripada PBT yang berkaitan di bawah Undang-undang Kecil Iklan tersebut. Kementerian juga telah menyediakan garis panduan papan iklan premis perniagaan yang bertujuan menyeragamkan peraturan berhubung pemasangan papan iklan di premis perniagaan.

Antara syarat yang dimaksudkan dalam garis panduan adalah mengutamakan penggunaan Bahasa Malaysia bagi tujuan menjelaskan barang atau aktiviti yang diniagakan. Garis panduan tersebut juga meminta supaya PBT memastikan penggunaan Bahasa Malaysia yang betul dan tepat pada papan iklan dari segi penggunaan perkataan, susunan ayat, ejaan, tatabahasa dan sebagainya. Apabila perlu menggunakan bahasa lain, saiz huruf dan perkataan adalah lebih kecil daripada Bahasa Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah membangkitkan isu keperluan untuk membina lebih banyak rumah kos rendah untuk golongan berpendapatan rendah dan setinggan. Berhubung dengan perkara ini adalah menjadi hasrat kerajaan untuk menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi dan berkualiti bagi semua golongan masyarakat di negara ini dengan memberi keutamaan kepada pembinaan rumah kos rendah untuk golongan berpendapatan rendah dan juga setinggan.

■1730

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat, saya hendak ucap terima kasih kepada kementerian Yang Berhormat kerana bomba dan sebagainya. Bomba dahulu kita kira hendak padam api sahaja dan tangkap ular, tetapi hari ini bomba tanggungjawab dia lebih besar. Sekarang balik kepada rumah Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri kerana kelulusan pelan-pelan rumah ini selalunya dimasukkan di bawah majlis kerajaan tempatan (*local government*).

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan mesyuarat**]

Saya menghadapi sedikit kesangsian kerana kalau projek itu dibina oleh kerajaan, contohnya JKR dan sebagainya saya dimaklumkan pelan tidak payah dimasukkan kepada Kementerian Kerajaan Tempatan atau majlis daerah tempatan kerana dia kata ini bangunan kerajaan. Kecuali bangunan-bangunan yang dibuat oleh swasta ataupun bangunan kerajaan yang diserahkan kepada konsultan untuk mereka bentuk dan membina tetapi yang meluluskan sijil sah bangunan itu ialah majlis daerah. Kalaulah sesuatu berlaku kepada bangunan walaupun di bawah pembinaan ataupun jalan JKR pihak kerajaan tempatan ataupun majlis daerah bertanggungjawab.

Jadi apabila saya tanya JKR, dia kata kami tidak buat macam ini sebab kami kerajaan. Jadi kalau agensi kerajaan sendiri tidak ikut undang-undang yang diluluskan oleh kerajaan,

sedangkan kita minta pihak swasta dan pihak-pihak lain mengikut peraturan mungkin Yang Berhormat boleh siasat balik benda ini kerana ini berlaku Yang Berhormat dan yang ini amat membimbangkan kerana pegawai-pegawai kadang-kadang dia hendak tandatangani pun masalah, nanti jika runtuh bangunan itu maka yang akan bertanggungjawab adalah pihak majlis kerajaan tempatan.

Yang kedua Yang Berhormat, kita dapat lihat hari ini ramai belia kita melepak-lepak di merata-rata tempat kerana kawasan riadah kawasan untuk mereka bersukan beriadah di sebelah petang emak bapa dan anak-anak untuk bersama-sama di kawasan lapang yang diperuntukkan dalam kelulusan pelan permohonan perumahan itu sebenarnya tidak berlaku hari ini. Maka kadang-kadang kita dapat lihat anak-anak yang duduk di kawasan perumahan ini dan perumahan kos rendah ini berkeliaran dan mereka ini akan menjadi masalah kepada masyarakat.

Jadi apakah pihak Yang Berhormat Menteri boleh menekankan bahawa tidak ada kompromi dari segi peruntukkan kawasan lapang supaya ia menjadi kawasan himpunan rakyat atau penduduk di kawasan di mana projek perumahan tersebut diluluskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Jerai memang benar bangunan kerajaan yang dibina oleh JKR adalah di bawah kategori yang tidak perlu mendapatkan kelulusan pelan bangunan dan juga dikeluarkan dengan CFO kerana apabila pelan bangunan itu dikemukakan untuk kelulusan, maka ianya tertakluk kepada UPPL iaitu selepas itu CFO ataupun pada masa akan datang CCC akan dikeluarkan. Konsep CFO atau CCC adalah prinsipnya ialah PBT yang berkenaan perlu dirujuk kepada profesional atau pegawai teknikal sebagai contoh arkitek ataupun *engineer* untuk mengesahkan supaya bangunan itu telah dibina mengikut spesifikasi teknikal. Dengan itu barulah diberi satu kelulusan.

Bagi JKR, JKRIah menjadi autoritinya di dalam kerajaan yang mengawal selia profesional JKR ataupun arkitek dan merekalah pihak berkuasa yang berautoriti. Kalau sekiranya mereka pula pergi ke PBT, PBT rujuk balik kepada mereka untuk pengesahan ini adalah satu langkah yang sebenarnya tidak perlu dan sebenarnya perkara ini telah diputuskan oleh Jemaah Menteri pada tahun 90-an supaya untuk...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Bangun*]

Dato' Seri Ong Ka Ting: ... mengurangkan masa menunggu untuk memastikan segala pembangunan yang diuruskan oleh kerajaan ini supaya tidak lewat dan boleh lebih cepat, maka itu adalah satu prinsip yang diamalkan sekarang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Dato' Menteri. Dato' Menteri sedia maklum bahawa di PBT itu dia ada satu *one stop agency*, di mana semua jabatan-jabatan perairan kalau di Kedah MADA dan sebagainya duduk di situ untuk melihat pelan-pelan yang dipohon, kerana JKR dia tentang bangunan tetapi tentang akses, tentang jalan masuknya tentang sistem pembuangan air kotornya. Jadi yang ini semua ini JKR mungkin tidak

ambil kira. Yang ambil kira tentang bangunan dia, tetapi jalan masuk macam mana? Dari segi Tenaga Nasional macam mana, dari segi perparitan macam mana? Jadi ini juga kadang-kadang timbul masalah Yang Berhormat Dato' kerana JKR boleh buat bangunan tetapi akhirnya masalah-masalah sampingan daripada pembinaan bangunan tersebut akan menjadi masalah balik kepada PBT.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Memang apa yang diulas oleh Yang Berhormat tadi ada satu asas. Oleh kerana perkara ini telah diteliti oleh Jemaah Menteri dan diputuskan apa-apa perubahan perlu dirujuk balik pada Jemaah Menteri. Saya faham sebenarnya ada juga bangunan termasuk sekolah ataupun bangunan yang lain yang dibina oleh JKR mungkin dia terdapat sesuatu kekurangan jalan masuk ke apa maka kalau PBT dapat melibatkan ia dapat jadi lebih lengkap. Ini memang ada dia punya asas yang dia sebut tadi. Walau bagaimanapun, perkara ini perlu dibawa balik untuk di bincang apakah pandangan semua pihak termasuk JKR dan ini perlu diputuskan di dalam Jemaah Menteri sekali lagi. Terima kasih Yang Berhormat kerana maklum balas yang mempunyai asas. Satu lagi saya akan teks ini sebenarnya akan menjawab tempat beriadah nanti saya akan jawab apabila sampai ke situ.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Kerajaan Persekutuan rumah kos rendah turut dibina oleh kerajaan negeri serta pihak swasta yang sentiasa berganding bahu bagi memastikan penyediaan rumah-rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang mencukupi bagi membantu golongan berpendapatan rendah memiliki atau menyewa rumah terutamanya di kawasan bandar. Secara umumnya purata kos pembinaan seunit rumah kos rendah antara RM50,000 hingga RM60,000 di Semenanjung Malaysia dan di antara RM75,000 hingga RM85,000 di Sabah dan Sarawak.

Kos tersebut melibatkan kos pembinaan bangunan dan kos penyediaan infrastruktur serta kemudahan-kemudahan berkaitan. Bagi menghadapi keadaan tersebut, pemaju-pemaju swasta lazimnya menyerap lebih rumah-rumah kos rendah ke dalam harga jualan rumah jenis lain yang dilaksanakan. Sementara itu bagi projek-projek perumahan kos rendah yang dibina oleh kerajaan, lebih kos adalah ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan dalam bentuk subsidi bagi meringankan beban golongan berpendapatan rendah.

Mengenai saranan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tenom, Lanang dan Bera supaya menyediakan rumah yang sesuai selesa dan berkualiti bagi golongan berpendapatan rendah. Kementerian ingin memaklumkan bahawa...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Ong Ka Ting: ...kerajaan melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah menyediakan standard perumahan kebangsaan.

Bagi perumahan kos rendah jenis rumah pangsa, SIS 2/1998 serta keperluan perancangan dan undang-undang pembangunan yang perlu dipatuhi oleh semua pemaju perumahan termasuk agensi kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan tahniah kepada kementerian yang telah menyediakan balai bomba di Puchong dan saya mewakili penduduk Puchong saya ucapkan tahniah dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana keprihatinan terhadap keperluan orang-orang Puchong mengenai balai ini.

Mengenai pembasmian kemiskinan bandar ini, salah satu faktor ialah penyediaan rumah yang diberikan kepada golongan yang berpendapatan rendah ini.

■ 1740

Saya tahu kementerian Yang Berhormat itu adalah diberikan tanggungjawab yang berat untuk menyediakan semua infrastruktur ini tetapi saya hendak tanya, selain daripada penyediaan rumah-rumah kos rendah ataupun sederhana rendah ini di kawasan-kawasan bandar ataupun pinggiran bandar ini, apakah rancangan lain daripada kementerian Yang Berhormat yang boleh mengurangkan beban tekanan, khasnya penduduk-penduduk di bandar ini supaya kos sara hidup mereka yang semakin hari semakin meningkat ini supaya mereka dapat menjalani kehidupan yang lebih senang lagi sebab bagi saya, penyediaan kemudahan dan juga kos rendah ini adalah salah satu faktor utama. Satu lagi ialah bagaimana kalau ada rancangan atau program yang lain, bagaimana kita boleh mempertingkatkan lagi kemahiran mereka, *skill* mereka, dengan izin, dan juga pengalaman mereka untuk mencari rezeki pada masa-masa depan ini. So, apakah rancangan daripada kementerian? Itu satu persoalan yang saya hendak tanya.

Yang kedua, tadi telah Yang Berhormat Cheras ada sentuh mengenai OSC, *one stop centre* ini. So, apakah peranan OSC ini, khasnya di Selangor ini saya difahamkan kerana penubuhan OSC ini, maka jawatankuasa-jawatankuasa perancangan dalam sesuatu majlis itu. So, apakah beza fungsi di antara jawatankuasa perancangan yang telah diwujudkan di bawah PBT ini dan juga jawatankuasa OSC ini. Untuk makluman Yang Berhormat, sekarang ini macam di majlis-majlis tertentu ini, segala permohonan susun atur ini nampaknya telah terus disalurkan kepada OSC ini walaupun itu projek-projek yang dirancang atau mungkin tidak begitu besar atau begitu *urgent* hendak diluluskan. So, apakah komen dan pendapat daripada Yang Berhormat Menteri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya akan sampai kepada pembasmian kemiskinan bandar. Memang ada dalam ucapan saya nanti. Bagi OSC, *one stop centre*, prinsipnya ialah untuk memendekkan masa menunggu dan juga mengurangkan birokrasi supaya tidak bertindih dan satu perubahan yang besar yang diputuskan oleh Jemaah Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah melancarkan itu. Jadi ia telah pun memendekkan masa di mana pada dahulunya daripada masa sekeping tanah dipohon untuk ubah syarat, pecah sempadan dan sebagainya, kemudian dapatkan kebenaran merancang sampai ke pelan

bangunan. Semua ini ia bertindih dan berturut-turut. Jadi masanya lama, banyak sangat jawatankuasa.

Bagi OSC, ia sudah semua ditumpukan pada satu jawatankuasa, tidak payah lagi keluar masuk ke pejabat tanah, kemudian PBT, kemudian kepada agensi teknikal dan lain-lain. Oleh sebab itu, untuk satu masa permulaan memanglah ahli-ahli majlis tidak berapa mendapat menyesuaikan diri pada permulaan dan ramai kata mengapa mereka tidak terlibat. Konsep OSC ialah mengurangkan *intervention* ataupun campur tangan daripada terlalu ramai orang termasuk daripada parti politik ataupun wakil-wakil dan sebagainya kerana garis panduan telah pun begitu telus, begitu jelas. Semuanya telah disemak dengan baik. Ia tidak lagi perlu terlalu banyak pandangan diberi. Kalau ada pun sesuatu yang tidak kena, dia pun boleh merayu dan *inspectorate* akan memeriksa dan pihak-pihak Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri juga dapat membantu.

Jadi oleh sebab itu kita perlu beri masa untuk proses ini berjalan dengan lebih licin dan didapati OSC ini telah pun memberi kesan di banyak tempat. Ramai mereka yang terlibat dalam pemajuan ataupun pembangunan projek telah pun mengatakan ini adalah satu cara yang baik walaupun terdapat sedikit *teething problem*, dengan izin, ataupun sedikit sebanyak kelemahan pada mulanya. Itu pun dapat kita atasi dengan cepat dan saya yakin pada masa akan datang, ianya akan jadi satu sistem yang telus dan juga konsisten di seluruh negara.

Saya hendak berbalik kepada rumah yang saya tengah terangkan tadi, mengenai rumah kos rendah, piawaian yang ditetapkan itu dan dipatuhi oleh semua pemaju. Piawaian tersebut menekankan aspek pematuhan bagi pemaju perumahan dari segi mematuhi dan juga memenuhi aspek keselamatan kesihatan, sesuai didiami, tempat terlindung dan terjamin dalam memastikan aspek kualiti setiap rumah yang dibina diberi keutamaan. Standard tersebut disediakan dengan mengambil kira keperluan masyarakat dan budaya di negara kita di mana rumah kos rendah yang dibina hendaklah...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bandar Kuching.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Nanti saya siap dahulu. Hendaklah mengandungi tiga bilik tidur, dua bilik air, ruang dapur dan ruang tamu dengan keluasan lantai minimum keseluruhan hendaklah tidak kurang daripada 60 meter persegi atau 650 kaki persegi. Standard-standard tersebut juga turut merangkumi penyediaan rumah dari aspek saiz, bahan-bahan binaan, kemudahan sosial dan sebagainya. Kementerian melalui Akta Perancangan Bandar dan Desa juga menggariskan keperluan-keperluan yang perlu disediakan seperti kemudahan kawasan lapang, taman-taman permainan dan pelbagai kemudahan awam yang berkaitan.

Semua langkah diambil bagi memastikan kawasan-kawasan perumahan dibina dengan lengkap ke arah meningkatkan taraf hidup masyarakat. Walau bagaimanapun, di bawah CCC, pihak perundingan adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kualiti sesuatu pembinaan

sebelum CCC dikeluarkan. Oleh yang demikian, semua projek pada masa akan datang tidak timbul lagi masalah tidak mempunyai kawasan lapang yang secukupnya untuk tempat beriadah seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat dari Jerai tadi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Berbalik kepada program memberi bantuan, program pembasmian kemiskinan dan memberi bantuan kepada orang miskin. Adakah program ini juga dilaksanakan di Sarawak kerana mengikut apa yang saya tahu, majlis-majlis daerah di Sarawak bukan di bawah kementerian Yang Berhormat. Oleh itu saya ingin tahu, adakah program itu dan peruntukan diperuntukkan kepada Majlis-majlis Bandar raya dan Majlis Perbandaran di Sarawak. Kalau ada, berapakah peruntukannya?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ya, saya telah kata tadi ada bahagian mengenai pembasmian kemiskinan bandar yang belum saya sampai. Nanti saya akan jawab semua sekali apabila sampai ke bahagian itu. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari kawasan Parit Sulong..

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Lipis.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Ini mengenai rumah.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Rumah?

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Kos rendah. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, jadi saya bersetuju supaya rumah-rumah kos rendah atau Program Perumahan Rakyat ini didirikan mengikut keadaan budaya dan lokasi setempat. Sebagai contohnya kalau di bandar, oleh kerana ruang tanahnya tidak ada, kita dirikan rumah pangsa. Mungkin di pekan kecil atau di bandar-bandar kecil seperti di Kuala Lipis mungkin kita buat rumah teres.

Tetapi kalau di kampung, sesuai dengan budayanya, rasanya kita kena buat rumah sebiji-sebiji. Mungkin saiznya kecil tetapi rumah sebuah-sebuah supaya mereka ada kawasan. tempat untuk bercucuk tanam. Sebagai contohnya, di kawasan Parlimen saya di Kampung Kerambit, rumah yang didirikan adalah rumah teres. Jadi, kebanyakan pemohon atau yang hendak membeli rumah di situ kerana ia proses beli, jadi bila mereka menengok keadaan rumah yang tidak ada tempat langsung untuk bercucuk tanam, mungkin hati mereka tawar dan sebagainya dan sehingga kini rumah itu rasa saya belum lagi terjual sudah hampir setahun lebih. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Yang Berhormat daripada Lipis memang saya ada jawapan yang akan sampai. Yang Berhormat telah berucap dalam masa ucapan dan saya akan sentuh perkara ini nanti.

Yang Berhormat daripada Parit Sulong, untuk makluman pada dasarnya kerajaan tidak akan menetapkan harga rumah yang dijual di Malaysia kecuali rumah-rumah kos rendah kerana

kerajaan berpendapat banyak faktor atau *variable*, dengan izin, yang menentukan harga sebuah rumah dan keadaan tersebut adalah amat sukar untuk menentukan harga rumah yang berkaitan.

■1750

Mengenai pinjaman bank bagi membiayai pembelian rumah-rumah, keputusan pihak bank menawarkan pinjaman adalah berdasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan tertentu yang merupakan dasar bank-bank berkenaan. Sehingga kini kerajaan tidak bercadang untuk mengubah atau memperkenalkan kaedah baru bagi bank-bank untuk mengeluarkan pinjaman kepada pemohon-pemohon yang layak.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari kawasan Batu Sapi, sehingga kini Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan hampir 2,600 unit rumah PPR lima tingkat di daerah Sandakan. Dari jumlah tersebut 1,400 unit sedang dalam pembinaan dan 1,200 unit akan dilaksanakan. Semua rumah-rumah tersebut adalah untuk tujuan di sewa bagi menyediakan keperluan rumah kepada golongan setinggan dan berpendapatan rendah yang tidak atau belum mampu membeli rumah sendiri. Pada masa kini, harga syiling rumah kos rendah bagi negeri Sabah dan Sarawak adalah RM42,000. Harga tersebut adalah berdasarkan kepada keperluan minimum tiga bilik tidur dan dua bilik air dengan keluasan 650 kaki persegi ke atas. Harga tersebut secara umumnya adalah rendah jika dibandingkan dengan kos pembinaan bangunan dan infrastruktur projek-projek berkaitan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari Sepanggar, rumah mesra rakyat dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad ataupun SPNB. Sementara Jabatan Perumahan Negara, melaksanakan projek perumahan rakyat ataupun PPR. Harga jualan rumah PPR di seluruh negara telah ditetapkan oleh kerajaan iaitu pada kadar RM35,000 di semenanjung Malaysia dan RM42,000 di Sabah dan Sarawak. Kadar tersebut telah diputuskan selepas mengambil kira kemampuan golongan berpendapatan rendah untuk membayar balik pinjaman membiayai pembelian rumah-rumah tersebut.

Bagi golongan sasaran yang tidak mampu membelinya, mereka boleh memohon untuk menduduki rumah PPR di sewa dengan kadar di sewa RM124 sebulan. Kementerian sentiasa berusaha bagi meningkatkan kualiti rumah-rumah PPR yang dibina dan dalam konteks itu kos pembinaan sebenar rumah-rumah tersebut bukanlah faktor penentu kepada kualiti rumah yang dibina di mana kerajaan akan menanggung lebih kos pembinaan rumah-rumah tersebut dalam bentuk subsidi pada rakyat.

Dalam usaha membantu golongan berpendapatan rendah, kementerian melalui bahagian skim pinjaman perumahan yang sedang membuat kajian ke atas nilai pinjaman yang akan diberikan dan juga syarat-syarat pinjaman.

Berhubung dengan isu pembinaan PPR di kawasan luar bandar yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Lipis dan diulang tadi, kerajaan perlu melaksanakan projek PPR di kawasan luar bandar atau kampung dalam bentuk teres untuk menjimatkan kos pembinaan

rumah. Selain itu pembinaan rumah dalam bentuk sesebuah akan melibatkan penggunaan tanah yang lebih luas. Terdapat sesetengah kawasan di mana dari segi tanah dapat sesuai kerajaan pernah membina rumah berkembar ataupun semi-D dalam bentuk ini, tetapi rumah kos sesebuah itu, kosnya adalah tinggi kerana tanah. Kalau sekiranya tanah itu dapat dibekalkan tanpa mengenakan kos, kerajaan akan dapat timbang hanya dengan memberi subsidi terhadap pembangunan. Sebenarnya di Pahang juga terdapat rumah berkembar di sesetengah tempat. Jadi di kawasan Lipis sekiranya kerajaan negeri dapat membekalkan tanah secara tidak mengenakan kos, mungkin kita boleh kaji sejauh mana cadangan ini dijalankan. Buat masa kini rumah teres masih satu amalan biasa.

Pihak kementerian menghargai Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krau bagi mengatasi masalah projek perumahan PPR dan PAKR iaitu Projek Awam Kos Rendah yang terbengkalai di negeri Pahang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang dimaklumkan, SUK negeri Pahang, kementerian mendapati projek rumah kos sederhana rendah di kawasan Kuala Krai hanyalah melibatkan sejumlah 187 unit dan projek ini dikendalikan sepenuhnya oleh kerajaan negeri.

Bagi Projek Awam Kos Rendah (PAKR), di Kerdu yang didakwa terbengkalai yang melibatkan 196 unit, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ianya telah dilaksanakan sepenuhnya dan telah pun perolehi sijil layak menduduki ataupun CF. Projek tersebut telah diserahkan kepada SUK Kerajaan Negeri Pahang untuk diagihkan kepada peserta yang layak. Pada masa ini pihak SUK sedang melaksanakan penempatan secara berperingkat dan unit yang didapati rosak akan dibaiki apabila rumah tersebut ditawarkan kepada penghuni. Manakala PPR *buyer sold* yang terlewat, jadual terlewat telah dimulakan semula kerja-kerja pembinaannya dan projek ini dijangka siap pada penghujung tahun ini iaitu bulan Disember.

Mengenai isu projek PPR di Inanam seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sepanggar. Penyediaan infrastruktur di sesuatu kawasan hanyalah satu dari kriteria yang diambil kira dalam perancangan dan pelaksanaan projek-projek PPR di seluruh negara. Faktor utama yang perlu diambil kira ialah keperluan bagi menempatkan golongan setinggan yang terdapat di kawasan tersebut. Dalam konteks tersebut, kerajaan negeri melalui pihak berkuasa tempatan berkaitan perlulah menyediakan maklumat-maklumat setinggan yang lengkap, yang terdapat di sesuatu kawasan untuk dijadikan asas pertimbangan sebelum sesuatu projek PPR dipertimbang untuk dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara telah melaksanakan sebanyak 200 unit PPR di Inanam dan kesemua unit telah diduduki. Mengenai masalah penempatan semula di setinggan di Kampung Pondok seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, perkara ini adalah di bawah tanggungjawab kerajaan negeri. Pada masa ini Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perumahan Negara telah membina sebanyak 4,500 unit rumah di bawah Program PPR di Telipot yang terletak kira-kira 10 meter dari

kawasan penempatan setinggan Kampung Pondok. Kerajaan negeri melalui pihak berkuasa tempatan berkaitan bertanggungjawab melaksanakan urusan pemindahan penduduk-penduduk setinggan yang layak ditempatkan di PPR dan kelayakan hanyalah kepada penduduk bertaraf warganegara sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Jerlun, isu yang telah dibangkitkan telah diambil kira oleh kementerian semasa membuat pindaan Akta Perumahan Kawalan dan Perlesenan pada 1 Disember 2002 dan 12 April 2007. Beberapa perkara disebut itu semuanya telah pun diambil kira dalam pindaan ini supaya pada masa akan datang masalah yang sama tidak berulang lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Jerlun, kerajaan sedar bahawa kerja-kerja pungutan sampah ataupun sisa pepejal memerlukan sistem pengurusan kerja yang sistematik dan berkesan. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah pun meluluskan sertaewartakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 pada 30 Ogos 2009. Dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah akta ini, Kerajaan Persekutuan akan mengambil alih tanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Labuan dan Putrajaya. Tujuannya ialah untuk memastikan mutu perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di PBT dapat ditingkatkan dan dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan apabila akta ini dilaksanakan. Kerajaan akan memastikan perkhidmatan yang diberi adalah mengikut jadual dan mengikut KPI atau *Key Performance Indicator* seperti mana yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tebrau, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian akan melaksanakan program pembasmian kemiskinan bandar. Sejarajar dengan matlamat RMK-9, iaitu untuk membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan separuh kemiskinan keseluruhan kepada 2.8% menjelang tahun 2010. Program kemiskinan bandar akan dilaksanakan secara *house hold* dan *target specific approach*.

■1800

Mengikut kumpulan sasar yang dikenal pasti di bandar-bandar tersebut, golongan setinggan dan ibu tunggal berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang ditetapkan oleh kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Bandar Kuching juga sebut dan juga seorang lagi Yang Berhormat Puchong juga tanya mengenai kemiskinan bandar.

Pada masa kini bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kita mempunyai tujuh komponen projek untuk kita melaksanakan melalui PBT iaitu;

- (i) penyediaan perumahan keluarga miskin;
- (ii) pengurangan beban tanggungan keluarga;
- (iii) menubuhkan Pusat Sejahtera;
- (iv) penjanaan pendapatan keluarga;

- (v) pendidikan dan latihan;
- (vi) penyediaan pangkalan data; dan
- (vii) bantuan ihsan penduduk miskin di bandar.

Program ini merangkumi Sarawak dan Sabah. Kita dapatkan kerjasama daripada kerajaan negeri. Pada tahun akan datang kita akan memperluaskan menjadikan memantapkan lagi program-program yang ditetapkan.

Selain perumahan untuk mereka yang miskin, sebenarnya mereka yang miskin ini boleh dikatakan kebanyakan tidak mampu nak memiliki rumah. Itu sebabnya PPR sewa itu telah dijadikan sebahagian daripada program ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bera, sila.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak tanya dari segi kawasan yang berhak untuk menerima bantuan kemiskinan bandar tadi.

Jika kita lihat di dalam PBT ada dua kawasan yang dianggap di dalam PBT. Pertamanya di kawasan bandar sendiri dan kedua di kawasan servis iaitu di laluan kiri kanan laluan jalan besar mendapat khidmat PBT-PBT yang berkaitan.

Jadi saya nak tanya, adakah mereka yang berhak menerima bantuan ini termasuk mereka yang berada di dalam kawasan servis di laluan-laluan tadi. Sebab setengah laluan itu di luar bandar atau di kampung-kampung. Kita tidak tahu sama ada ianya boleh diletakkan di bawah Kementerian Luar Bandar untuk mendapat rumah PPRT ataupun untuk rumah yang disediakan di bawah kemiskinan bandar tadi. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tanggungjawab atau program ini masih baru iaitu baru dimulakan.

Bagi pihak PBT ini ialah kali pertama mereka diberi tanggungjawab. Sebelum itu Program Pembasmian Kemiskinan adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Maka bagi kerajaan, kita tidak akan menjadikan terlalu ketat atau *rigid* kalau sekiranya keluarga itu memang miskin dan dia telah mematuhi syarat-syarat, sebagai contoh pendapatan isi rumah setiap bulan telah pun adalah di bawah PGK. Keluarga itu mestilah diberi bantuan tak kira dia daripada Kementerian Perumahan ataupun daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, asalkan dia tidak terima *double* ataupun dua kali.

Ini bagi Pihak berkuasa Tempatan biasanya di luar bandar, Yang di-Pertua PBT juga adalah Pegawai Daerah. Jika Pegawai Daerah dia faham apa yang dia laksanakan oleh pembangunan luar bandar. Bagi Yang di-Pertua dia juga Tuan Yang di-Pertua PBT. Kalau terdapat sempadan sebegini biasanya PBT yang merupakan luar bandar mereka sepatutnya ada satu penyelarasan memastikan keluarga itu mendapat bantuan.

Bagi saya kawasan untuk perkhidmatan, dia bukan *fully* di bawah kawalan; hanya untuk kawalan dan tempoh perkhidmatan PBT masih boleh bantu, yang penting ialah ia tidak bertindih.

Jika terlalu banyak agensi semua memberi bantuan yang sama jenis maka kerajaan perlulah mengelakkan pertindihan itu.

Pada masa akan datang, sebenarnya Jemaah Menteri sudah memutuskan supaya semua agensi kerajaan pusat yang mempunyai sesuatu program berkaitan pembasmian kemiskinan perlu diselaraskan.

Pada masa kini Unit Perancang Ekonomi (UPE) di bawah Jabatan Perdana Menteri sedang menyelaraskan semua ini. Apabila semua ini dah dapat dijelaskan, maka ia tidak akan timbul lagi pertindihan pada masa akan datang.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri Perumahan.

Saya dengar sejak tadi bagaimana kemiskinan ini begitu berlarutan di kawasan-kawasan perbandaran. Kita kira bahawa di kawasan-kawasan bandar sebenarnya tidak sepatutnya adanya golongan-golongan miskin yang sudah semestinya mereka tidak dapat bersaing dengan orang kaya di bandar. RM500 pada mereka tidak jadi apa-apa pun berbanding orang kaya di bandar.

Pertama sekali saya nak tanya jangka masa, apakah kerajaan mengehendkan jangka masa tertentu untuk mereka hidup keadaan miskin dalam bandar.

Kedua, saya nampak sekiranya untuk mengatasi kemiskinan dalam bandar ini kalau kita bagi RM500 atau RM1000 kemiskinan mereka akan berterusan. Apa kiranya kalau kita bawa mereka ke kampung, kita pindah mereka ke kampung menyediakan tanah-tanah perkampungan kepada mereka. Kemudian kalau kita bagi RM500 atau RM1,000 pun mereka sudah baik dah. Jadi dengan cara bawa mereka ke kampung saya rasa boleh mengatasi keadaan ini, kita cuba empat atau lima keluarga bagi keselesaan kepada mereka. Jika kita bagi bantuan pun kekal mereka dalam keadaan miskin. Melainkan kita fikir dengan satu cara lain bagaimana nak ubah kemiskinan mereka, itu saya rasa boleh kalau tidak mereka berkekalan dalam keadaan miskin.

Apa yang peliknya Yang Berhormat Menteri, saya tengok kalau dekat Hari Raya lahirlah golongan-golongan miskin yang begitu ramai sekali dan menteri-menteri pun mengadakan pembahagian macam-macam lagi kepada orang miskin masa Hari Raya. Lepas Hari Raya tak ada orang miskin, masuk Raya ada orang miskin. Menteri-Menteri, Setiausaha kementerian dan pelbagai lagi untuk bagi derma kepada golongan-golongan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tiada kaitan ini.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Jadi bagaimana keadaan ini dapat kita lihat memalukan keadaan negara kita sedangkan negara kita kaya sebenarnya. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Yang Berhormat dari Pasir Mas, mungkin Yang Berhormat masih tak berapa faham sebenarnya siapa dia yang benar-benar miskin di bandar, mereka ada di mana.

Sebenarnya bilangan mereka yang benar-benar miskin di bandar, bilangannya tak banyak tetapi mereka masih wujud dan kita perlu bantu. Sebagai contoh, mereka duduk di *flat* PPR yang dahulunya mereka duduk di setinggan ataupun sesebuah keluarga mula-mulanya dia nampak dia tak miskin tetapi malangnya pada satu hari ketua isi rumah yang menjadi orang yang dapat gaji tiap-tipa bulan untuk membiayai kehidupan, dia sakit atau kemalangan dan meninggal. Jadi tinggal hanya ibu tunggal duduk di *flat* atau di PPR yang sewa. Jadi inilah keluarga miskin.

Tidak boleh kita kata bawa dia pergi kampung, saya ingat fikiran itu tidak berapa praktikal dalam hal ini. Kerajaan kena bantu rakyat kita tak kira dia di kampung ke juga di bandar. Jika dia di bandar dia sudah menyesuaikan diri, anak-anaknya dah bersekolah di bandar kita bantu dia terus hidup di bandar supaya dia dapat keluar daripada masalah kemiskinan.

Program yang saya sebut tadi, bukan bagi RM500 sebagai kebajikan, tidak. Program semua ini adalah untuk satu strategi jangka panjang. Di mana kalau sekiranya terdapat ketua isi rumah sama ada ibu tunggal bapa tunggal ataupun abang yang seorang sahaja bekerja, ia tengok apa jenis pekerjaannya. Kita bantu dia dari segi tambang bas, bantu dia untuk pergi masuk ke pusat latihan sebagai contoh Kolej Komuniti, kita bayar dia punya yuran, meningkatkan dia punya kemahiran supaya dia boleh dapat gaji yang lebih tinggi.

■1810

Capacity building itu sebagai salah satu komponen. Anak-anak pergi ke sekolah kita bagi dia tambang dan kalau anak dapat masuk ke universiti kita sediakan persiapan hendak masuk universiti. Kita bantu dari segi itu. Ini bukan hanya bagi wang sahaja dan tidak mahu tahu apa yang berlaku selepas itu. Program ini semuanya ada strategi jangka panjang supaya keluarga itu dapat keluar daripada masalah kemiskinan ini.

Dengan adanya beberapa agensi kita yakin pada tahun 2010, Perdana Menteri sudah sebutkan bahawa tahun 2010 kita hendak tengok kemiskinan tegar itu sudah tidak ada dan kemiskinan biasa itu menjadi separuh sehingga 2.8% iaitu separuh daripadanya. Ini adalah satu sasaran yang telah digariskan dengan jelas.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Sepanggar, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun menyediakan Garis Panduan Piawaian Perancangan Tanah Lapang dan Rekreasi yang ada menyentuh tentang hierarki penyediaan tanah lapang dan rekreasi mengikut jumlah penduduk. Ini juga meliputi peruntukan sekurang-kurangnya satu padang bola sepak bagi kawasan lot permainan bagi sesuatu pekan. Walau bagaimanapun peruntukan dan penguatkuasaan pemakaian garis panduan tersebut adalah bergantung pada setiap PBT sendiri untuk dikuatkuasakan dalam proses kebenaran

merancang di mana setiap pemajuan perlu memperuntukkan 10% daripada keluasan pemajuan sebagai kawasan lapang.

Manakala berhubung dengan projek sukan *extreme* di Pantai Likas yang terbengkalai, perkara ini adalah di luar bidang saya. Mungkin ada kementerian lain akan menjawab.

Kementerian menyambut baik cadangan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kalabakan mengenai usaha mengindahkan rumah-rumah kedai dan bangunan di seluruh Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini tidak ada peruntukan khusus yang membolehkan pihak berkuasa tempatan mewajibkan pemilik bangunan persendirian dalam kawasan bandar untuk memperbaiki dan mengecat bangunan mereka yang sudah usang. Walau bagaimanapun PBT sentiasa memberi perhatian terhadap aspek kebersihan dan keceriaan kepada bangunan-bangunan awam serta tempat-tempat awam bagi menjadikan sesebuah bandar tersebut kelihatan terurus dan terancang.

Kementerian turut menyalurkan peruntukan kepada PBT bagi tujuan menaik taraf kemudahan dan infrastruktur awam serta kerja-kerja mengindahkan bandar. PBT juga dari masa ke semasa akan terus meningkatkan kesedaran pemilik bangunan persendirian mengenai kepentingan memelihara bangunan masing-masing. Sekiranya pemilik bangunan didapati membiarkan bangunan miliknya berkeadaan kotor serta boleh menimbulkan kemudaratan, maka tindakan kompaun boleh diambil oleh PBT sebagaimana yang diperuntukkan oleh seksyen 74 Akta Kerajaan Tempatan. Seksyen 75 akta yang sama juga memberi kuasa kepada PBT untuk memasuki serta membersihkan sesebuah bangunan.

Selain itu di bawah seksyen 85A Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, PBT boleh mengarahkan pemeriksaan ke atas sesebuah bangunan dari aspek struktur dan boleh mengeluarkan suatu perintah kepada pemilik bangunan tersebut untuk membaiki sebarang kecacatan sekiranya ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kalabakan juga, kementerian ini mengambil maklum akan cadangan penubuhan jawatankuasa bagi menyelaras kerja-kerja penyelenggaraan jalan. Namun demikian buat masa ini tidak ada peruntukan khusus bagi tujuan penyelenggaraan jalan yang disalurkan oleh kementerian ini kepada PBT. Hanya peruntukan yang melibatkan projek kecil bagi membina dan menaik taraf jalan sahaja yang disalurkan kepada PBT di seluruh Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Lanang, cadangan pelaksanaan pembinaan rumah melalui konsep bina dan jual dalam bentuk 10 - 90 telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 7 Jun tahun lepas. Konsep ini akan dilaksanakan secara selari dengan konsep sedia ada iaitu jual kemudian bina bagi satu tempoh peralihan selama dua tahun di mana pemaju boleh memilih mana-mana konsep dan kajian selanjutnya akan dibuat. Pada masa ini konsep bina kemudian jual hanya dilaksanakan di Semenanjung Malaysia dan cadangan pelaksanaan konsep ini di Sabah dan Sarawak amat dialu-alukan oleh Kerajaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Lanang bagi menangani masalah yang berkaitan dengan tunggakan bayaran termasuk juga bayaran kompaun tempat letak kereta, PBT telah melaksanakan sistem bayaran yang lebih mesra pelanggan selain daripada bayaran di kaunter PBT. Antaranya ialah bayaran di pejabat pos, bayaran secara *online* serta kaunter bergerak di kawasan yang mudah dikunjungi seperti pusat membeli belah. PBT juga boleh memperkenalkan sistem potongan atau diskaun bagi mereka yang membayar dalam tempoh yang ditetapkan. Kaedah ini dapat menggalakkan orang ramai untuk membuat bayaran dengan lebih teratur di samping dapat membantu PBT meningkatkan sumber hasilnya. Walau bagaimanapun pembaharuan cukai jalan (*road tax*) adalah masih tertakluk di bawah bidang kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah mengikut peruntukan undang-undang di bawah peraturan Akta 663 iaitu Penyelenggaraan dan Pengurusan Harta Bersama 2007, tugas penguatkuasaan pelaksanaan akta ini diletakkan di bawah bidang kuasa Pesuruhjaya Bangunan yang dilantik di setiap PBT. Walau bagaimanapun kerajaan telah mengambil langkah untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan akta ini dan dalam proses penyediaan garis panduan dan peraturan Akta 663 bagi melicinkan dan memastikan penguatkuasaan dapat dilakukan dengan berkesan.

Bagi kes penduduk Rumah Pangsa Taman Tun Aminah seksyen 23, pemilik rumah harus membayar caj penyelenggaraan mereka dan kegagalan berbuat demikian, Pesuruhjaya Bangunan melalui PBT berhak mengambil tindakan penguatkuasaan penahanan harta alih mengikut seksyen 32 dan 33 Akta 663. Kerajaan telah mewujudkan Akta 663 khusus bagi mengatasi permasalahan yang berkaitan dengan penyelenggaraan dan pengurusan bayaran berstrata. Konsep Pesuruhjaya Bangunan diperkenalkan sebagai moderator dan mengatasi permasalahan yang timbul. Oleh hal yang demikian Akta 663 telah menjelaskan peranan semua pihak iaitu pemaju, pembeli, penduduk JMC dan MC bagi memastikan penyelenggaraan dan pengurusan harta berstrata yang sempurna.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Langkawi disebabkan oleh penggunaan tanah yang terhad di Pulau Langkawi *incinerator* merupakan cara terbaik bagi melupuskan sampah sarap di pulau tersebut. Pembinaan *incinerator* di Pulau Langkawi juga akan dilengkapi dengan kemudahan *energy recovery* untuk mengurangkan kos operasi loji ini. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga *landfills* yang sedia ada masih mempunyai jangka hayat yang panjang bagi melupuskan sampah sarap di Pulau Langkawi. Di samping itu usaha menggalakkan kitar semula juga turut dijalankan bagi mengurangkan kadar sampah sarap yang perlu dilupuskan.

Ahli Yang Berhormat bagi Bagan telah mengutarakan isu projek *Butterworth Outer Ring Road* yang menyebabkan hakisan pantai dan masalah kemudahan tempat berekreasi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah mengambil kira perkara ini di dalam kajian draf Rancangan Tempatan Seberang Prai Utara di mana kawasan tambak laut telah dizonkan sebagai zon riadah dan zon rekreasi. Langkah-langkah bagi mengawal hakisan pantai di kawasan tambakan telah cuba diambil kira dalam garis panduan pembangunan kawasan pantai bagi zon tersebut. Manakala beberapa kawasan rekreasi baru telah pun dikenal pasti. Walau bagaimanapun kementerian menyarankan supaya Kementerian Kerja Raya mengambil kira isu ini dalam perancangan pembangunan lebuhraya dengan syarikat *concessionaire*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Padang Serai, wanita turut memainkan peranan penting dalam membuat keputusan di PBT khususnya sebagai Ahli Majlis di sesebuah PBT. Meskipun jumlah keseluruhan Ahli Majlis wanita di PBT pada masa kini hanya 405 orang iaitu 12.56% sahaja namun jumlah ini boleh ditambah lagi sekiranya mutu kerja sentiasa ditingkatkan dari semasa ke semasa.

■1820

Kementerian percaya setiap kerajaan negeri akan memberi perhatian sewajarnya ke atas perkara ini kerana pelantikan Ahli Majlis di PBT adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri seperti mana diperuntukkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan. Di beberapa buah PBT seperti Majlis Perbandaran Johor Bahru, Majlis Perbandaran Shah Alam, Majlis Perbandaran Kemaman, Majlis Perbandaran Port Dickson dan Majlis Perbandaran Kulim jumlah Ahli Majlis wanita adalah 20% daripada jumlah Ahli Majlis PBT berkenaan. Selain itu beberapa jawatan penting di PBT seperti Yang Dipertua, Setiausaha dan Pengarah Jabatan juga pernah disandang oleh wanita. Untuk makluman, di kementerian saya kita telah melantik Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan untuk seluruh negara daripada seorang pegawai wanita yang berkebolehan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, sesebuah bandar baru seperti Puncak Alam akan mengambil masa 20 hingga 30 tahun untuk dibangunkan sepenuhnya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa pelantikan Ahli Majlis Tempatan adalah merupakan kuasa kerajaan negeri. Itu saya setuju tetapi Ahli-ahli Majlis ini semuanya adalah terdiri dari komponen parti Barisan Nasional. Semua orang tahu bahawa mereka mesti terlebih dahulu menjadi ahli politik komponen parti Barisan Nasional dan untuk mencalonkan Ahli-ahli Majlis ini ialah hak kuasa setiap parti politik masing-masing. Sekiranya kerajaan ingin mencapai 30% pembuat keputusan adalah wanita, parti-parti komponen Barisan Nasional haruslah mengguna pakai dasar ini bahawa apabila mereka hendak mencalonkan Ahli-ahli Majlis Tempatan ini haruslah 30%nya adalah dari wanita.

Tadi, Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa sekiranya prestasi mereka adalah baik jadi peratusannya akan meningkat, tetapi selalunya pemimpin-pemimpin seperti Yang Berhormat apabila berucap kepada kaum wanita akan mengatakan bahawa '*women can hold up half of the sky*' - [Bercakap dalam bahasa Cina] Itu menunjukkan bahawa wanita adalah mampu

untuk menjawat apa-apa jawatan tetapi apabila datangnya untuk mencalonkan mereka untuk jawatan-jawatan ini dia telah mengatakan bahawa mungkin wanita ini tidak berkelayakan atau tidak begitu mampu.

Saya mengatakan bahawa ini adalah hipokrasi. Saya pun tahu parti MCA, parti UMNO, parti Gerakan tidak mengguna pakai dasar 30% ini. Adakah MCA pada tahun hadapan akan mengguna pakai bahawa 30% calon Ahli Majlis Tempatan adalah terdiri dari kaum wanita?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kita bincang perkara ini secara objektif. Kalau hendak masukkan unsur politik banyak unsur politik boleh dikatakan. Yang Berhormat Bukit Mertajam kalau hendak tegur parti-parti lain tengok parti sendiri dulu. Tengoklah parti DAP dulu. Adakah pengumuman DAP secara terus terang hari ini mengatakan bahawa pencalonannya memastikan 30% wanita? Buat dulu baru tegur! Tengok dululah baru boleh komen atau tidak. Kalau itu belum buat jangan tegur orang lain. Kalau hendak bahas pasal politik tidak payahlah kita buang masa.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Cukuplah. Cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. Penjelasan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Sudah cakap.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya hendak beritahu bahawa parti DAP telah menerima pakai 30% calon akan terdiri daripada wanita sekiranya kita ada cukup wanita yang ingin tampil ke hadapan, tetapi untuk calon pelantikan Ahli Majlis Tempatan itu bukan untuk bertanding. Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri memberitahu saya bahawa di dalam MCA yang ahli wanitanya merupakan 37% ahli MCA tetapi tidak ada wanita yang cukup pandai, cukup berupaya untuk dilantik menjadi Ahli Majlis?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Okeylah. Tidak payah jadi batu api untuk MCA. Jaga diri sendiri dulu. Biarlah sampai satu hari yang duduk di sini adalah 30% barulah cakap kuat sedikit. Kalau tidak itu semuanya hanya cakap-cakap politik sahaja. Tuan Yang di-Pertua...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau sudah 30%, sekarang ada 25% berapa MCA ada?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Kalau Yang Berhormat masuk MCA baru saya beritahu. *[Beberapa ahli parti pembangkang menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua, perubahan suasana pasaran hartanah dan perubahan dasar akan berlaku di sepanjang tempoh tersebut yang mungkin memerlukan perancangan-perancangan asal dikaji semula. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kita telah ada Jawatankuasa Perancangan Negeri untuk memantau perancangan dan pembangunan di peringkat negeri dan PBT.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Batu Kawan, kementerian melalui Jabatan Kerajaan Tempatan telah mengenal pasti projek yang dipohon serta rayuan yang telah dibuat oleh Majlis Perbandaran Seberang Prai dan mengambil maklum tentang pentingnya pasar tersebut. Sehubungan dengan itu kementerian saya menyedari betapa pentingnya membaik pulih projek yang terbengkalai ini serta telah bersetuju meluluskan sebanyak RM4 juta untuk menyiapkan kerja-kerja terbengkalai serta menaik taraf pasar tersebut untuk keselesaan pengunjung dan peniaga. Peruntukan untuk tahun ini sebagai satu permulaan awal iaitu RM200,000 telah diperuntukkan untuk memulakan pemuliharaan projek itu dan disambung pada tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah cuba menjawab kebanyakan isu. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi memberikan pandangan dan cadangan mengenai isu yang berkaitan dengan kementerian saya dan segala cadangan dan pandangan akan diambil perhatian serta tindakan sewajarnya akan diambil oleh kementerian saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sekarang saya jemput Kementerian Pertahanan untuk menjawab. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

6.28 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Timur dan Yang Berhormat Muar yang telah membangkitkan berkaitan dengan Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya menjelaskan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur mengenai *offshore petrol vessel (OPV)* yang belum beroperasi dan kenaikan harga kontrak. Untuk makluman Yang Berhormat Ipoh Timur kenaikan harga kontrak yang sebenarnya ialah dari RM5.53 bilion kepada RM6.7 bilion iaitu penambahan sebanyak RM1.4 bilion bukannya dari RM4.9 bilion kepada RM6.75 bilion.

Sebenarnya dua daripada enam buah OPV telah pun diterima iaitu OPV1 KD Kedah pada 2 Jun 2006 dan OPV2 KD Pahang pada 28 Julai 2006. Kedua-dua OPV tersebut kini sedang beroperasi dalam perkhidmatan Tentera Laut Diraja Malaysia. Manakala baki empat buah OPV lagi sedang dalam pembinaan oleh *Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd.* dan dijadualkan penerimaannya mulai Disember 2008 hingga Mac 2010.

■1830

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman akibat kelemahan di bawah pengurusan lama syarikat PSCND iaitu anak syarikat *Penang Ship Building Corporation Industry* projek ini telah tergendala pada tahun 2006. Lembaga Tabung Angkatan Tentera atau pun LTAT telah mengambil alih PSCI yang kini dikenali sebagai *Boustead Heavy Industry Corporation* bagi meneruskan pembinaan kesemua enam buah OPV, syarikat memerlukan tambahan sebanyak

RM1.4 bilion. Tambahan ini diperlukan kerana pemberhentian kerja pembinaan pada 2006 mengakibatkan pembekal-pembekal luar negara turut memberhentikan kerja mereka dan bagi meneruskan semula telah mengenakan kos tambahan dan penalti.

Kedua, penjadualan semula tarikh penyerahan asal OPV dari 2007 kepada 2010 telah meningkatkan harga peralatan kapal. Selain dari itu harga bahan mentah terutamanya harga besi dan kos buruh meningkat akibat perlanjutan tempoh penyerahan OPV.

Keempat, peningkatan mendadak adalah kadar mata wang euro iaitu sebanyak 30% dalam tempoh tahun 2000 hingga 2007. Dengan penambahan siling kontrak sebanyak RM1.4 bilion lagi ini menjadikan harga sebuah OPV adalah sebanyak RM1.13 bilion berbanding dengan RM 2 bilion sekiranya kontrak ini dihentikan selepas menerima dua buah OPV kapal sahaja.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ahli Yang Berhormat bagi Muar memohon penjelasan tentang kos keperluan logistik dan infrastruktur yang diperlukan untuk melatih semua pelajar lepasan SPM.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan, sebelum Yang Berhormat alih kepada tajuk yang lain, isu ini pun ada terdapat teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara. Sebenarnya ini merupakan satu penyelewengan yang terbesar sekali dalam laporan Ketua Audit Negara yang berbelanja RM1.4 bilion daripada anggaran yang asal dan sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memberi beberapa alasan, tetapi tidak boleh dinafikan ialah satu penyelewengan yang terbesar dan sungguhpun baru-baru ini ada beberapa orang ada ditangkap oleh Badan Pencegah Rasuah oleh kerana bertanggungjawab mengenai penyelewengan sama ada mengenai *screw driver* dan *jack* dan lain-lain yang berpuluh-puluh atau beratus-ratus peratus lipat ganda harganya, tetapi kenapa dalam perkara ini khasnya apabila Ketua Audit Negara dalam laporannya berkata bahawa sebenarnya pertambahan RM1.4 bilion tidak mendapat justifikasi yang memuaskan. Kenapa tiada seorang pun yang ditangkap dan didakwa oleh kerana bertanggungjawab dengan RM1.4 bilion pada Dewan ia merupakan satu isu yang terbesar dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat bagi Ipoh Timur dalam saranan yang saya kemukakan tadi, ada empat faktor yang menyebabkan penambahan dan sebab awal adalah dengan kegendalaan PCND dan dalam rundingan PCND dan *Bousted Heavy Industry* telah mengambil alih dan tambahan ini bersabit dengan kelewatan, kegagalan dan kemungkinan seperti yang telah Yang Berhormat katakan, ada orang-orang yang telah ditangkap dan itu bukan tanggungjawab Kementerian Pertahanan. Orang yang ditangkap mesti daripada pihak polis, pihak mana yang berkuasa. Ini menunjukkan ada tindakan undang-undang yang telah diambil, dan perkara-perkara...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penangkapan bukan berkenaan dengan OPV. Mengenai teguran-teguran Ketua Audit Negara kes-kes yang lain khasnya Kementerian Belia mengenai pembelian *jack* dan *screw driver* dengan harga yang beratus-ratus ganda dan bukan

tiada seorang yang ditangkap, didakwa sungguhpun ini merupakan kes yang terbesar sekali dalam Laporan Ketua Audit Negara, RM1.4 billion penyelewengan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya telah menerangkan tadi bahawa tambahan RM1.4 bilion dan beberapa sebab-sebab yang telah saya kemukakan dan ini menjadi RM1.4 bilion ini termasuk tentang kelewatan dan penalti, tentang kenaikan harga barang kalau kita nak teruskan pembinaan empat *petrol vessel* lagi, nanti kita jangan lupa bahawa terdapat kenaikan pertukaran mata wang euro dolar daripada empat lebih kepada lima ringgit lebih pertukaran dengan wang negara kita.

Saya nyatakan di sini umpamanya kos tambahan dan penalti ialah RM240 juta. Peningkatan harga bahan mentah dan harga buruh ialah RM100 juta, peningkatan harga peralatan RM460 juta, dan pertukaran mata wang asing RM600 juta. Ini menjadikan RM1.4 bilion. Ini adalah akaun yang dipecahkan, yang diagihkan dan ini yang telah dikemukakan kepada Audit Negara dan sudah tentulah pihak Audit Negara seperti kata Yang Berhormat tidak ada justifikasi dan kita menerangkan itulah justifikasinya. Janganlah kita mengatakan dengan kenaikan harga barang maka kita terpaksa beli dengan harga yang lama dan jangan pula kita mengatakan ada pertukaran RM600 juta pertukaran asing kita mengikut harga yang dulu, sedangkan pada masa sekarang kenaikannya lebih daripada yang dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya terima kasih. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa inilah rumusan yang dibuat dalam laporan audit ini, Laporan Ketua Audit Negara berkata secara keseluruhannya pengurusan, perolehan enam buah OPV ini tidak dibuat dengan baik dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Ini telah mengakibatkan bukan sahaja OPV lewat disetkan bahkan melibatkan pertambahan kos berjumlah RM1.4 bilion.

Itulah oleh kerana kecuaiannya orang-orang yang berkenaan, pegawai-pegawai berkenaan dalam sama ada perancangan, pelaksanaan dan pemantauan dan mungkin sehingga ke peringkat tertinggi. Sekarang ialah ianya dalam zaman *accountability* di mana adalah jaminan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa orang-orang yang bertanggungjawab mengenai penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dan wang, wang yang didedahkan dalam tindakan Laporan Ketua Audit Negara, tindakan akan diambil terhadap mereka. Kenapa dalam MINDEF nampaknya yang terlibat dalam satu penyelewengan yang terbesar sekali dalam Laporan Ketua Audit Negara 2006 tiada seorang pun diambil tindakan terhadap mereka?

Yang kedua bukannya benar bahawa sungguhpun harga telah naik daripada RM5.35 bilion kepada RM6.75 bilion, ini bukan angka yang muktamad, mungkin akhirnya angka yang lebih tinggi perlu diperuntukkan dan ini pun ada disebut oleh Laporan Ketua Audit Negara khasnya ini adalah satu teguran yang dibuat yang kita perlukan satu jawapan bahawa sehingga 31 Disember 2006, Kementerian Pertahanan telah membayar sejumlah RM4.6 bilion termasuk bayaran pendahuluan berjumlah RM1.07 bilion kepada kontraktor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kementerian Pertahanan Malaysia telah membayar sejumlah RM 4.26 bilion termasuk bayaran pendahuluan sejumlah RM1.07 bilion kepada kontraktor.

■ 1840

Manakala kemajuan fiskal pembinaan enam PV adalah bernilai RM2.87 bilion. Berdasarkan nilai kontrak bagi 6 PV berjumlah RM5.09 bilion dan nilai kemajuan fiskal tersebut, jumlah yang diperlukan untuk menyiapkan 4 PV lagi ialah RM2.2 bilion berbanding dengan baki nilai kontrak berjumlah RM832.92 juta. Didapati sebahagian besar daripada bayaran berjumlah RM4.26 bilion adalah untuk perolehan peralatan dan sistem secara *confirmation of order* di mana sebahagian daripadanya tidak dapat disahkan sama ada telah diterima atau sebaliknya.

Sekiranya peralatan dan sistem yang telah dibayar itu tidak dapat dikesan, kementerian akan menanggung kos tambahan untuk membeli semula peralatan dan sistem tersebut untuk menyiapkan baki 4 PV tersebut dan kenapa ini suatu *open ended*, mungkin harga yang lebih tinggi perlu dibayar akhirnya, kenapa?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya, Yang Berhormat mengatakan kepada saya kenapa kalau harga yang lebih tinggi perlu dibayar. Harga yang lebih tinggi yang telah kita bersetuju ialah RM1.4 bilion daripada tambahan yang dahulu sama ada setelah perjanjian ini dibuat, harga yang lebih tinggi akan dikenakan ataupun tindakan akan diambil mesti berdasarkan prestasi yang akan dibuat oleh *Boustead Heavy Industries* ini.

Untuk jawapan sangkaan Yang Berhormat, bahawa tindakan ataupun satu pandangan ataupun undang-undang telah diambil, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Ipoh Timor atas syak dan wasangka Yang Berhormat, pihak kerajaan juga ada mempunyai syak dan wasangka dan seperti yang telah dijanjikan kalau terdapat syak dan wasangka, satu penyiasatan akan dibuat.

Saya ingin memaklumkan berhubung dengan perkara ini, BPR telah memulakan siasatan ke atas kontrak perolehan OPV dan hasil siasatannya masih belum kita ketahui lagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Laporan polis dibuat kepada BPR mengenai 6 OPV oleh Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng tetapi di sini saya mahu satu balasan daripada laporan Ketua Audit Negara. Justifikasi untuk menaikkan nilai kontrak dengan sejumlah RM1.4 bilion melalui kontrak tambahan kedua yang di tandatangani pada bulan Januari 2007 juga tidak dinyatakan dengan jelas. Bayaran berjumlah RM943.46 juta iaitu dekat satu bilion ringgit tidak dapat disahkan oleh pihak audit kerana baucar hilang atau tidak dapat dikesan.

Bagaimana baucar-baucar untuk RM1 bilion boleh hilang? Bukankah ini tentu menunjukkan ada penyelewengan, kenapa tidak ada tanggungjawab MINDEF mengenai perkara ini. Sebenarnya kenapa sampai sekarang tiada seorang pun yang ditangkap dan didakwa di mahkamah sama ada korupsi atau amalan curang atau penyalahgunaan kuasa dan wang, satu bilion ringgit baucar yang hilang. Bukankah ini satu *scandal of the biggers magnitude*.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah mengatakan bahawa penyiasatan telah dibuat dan ia akan terlibat dengan apa yang telah Yang Berhormat sebutkan tadi kalau ia menjadi suatu kenyataan. Tidak ada siapa yang boleh selamat kerana siapa yang membayar, mengeluarkan wang daripada kerajaan ia terpaksa menandatangani dan bertanggungjawab di atas perkara ini. Insya-Allah seperti apa yang telah saya maklumkan, pihak BPR telah membuat penyiasatan ini.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kepong. Hendak bagi Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu kepada Dewan ini iaitu di dalam rancangan untuk menyiapkan enam buah kapal OPV ini dan pada mulanya kita ada rancangan untuk menghabiskan lebih 10 pada asalnya tetapi sekarang kita hendak membina enam. Yang satu dan dua sudah beroperasi dan empat lagi belum. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan ini kalau tidak boleh hari ini, dengan bertulis setiap kapal itu yang dilancarkan dan kos bagi setiap kapal sehingga enam, bilakah semua ini akan beroperasi dan kos yang meningkat daripada asal berapa kali ganda. Tolonglah bagi maklumat ini.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya telah menyarankan tadi bahawa kosnya akan meningkat. Walau bagaimanapun ia akan mencapai kepada tahap RM1.13 bilion dan jadual penyiapannya ialah akan sampai kepada 2010. Sekiranya pihak kontraktor boleh menyiapkan dalam masa yang lebih cepat, insya-Allah ia dipercepatkan lagi.

Pemantauannya dibuat secara serius oleh sebab yang menjalankan kontrak ini ialah Lembaga Tabung Angkatan Tentera Malaysia di bawah subsidiya iaitu *Boustead Heavy Industries*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab. Saya tanya sama pertambahan RM1.4 bilion daripada RM5.35 bilion kepada RM6.75 bilion adakah ini pertambahan yang terakhir atau muktamad atau ada lagi yang lebih tinggi.

Akhirnya saya mahu tanya mengikut laporan Ketua Audit Negara mengenai OPV1 dan OPV2, semasa penyerahan OPV1 yang dikenali sebagai KD Kedah pada 2 Jun 2006, terdapat sebanyak 100 item atau kerja masih belum diselesaikan dan keadaan yang sama juga berlaku semasa penyerahan OPV2 ialah KD Pahang pada 27 Julai 2006, di mana sebanyak 383 item atau kerja masih belum diselesaikan. Kenapa ini boleh berlaku. Kenapa ini benar-benar berlaku? Bukankah ini menunjukkan bukan sahaja kelemahan tetapi kegagalan pemantauan

MINDEF dan apakah keadaan sekarang mengenai KD Kedah dan KD Pahang sekarang mengenai kecacatan yang disebut dalam laporan Ketua Audit Negara.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat, sebenarnya istilah kecacatan itu tidak betul, kekurangan mungkin sebab semua OPV ini telah belayar dan menjalankan operasi. Apa pun kekurangan di kedua-dua *petrol vessel* ini mesti diambil alih oleh *Boustead Heavy Industries*. Ini dalam perundingan mereka dan persetujuan ini telah diberi kepada kita barulah pihak *Boustead Heavy Industries* boleh mengambil alih pembinaan atau meneruskan pembinaan empat buah kapal lagi dan dalam perundingan dan penilaian dengan kerajaan dan Kementerian Pertahanan Malaysia, maka perkara-perkara yang telah kita bincangkan tadi dan yang telah dibangkitkan Yang Berhormat iaitu sampai kepada tambahan RM1.4 bilion dan perkara ini bukan sahaja diluluskan oleh lembaga tender Kementerian Pertahanan Malaysia, tetapi pihak Kementerian Pertahanan Malaysia telah mengemukakan kepada pihak Kabinet dahulu setelah dipertimbangkan oleh pihak Kabinet kerajaan Malaysia, maka kita membuat persetujuan ini dan apa yang telah Yang Berhormat bangkitkan berkali-kali adakah setelah tambahan RM1.4 bilion tidak ada tambahan lagi.

Saya tidak dapat berkata tidak boleh ataupun tidak mungkin kerana dia akan berlaku keadaan-keadaan yang di luar jangka ataupun dalam pengubahsuaian ataupun kita kata dia punya *Variation Order (VO)*, kontraktor boleh kemukakan tetapi pihak kerajaan akan mempertimbangkan sama ada sesuai atau tidak.

■1850

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini bukan VO, ini VVO! *Variation on Variation Order!* Itu VVO, bukan VO!

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat boleh tambahlah berapa kali V pun; tapi kalau Yang Berhormat juga sudah faham, itulah caranya tapi seperti juga yang telah dibuat VO tentang RM1.4 bilion. Setelah dipersetujui, barulah mereka boleh menandatangani dan mengambil alih tanggungjawab ini. Itu saya tak boleh mengatakan kemungkinan tak boleh berlaku, saya juga tak boleh mengatakan kita tak boleh mengurangkan sekiranya prestasi mereka tidak baik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah Yang Berhormat setuju bahawa sebenarnya VO atau VVO, *Variation Order* atau *Variation* kepada *Variation Order* ialah cara korupsi yang berlaku! Korupsi dan penyalahgunaan wang. Ini yang berlaku, yang standard!

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya belum pun bertemu dengan VVOC, VVO korupsi ya. Saya belum bertemu dengan keadaan dan kejadian ini, maka saya tidak boleh menerima teguran ataupun cadangan ini.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bandar Kuching. Nak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mengenai penyelewengan yang membabitkan RM1.4 bilion. Perkara ini telah di*highlight*kan oleh Audit Negara dan telah dilaporkan di surat khabar. Walaupun sekarang ACA adalah menjalankan siasatan atas perkara ini, takkan kementerian Timbalan Menteri sendiri ada menjalankan siasatan? Kenapa perkara ini di dalam Menteri? Kenapa yang ACA nak cari adalah bukti-bukti mengenai korupsi tapi perkara ini bukan saja korupsi, mungkin kecuaiian.

Kecuaiian mungkin tidak *amount to corruption*, tetapi apakah tindakan sekarang yang telah diambil oleh kementerian sendiri atas perkara ini dan siapakah yang telah disyaki terbabit? Adakah timbalan menteri sendiri atau adalah TPM yang terbabit dalam perkara ini, oleh itu Yang Berhormat tidak sudi memberikan nama yang disyaki terlibat dalam perkara ini. Siapa orang atasan yang terbabit dalam siasatan? Ada apa-apa tindakan yang diambil oleh kementerian sendiri dalam kementerian? Kita tak boleh menyerahkan perkara ini semua kepada ACA. ACA itu untuk menyiasatkan kelakuan korupsi dan *how about the thing about efficiency, internal audit* yang untuk mengelakkan kecuaiian, *mismanagement*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Perkara ini tak akan disiasat oleh ACA dan apa tindakan yang diambil oleh kementerian setakat ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat jawab isu ini, habiskanlah isu ini Yang Berhormat. Pindah ke tajuk lainlah ya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Habis dah. Sebab saya dah jawab habis dah, kerana mereka memerlukan kefahaman yang mereka tak faham. Jadi kefahaman yang tak faham ini memang susah untuk kita terjemahkan kepada keadaan yang rasional. Macam persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor, Yang Berhormat daripada Kepong tentang penyelewengan dan syak dan sebagainya, Kuching bangkit perkara yang sama juga.

Jadi kalau semua Ahli Parlimen daripada DAP bertanya perkara yang sama, saya menjawab perkara yang sama juga. Saya telah menerangkan...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Apa tindakan diambil oleh kementerian sendiri?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Itu telah kita pinda daripada kontrak 'PICND' kepada *Boustead Holding* dan perkara yang berkaitan tentang penyelewengan dan sebagainya, pihak BPR telah membuat penyiasatan. Itu agensi yang lebih berkuasa untuk menyiasat dan mengambil tindakan cadangan mereka untuk kalau ianya perlu dibawa ke mahkamah, mereka akan bawa ke mahkamah. Kalau kita pun, kita terpaksa membuat laporan dan minta pihak BPR untuk membuat penyiasatan. DAP juga minta BPR untuk membuat penyiasatan, so *what's wrong* kalau kita benarkan BPR untuk membuat penyiasatan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, jawab yang lain Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Nak jawab yang lain dah pun. Namun faktor kekurangan kemudahan infrastruktur di PLKN, sumber manusia dengan kekangan kewangan menjadikan penambahan bilangan pelatih-pelatih terpaksa dilakukan secara berperingkat. Sekiranya semua lepasan SPM yang layak mengikuti PLKN yang dianggarkan lebih kurang 376,000 orang setiap tahun. Perbelanjaan bagi tujuan latihan dianggarkan berjumlah RM2.48 bilion, manakala lebih kurang RM297 juta diperlukan untuk kos pengangkutan yang melibatkan 20,800 buah bas. Bagi aspek kemudahan tempat latihan, sebanyak 313 buah kem diperlukan berasaskan kepada seramai 400 orang pelatih setiap kem. Bagi aspek sumber manusia pula, seramai 12,833 orang jurulatih dan staf pentadbiran diperlukan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya terdapat cadangan-cadangan atau pernyataan-pernyataan secara langsung atau tidak oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekiranya sekali lagi yang tidak dapat saya sentuh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Yang Berhormat, Tangga Batu, Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: ..Kementerian Pertahanan akan memberi ... terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu Yang Berhormat, Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat,

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya, saya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pada minggu lepas, Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada mengeluarkan kenyataan selaku Menteri Pertahanan, tentang jika pengusaha kem latihan khidmat negara ini menggunakan pendekatan *Blue Ocean Strategy* ataupun Strategi Laut Biru/Gelombang Biru ini.

Maka masalah-masalah yang timbul di dalam pengurusan dan pentadbiran kem latihan khidmat negara ini dapat diselesaikan dan banyak perkara-perkara baru boleh dilaksanakan di dalam pengendalian dan pengurusan kem. Boleh Yang Berhormat beritahu saya di Dewan yang mulia ini, apakah maksud Timbalan Perdana Menteri/Menteri Pertahanan menyatakan sedemikian. Adakah pihak kementerian menghadapi masalah dengan pengusaha-pengusaha kem latihan khidmat negara pada hari ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tangga Batu, saya ucapkan berbilang-bbilang terima kasih. Seperti Yang Berhormat sarankan bahawa adakah terdapat banyak masalah antara kementerian dan pengusaha-pengusaha kem.

Saya akui kita dapat banyak masalah dan sebab itulah kita sentiasa mengadakan hubungan dengan mereka dan memberi nasihat serta berbincang perkara-perkara yang kita rasa

mereka perlu tingkatkan daripada segi pengubahsuaian ataupun keadaan kebersihan dan pengawalan. Sehingga sampai kepada peringkat bahawa kita berunding dengan Kementerian Kesihatan. Ini supaya Kementerian Kesihatan dapat membantu dan menolong membekalkan pakar-pakar daripada segi *medical* untuk menentukan bahawa pemantauan dan penggunaan kemudahan kesihatan atau kebersihan ini dapat dipantau oleh pihak Kementerian Kesihatan dan pegawai-pegawai kesihatan sendiri.

Selain daripada itu, kita juga sentiasa mengadakan pegawai membuat lawatan kepada kem-kem yang berkenaan sama ada kita dapat mengetahui ataupun kita diberitahu ataupun Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri memaklumkan kepada kita tentang perkara yang mereka rasa tidak puas hati. Maka pemantauan hendaklah dijalankan oleh pihak PLKN bagi menentukan kecacatan ini tidak berlaku berterusan ataupun kekurangan ini tidak berlaku sehingga boleh menjejaskan pencapaian yang kita kehendaki seperti mana yang telah kita rancang.

Jadi, apa yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan akan menjadi satu saranan yang patut diketahui dan diambil kira oleh pihak kontraktor PLKN. Mereka jangan menganggap bahawa PLKN akan membiarkan kesilapan dan kesalahan yang mereka telah lakukan dan kita akan memutuskan sekiranya mereka tidak mengikut saranan dan nasihat kita, mengikut kehendak Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, kita akan menamatkan kontrak mereka sampai kepada tahap itu.

■1900

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat saya ucapkan sekali lagi terima kasih dan insya-Allah pandangan dan nasihat Yang Berhormat itu kita akan gunakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Kementerian Keselamatan Dalam Negeri untuk menjawab. Timbalan Menteri sila.

7.00 mlm.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Bagi isu-isu yang telah disentuh saya akan cuba memberi penjelasan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor ingin mengetahui tindakan yang diambil oleh kerajaan di dalam Bajet 2008 bagi menangani peningkatan indeks jenayah yang semakin membimbangkan. Tuan Yang di-Pertua, keselamatan awam adalah prasyarat untuk menjana pertumbuhan ekonomi dan memastikan kesejahteraan rakyat. Kerajaan komited untuk membanteras jenayah. Sejumlah RM6 bilion diperuntukkan kepada Polis Diraja Malaysia bagi

tahun 2008. Kerajaan akan meningkatkan pengawasan polis terutamanya di kawasan berisiko tinggi berlaku jenayah.

Selaras dengan ini, keupayaan dan kecekapan PDRM akan dipertingkatkan dengan pengambilan 60,000 anggota polis baru dalam tempoh lima tahun, pegawai penyiasat dan penolong pegawai penyiasat akan dibekalkan dengan tambahan 2,000 unit kereta nasional iaitu kereta ronda dan 1,600 komputer manakala 1,900 motosikal disediakan untuk meningkatkan aktiviti pengawasan dan rondaan polis. Unit bergerak forensik PDRM juga akan ditubuhkan di setiap kontinjen polis. Kerajaan juga akan memasang lebih banyak CCTV yang dihubungkan ke pusat kawalan polis. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan. Mengenai usaha dan cadangan untuk menambahkan pasukan polis dengan 60,000 orang, adakah benar sungguhpun ini ada diumumkan satu tahun sampai sekarang tak ada seorang anggota polis yang baru ditambah setelah mengambil kira persaraan. Tidak ada seorang anggota yang baru ada ditambah bukan sahaja sasaran itu untuk lima tahun tetapi tidak ada apa-apa *increase*. Itu untuk PR, tadi ada seorang anggota Timbalan Menteri kata untuk PR sahaja, untuk bising-bising sahaja tetapi tidak ada *nett effect increase on the ground*. Apa kata terus cakap mengenai 60,000 tetapi satu orang anggota baru yang ... *terms* tidak ditambah untuk satu tahun ini.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan adalah tidak benar. Penambahan anggota baru memerlukan latihan dan kapasiti latihan kini yang disediakan oleh PULAPOL dan maktab polis adalah terhad kepada kapasiti 5,000 lebih setahun tetapi buat sementara polis telah mengubah kurikulum latihan di mana satu *batch* akan menerima latihan di pusat PULAPOL dan satu *batch* akan menerima *on job training*. Dengan cara itu kita telah dapat melipatgandakan kapasiti ke 10,000 dan ini telah dapat menambahkan anggota di semua tempat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Dato' Fu Ah Kiow: Misalnya di Johor Baru sahaja kita dapat menambah 400 anggota di situ. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat, saya diberitahu bahawa kapasiti untuk melatih mengikut *syllabus* cara yang lama hanya lebih 2,000 sahaja di seluruh negara dan Yang Berhormat kata sekarang dengan berubah 5,000 sekarang dan kalau kita hendak tambahkan 12,000 setahun untuk memenuhi kehendak kita 60,000 bagaimana kita boleh buat kerana kita perlukan bukan sahaja alat kelengkapan, kemudahan, kita perlukan pelatih dan sebagainya. Macam mana kita cari pelatih untuk tambah kepada 10,000. Bilangan pelatih yang berkaliber yang akan digunakan untuk melatih 12,000 setahun.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, saya tak tahu Yang Berhormat dapat angka itu. Saya hendak katakan kapasiti sedia ada sebelum kita mengubah ke modul latihan memang

5,000 sampai 6,000 bukan 2,000 seperti Yang Berhormat katakan. Kalau Yang Berhormat dapat angka itu, itu kurang tepatlah.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan Yang Berhormat bagi Tumpat juga mencadangkan kaedah pemberian permit ceramah umum dikaji semula supaya lebih adil dan...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Belum jawab lagi Tuan Yang di-Pertua. di mana kita dapat pelatih, bilangan pelatih yang kita perlukan, kemudahan-kemudahan yang kita perlukan. Bukan dalam dua tiga bulan kita dapat siapkan ini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dia tak faham.

Dato' Fu Ah Kiow: Tadi saya sudah kata kapasiti latihan cuma 2,000 itu salah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Salahkah? Bilangan yang bersara setiap tahun berapa?

Dato' Fu Ah Kiow: Tadi yang kata 2,000 itu salah. Kapasiti 5,000 dan lepas itu kita tambah sampai 10,000 dan pengambilan adalah sepanjang tahun.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *No, no, no.* Tak, tak, tak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya tak mahu mempertikaikan angka itu tapi kita hendak tahu misalnya kalau kita terima 5,000 boleh dilatih dengan kaliber yang tinggi, kualiti yang baik dan sebagainya, di mana kita dapat pelatih dan di mana kita tambahkan kemudahan. Ini tak boleh tambah dua tiga bulan sahaja.

Dato' Fu Ah Kiow: Memang pengambilan adalah sepanjang tahun. Kita pun telah mengadakan *walk in interview* dan sebagainya untuk merekrut anggota baru dan lepas itu kita ambil masa enam bulan untuk melatih mereka sebab itu ia ambil masa. Selepas dilatih dia akan diagihkan ke tempat-tempat di mana anggota adalah berkurangan. Cara pengagihan memang polis ada. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan Yang Berhormat bagi Tumpat juga mencadangkan kaedah pemberian permit ceramah umum dikaji semula supaya lebih adil...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, itu masalah pelatih, masalah bilangan. Sekarang kita ada matlamat untuk mencapai 60,000 dalam tempoh lima tahun. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita bilangan rekrut baru dan rekrut yang diambil sekarang untuk memenuhi kehendak kita. Berapa sudah diambil?

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, kita ambil maksimum kepada kapasiti sebab yang memohon adalah melebihi daripada jawatan sedia ada tetapi kita tidak dapat merekrut lebih daripada itu sebab kapasiti latihan adalah terhad. Selain daripada modul yang saya kata tadi kita ada juga langkah-langkah lain untuk menambah kapasiti latihan dan saya akan jawab apabila saya sampai kepada itu.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pembaikan kaedah pemberian permit ceramah umum dikaji semula supaya lebih adil dan terbuka. Tuan Yang di-Pertua, mulai 2 September 2005 kaedah permohonan dan pemprosesan permit untuk mengadakan perhimpunan, perjumpaan dan perarakan di bawah seksyen 27 Akta Polis 1967 telah pun ditambah baik mengikut cadangan

laporan Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM iaitu segala permohonan berserta dokumen-dokumen yang lengkap hendaklah diserahkan ke ibu pejabat polis daerah sekurang-kurangnya lima hari bekerja sebelum tarikh perhimpunan diadakan berbanding dengan keperluan empat hari bekerja sebelum ini.

Semua permohonan yang diterima daripada parti politik pertubuhan dan orang perseorangan untuk mengadakan perhimpunan, perjumpaan, dan perarakan di bawah seksyen 27 Akta Polis 1967 mesti diproses dalam tempoh dua hari selepas menerima permohonan dan permohonan wajib dimaklumkan segera berkenaan dengan status permohonan masing-masing. Dengan demikian, pemohon-pemohon yang permohonannya ditolak mempunyai sekurang-kurangnya tempoh dua hari untuk membuat rayuan kepada Ketua Polis Negeri.

■1910

Permohonan akan dipertimbangkan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan. Antaranya kesesuaian lokasi dan tidak memudaratkan ketenteraman awam.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan. Pernahkah pihak polis atau kementerian yang berkenaan menimbang cadangan yang dibuat oleh SUHAKAM mengenai ceramah?

Datuk Fu Ah Kiow: Tadi sudah jawablah yang mana daripada 14 hari kita kurangkan kepada minimum lima hari pun sudah mencukupi dan itu adalah salah satu daripada cadangan Suruhanjaya Polis.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: SUHAKAM?

Datuk Fu Ah Kiow: SUHAKAM dia cadang aspek mana yang boleh ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: SUHAKAM bukannya sebenarnya mengikut prinsip *freedom of association* dan *assembly* yang ada termaktub dalam Perlembagaan bahawa pada amnya pihak polis memberi kelulusan secara automatik kepada semua permohonan untuk ceramah selain daripada kes-kes tertentu oleh sebab keselamatan. Itu pendekatan yang berlainan, adakah ini pernah ditimbang oleh pihak yang berkenaan?

Datuk Fu Ah Kiow: Dalam syarat-syarat untuk menimbang sesuatu permohonan memang itu pun telah diambil kira dan kalau kita lihat syarat-syarat yang kita letakkan. Ini tidak menjadi masalah dan pihak polis akan sentiasa memberi permit di mana boleh kecuali kes-kes yang tertentu di mana tempat yang kurang sesuai dan kalau pemohon terdiri daripada mereka yang ada rekod atau pemohon membawa masuk warga asing untuk berceramah mungkin dia tidak akan diberi permit tetapi kalau kita lihat rekod selama ini yang tidak diberi permit berbanding yang diberi permit memang jauh berbeza, jarang kita tidak memberi permit. Jadi pandangan-pandangan SUHAKAM memang sudah pun terkandung dalam syarat-syarat pemberian permit.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Datuk Fu Ah Kiow: Ya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri kata telah menerima pakai dan memperbaiki dalam pemberian permit tetapi saya ingin ambil kesempatan ini mengumumkan bahawa baru-baru ini kawasan saya, saya adakan jamuan makan malam. Kebiasaannya kami hanya perlu untuk menghantar empat set borang tetapi baru-baru ini apabila pembantu saya mengemukakan permohonan permit, diberitahu untuk menyediakan 10 set borang. Saya pun hairan mengapa begitu? bukankah patut pihak kementerian dan juga pejabat daerah, balai perlu juga bersama-sama mengurangkan *red tape* dalam aspek itu. Pegawai *insist* dengan izin 10 set borang kalau tidak, tidak mahu terima permohonan. Harap ambil perhatian aspek ini.

Datuk Fu Ah Kiow: Saya tidak tahu berapa set borang kena dihantarlah tetapi kalau di kawasan itu ada kes macam ini saya akan kaji dan tengok balik dan sepatutnya dia diseragamkan di semua tempat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bintulu ada membangkitkan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, habis apa yang saya ucap.

Datuk Fu Ah Kiow: Yang Berhormat dua isu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak, saya dalam ucapan saya pun ada bangkit mengenai apa yang berlaku dalam PDRM, inilah dalam hansard saya 11 September di mana saya ada buat teguran bahawa pihak polis *at war with itself police at war* dengan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan bagaimana boleh memberi efektif yang berkesan dalam misinya untuk mengurangkan jenayah untuk memastikan ada *law and order* di sini. Sebenarnya dalam ucapan saya pun saya ada sebut di mana berlaku isu-isu, perkara-perkara, peristiwa-peristiwa di mana ada pegawai-pegawai polis macam ASP Hong Keng Hock ada akuan berkanun, lain-lain ada akuan buat *statutory declaration* mengenai penyalahgunaan kuasa pegawai-pegawai tertinggi semacam Inspektor Jeneral Polis dan penangkapan orang-orang yang dibebaskan.

Hari ini CID *Director*, Ramli Yusof dalam satu sidang akhbar ada memberi bukti bahawa teguran-teguran saya benar apabila beliau kata bahawa dia dianiayai oleh pihak polis sendiri. Dia adalah satu antara empat pegawai tertinggi dalam Bukit Aman bahawa dia dianiayai, bahawa *informant-informant* yang ada diberi maklumat kepada beliau apabila beliau menjalankan siasatan di bawah arahan Timbalan Menteri Kementerian Keselamatan Dalam Negeri bukan Yang Berhormat tetapi rakan Yang Berhormat, akhirnya menyebabkan satu penangkapan, bahawa *informant* didedahkan oleh sebab dengan izin, *the identity of the informants who obtain to the circumvention of the Sir Inspector General standing orders*, dibuat oleh ACA.

Baru-baru ini di negara kita ada 'Linggam *Tape Scandal*', kenapa mereka yang bertanggungjawab untuk buat rakaman itu tidak mahu keluar untuk memberi maklumat oleh sebab mereka tidak rasa selamat dan dalam kes ini di mana pihak polis yang tertinggi, identiti-identiti pihak polis tertinggi pun boleh dibongkar sehingga mereka pun dianiayai. Bagaimana kita boleh memberi jaminan kepada orang ramai bahawa mereka selamat kalau tampil ke depan

untuk memberi maklumat. Selain daripada itu apa yang berlaku, di mana pegawai-pegawai polis tertinggi, *the police at war with itself*, sendiri bersengketa. Bukan sahaja *at itself* dengan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

Dalam ucapan saya ada buat saya harap dapat satu keterangan yang jelas sama ada pihak polis di Malaysia sekarang tidak pernah berlaku *at the top leadership* bersengketa *one with itself*.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, isu pihak polis *ad war* dengan kementerian dan pegawai-pegawai tinggi dalaman tidak wujud. Kalau ada apa-apa persefahaman perkara itu dapat diselesaikan secara dalaman. Isu yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat dalam ucapan yang saya pun baca hansard itu, ada sentuh isu Hong Keng Kock dan dua pegawai yang telah dituduh sebab kes ini sekarang telah dituduh dan dibawa ke mahkamah.

Saya tidak ingin sentuh secara spesifik perkara-perkara yang telah dibawa ke mahkamah, menghadapi tuduhan mahkamah tetapi ingin saya beritahu di sini bahawa tindakan diambil atas sebab bahawa pihak PDRM mendapati keterangan yang digunakan oleh pegawai polis dalam kertas siasatan mereka dalam menjustifikasikan penggunaan atau perintah kediaman terhad adalah dianggapkan sebagai tidak benar dan ini mungkin merupakan satu penyalahgunaan kuasa.

Kalau keterangan adalah benar mungkin dia boleh salah pandu pihak yang membuat keputusan iaitu kementerian untuk membuat keputusan tentang mengeluarkan perintah tahanan atau perintah buang daerah. Jadi disebabkan itu pegawai dituduh di mahkamah. Bagaimanapun sebab ini telah dalam proses mahkamah saya rasa ini adalah tidak wajar untuk kita sentuh secara *detail*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan. Saya tidak mahu sentuh dengan *detail* mengenai kes Hong Keng Kock oleh kerana dalam kes mahkamah tetapi apa yang kita berminat ialah keadaan huru-hara dalam pasukan polis di mana *top leadership ad war with itself* dan bukan sahaja *at war with itself* dan apa Yang Berhormat sebut tadi benar bahawa adalah salah guna kuasa untuk mengeluarkan satu arahan untuk menahan seorang di sini ialah Tunku, Gua Cheng Poh.

■1920

Adakah ini bererti bahawa rakan Yang Berhormat ialah Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri pun terlibat dalam penyalahgunaan kuasa, beliau pun perlu ditangkap ataupun perlu dipecat. Adakah ini maknanya?

Kedua, apa yang berlaku Ramli Yusof ada mendakwa beliau dianiaya sehingga *sensational news* dikeluarkan bahawa dialah sebelum itu Malaysia Kini, *commercial crime chief*, *I'm the RM27 million man*, bahawa pegawai polis yang ada harta benda RM27 juta tidak diisytiharkan dan sebab itu akan disiasat, ditangkap oleh BPR. Tengoklah sekarang ini antara

satu strategi, satu *power play* antara dua pihak dalam pihak polis dan *internal war* antara *top police leadership*.

Bagaimana ini boleh berlaku? *Where is the top leadership, where is the Minister? Minister* ialah Perdana Menteri, Menteri Keselamatan Dalam Negeri, *is he leaving?* Kenapa boleh membenarkan *war going on in the top police leadership?* Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada kuasa, bukankah ini tidak boleh terus dibenarkan?

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan tadi saya kata jika ada penyalahgunaan kuasa, saya tidak kata ada penyalahgunaan atau salah gunakan saya, jadi jangan salahkan jawapan saya.

Yang kedua, saya kata tidak ada *war* antara pihak PDRM dan kementerian,, tidak. Tetapi tindakan yang diambil oleh pihak polis terhadap mana-mana pegawai atau mana-mana anggota jika ada disyaki melakukan apa-apa penyelewengan, ini sebenarnya menunjukkan bahawa pihak PDRM memang tegas dalam mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak termasuk anggota polis dan pegawai polis tinggi kalau mereka terlibat dalam apa-apa penyalahgunaan kuasa dan sebagainya.

Saya tidak lihat itu sebagai satu *war*, tidak. Saya lihat sebagai itu adalah usaha polis untuk mengamalkan sikap yang telus dan mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang kalau disyaki menyalahgunakan kuasa atau disyaki terlibat dalam sesuatu yang melanggar undang-undang, kita patut lihat dari segi itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana Yang Berhormat boleh menafikan ada pihak polis *at war* bukan sahaja melibatkan BPR, tetapi pun AG, Kamar Peguam Negara. Oleh sebab dalam kes di mana Ho Cheng Poh ada membuat permohonan untuk *habeas corpus* dan perlu affidavit dibuat yang biasanya perlu dibuat oleh CID Director Ramli Yusof oleh sebab unitnya yang bertanggungjawab untuk menjalankan penangkapan. Untuk buat affidavit, tanggungjawab AG's Chamber untuk memberi nasihat, memberi bantuan tetapi dalam kes ini AG's Chamber menolak, *refuse* bantuan segala dan ini dalam kenyataan beliau dengan izin, "*In an unprecedented stance, the legal advisor of the Ministry of Internal Security, an officer of the Attorney-General's Chambers, declined to advise and direct my officers* ialah Ramli Yusof ialah CID Director and I to prepare affidavits of the events surrounding the preparation of the investigative papers on Goh for the benefit of the Deputy Minister of Internal Security.

Those affidavits were to be filed in the High Court arising from the application by Goh to have his banishment order set aside. Given the constraints of time,we,the officers of the CCID sought legal advice from a private law practice who advised and assisted in the preparation of the draft affidavits concerned.

I was under advice at the time that the Attorney-General(Abdul gain Patail) was under a duty to advise and assist us in the preparation of the said affidavits under Article 145 of the Federal Constitution and the Government Proceedings Act, 1956.

My officers and I were then directed to deliver up the confidential case files containing the names of the confidential informants to the Attorney-General's Chambers. I have since been aware that officers of the ACA have tracked down these informants and taken statements from them. Subsequently, these informants have made further statements in connection with their seeking (of) protection from the Deputy Minister of Internal Security..."

Bukankah ini memberi satu gambaran yang sangat mengkhawatiri orang ramai, apa yang berlaku dalam PDRM. Mungkin hari ini Yang Berhormat tidak boleh mungkin memberi satu jawapan yang memuaskan, saya harap oleh sebab lagi sekejap perlu kita menanggungkan, esok Yang Berhormat boleh datang dan memberi *consultation* dengan PDRM, kementerian dan Perdana Menteri selaku Menteri dalam perkara supaya satu jawapan mengenai apa yang berlaku dalam PDRM boleh diberi kepada Parlimen dan kepada rakyat.

Oleh sebab *police leadership at war itself* kali pertama berlaku dalam 50 tahun sejarah Malaysia tidak baik pada negara. Saya harap bahawa Yang Berhormat boleh balik, esok dan beri satu jawapan yang memuaskan.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, tadi secara *detail* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tidak dibangkit dalam ucapan, secara *detail* tidak dibangkit. Jadi tidak boleh salahkan saya tidak bagi jawapan yang *detail*. Tetapi kebiasaannya bila ada satu habeas corpus yang telah di fail di mahkamah, biasanya pegawai undang-undang dari kementerian akan memberi nasihat undang-undang kepada unit di kementerian sama ada kita ambil tindakan dan fail afidavit mempertahankan kes atau tidak, itu kebiasaannya. Jadi saya memang tidak dapat memberi *detail* sebab baru dibangkit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tetapi kes ini AG menolak bantuan, kenapa berlaku dan keadaan ini saya ada bangkit bahawa *police at war with itself*, inilah dalam ucapan saya dan saya harap butir-butiran perkembangan yang baru adalah satu laporan yang terkini boleh diberi kepada Dewan, kepada negara kita ini.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bintulu juga membangkitkan kegiatan gengsterisme yang semakin membimbangkan di beberapa kawasan di Sarawak termasuk Sibul, Bintulu dan Kuching. Apakah tindakan polis untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, untuk menangani isu ini PDRM telah mengambil beberapa tindakan termasuk menjalankan OPS Cantas Kenyalang. Sepanjang OPS Cantas Kenyalang dijalankan, beberapa tindakan telah diambil. Di antaranya satu menjalankan Operasi Cantas Kenyalang secara bersepadu bagi mengenal pasti kumpulan kongsi gelap yang bergerak aktif di Sarawak. Kedua, mengambil tindakan proaktif terhadap kumpulan yang telah dikenal pasti dengan membuat serbuan, tangkapan, serta dokumentasi terhadap para ketua dan ahli kumpulan. Ketiga, mengambil tindakan di bawah Ordinan Darurat terhadap ketua dan ahli kumpulan yang telah dikenal pasti terlibat dalam aktiviti berunsurkan gengsterisme.

Setakat ini beberapa tangkapan telah pun dibuat melalui undang-undang pencegahan dan bilangan tangkapan, tahanan dan sekatan adalah seperti berikut. Jumlah yang telah ditangkap di bawah seksyen 31 Ordinan Darurat ialah 24 orang. Jumlah yang telah dikeluarkan perintah oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri ialah 20 orang dan jumlah dikenakan di bawah seksyen 41 Ordinan Darurat

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jasin, nak bagi?

Datuk Fu Ah Kiow: Saya habis dulu, sekejap lagi ya. Jumlah dikenakan di bawah seksyen 4(1) Ordinan Darurat iaitu yang dikenakan perintah tahanan ialah 13 orang, jumlah dikenakan di bawah seksyen 4A(1) Ordinan Darurat iaitu yang dikenakan perintah sekatan adalah 7 orang.

Jumlah tahanan ialah 60 hari yang masih menunggu perintah dari Kementerian Keselamatan Dalam Negeri ada empat orang. Jumlah yang telah dikenakan tindakan mengikut daerah adalah seperti berikut Miri tiga orang, Kuching lima orang, Sibu 13 orang, Bintulu tiga orang. Tindakan berterusan bagi membanteras gengsterisme dan jenayah berkaitan di Sarawak masih diteruskan termasuk di kawasan Kapit.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya lihat masalah di Sarawak itu ada *progress* nya, tetapi malangnya buat apa yang polis nak hebahkan, nak mengadakan OPS, OPS Kenyalang apa semua, pergi senyap-senyap, pergi tangkap gengster-gengster ini semua, kumpul mereka, nak buang daerah ke, nak masukkan dia ke dalam, buat sajalah. Tetapi janganlah umumkan kita nak buat OPS Kenyalang, bila hendak buat OPS sahaja, larilah dia. Ada yang dah lari ke Semenanjung, ada dah lari sini sana, buat 'sonyap-sonyap' kata orang Negeri Sembilan. Apa pendapat Yang Berhormat Menteri?

■ 1930

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, ada kebaikan, ada keburukan kalau kita umumkan sesuatu Ops, sebab bila kita umumkan sesuatu Ops, ini menunjukkan pihak polis memang serius di dalam mengambil tindakan dan ianya boleh menakutkan mana-mana pihak yang cuba melibatkan dalam mana-mana aktiviti gengsterisme. Kalau tidak ada pengumuman pun nanti, Yang Berhormat kata tidak ada apa-apa tindakan diambil. Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah memberi angka-angka mengenai berapa orangkah yang sudah ditahan di bawah *Emergency Ordinance*. Saya juga ingin tahu berapa

orang polis sendiri yang telah ditahan di bawah *Emergency Ordinance*? Sejak beberapa tahun ke belakang ini kerana ada lapan orang polis yang berjumpa saya. Mereka ditahan pada tahun 1998. Setelah di bawah seksyen 117 CPC, selama 10 hari kemudian mereka ditahan selama 60 hari dan selepas itu di bawah *Emergency Ordinance*. Selepas lapan bulan mereka dilepaskan, tetapi mereka dibuang kerja dan mereka hendak tahu sekiranya mereka tidak melanggar mana-mana undang-undang, ataupun apakah maksudnya mereka dilepaskan di bawah *Emergency Ordinance* tetapi tetap dibuang kerja? Jadi saya hairanlah ada juga anggota polis ditahan di bawah *Emergency Ordinance*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat, ya...

Dato' Fu Ah Kiow: Isu baru semasa saya menggulung perbahasan. Kalau begitu, tidak habis-habis dalam... kena bertanya dan meminta penjelasan atas isu yang saya jawab dan isu yang dibangkitkan di dalam perbahasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tentang *Emergency Ordinance*, adakah anggota polis ditahan di bawah *Emergency Ordinance*?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Yang Berhormat Timbalan Menteri, Timbalan Menteri, hendak habiskan sekarang atau hendak sambung esok? Esok ya...

Dato' Fu Ah Kiow: Banyak lagi, tak sempat...ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguh sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.33 malam.